



NEGERI PULAU PINANG

**SESI LIBAT URUS
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (AMMK)
BERSAMA
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN)
PULAU PINANG 2021**

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

29 MAC 2021 – 30 MAC 2021

Dikeluarkan oleh

**BAHAGIAN DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG**

PENYATA RASMI

**SESI LIBAT URUS
AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN (AMMK) BERSAMA
AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI (ADUN)
PULAU PINANG 2021**

30 MAC 2021 (HARI KEDUA)

Kandungan	Muka Surat
Pengumuman oleh Pengacara Majlis	1 - 3
Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh) mengambil bahagian dalam sesi pembentangan	3 - 32
Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng) mengambil bahagian dalam sesi pembentangan	32 - 55
YB. Timbalan Ketua Menteri II mengambil bahagian dalam sesi pembentangan	55 - 83
YB. Timbalan Ketua Menteri I mengambil bahagian dalam sesi pembentangan	84 - 105
Y.A.B. Ketua Menteri mengambil bahagian dalam sesi pembentangan	106 - 128
Ucapan penutup oleh Y.A.B. Ketua Menteri	128 - 129
<i>Mesyuarat ditangguhkan.</i>	

HARI KEDUA

PERKARA : SESI LIBAT URUS ANTARA AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI BERSAMA DENGAN AHLI DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG BAGI TAHUN 2021 - HARI KEDUA

TEMPAT : HOTEL ST. GILES WEMBLEY

TARIKH : 30 MAC 2021 (SELASA)

MASA : 9.30 PAGI – 4.30 PETANG

Pengacara Majlis:

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum w.b.t, salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow (Ketua Menteri Pulau Pinang), Yang Berhormat Dato' Law Choo Kiang (Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri), Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mohd Narawi (Penasihat Undang-Undang Negeri), Yang Berhormat Dato' Dr. Mohamad Farazi bin Johari (Pegawai Kewangan Negeri Pulau Pinang), Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berusaha Encik Ahmad Rizal bin Mohd Hanapiah (Timbalan Setiausaha Kerajaan Pengurusan), Ketua-Ketua Jabatan, pihak-pihak media, tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Bagi memberkati majlis pada pagi ini, majlis dengan penuh takzimnya menjemput saudara Nurul Naim Bin Abdul Karim bagi memimpin bacaan doa. Dipersilakan.

Encik Nurul Naim bin Abdul Karim:

Bacaan Doa.

Pengacara Majlis:

Amin, amin ya Rabbal Alamin. Terima kasih diucapkan kepada saudara Nurul Naim Abdul Karim di atas pimpinan bacaan doa sebentar tadi.

Ahli-Ahli Yang Berhormat, perjalanan sesi dialog bersama Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada hari ini adalah seperti hari yang pertama iaitu setiap Yang Berhormat EXCO diperuntukkan masa selama 60 minit di mana 20 minit bagi pembentangan Yang Berhormat EXCO, dan 40 minit bagi sesi soal jawab. Mana-mana Yang Berhormat ADUN boleh mengajukan soalan-soalan berkaitan portfolio Yang Berhormat EXCO. Yang Berhormat ADUN, ingin mengajukan soalan kepada Yang Berhormat EXCO ketika sesi soal jawab, boleh berdiri di tempat masing-masing untuk mengajukan soalan. Sebagai panduan kepada Yang Berhormat EXCO, loceng akan dibunyikan sekali 2 minit sebelum tamat 20 minit yang pertama dan 2 kali setelah tamat tempoh 20 minit bagi pembentangan Yang Berhormat EXCO. Loceng juga akan dibunyikan sekali pada minit ke 55 dan 2 kali setelah tamat tempoh 60 minit bagi setiap sesi.

Untuk makluman para hadirin sekalian, majlis tidak akan berhenti rehat untuk minum pagi atau petang, namun kudapan ringan akan disediakan di *foyer ballroom* ini. Ahli-Ahli Yang Berhormat dan para hadirin

dijemput untuk menikmati hidangan mengikut kesesuaian masa masing-masing.

NAMA AMMK : YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH

TARIKH : 30 MAC 2021 (SELASA)

MASA : 9.30 PAGI – 10.30 PAGI

NO. : 7

Pengacara Majlis:

Para hadirin sekalian, majlis akan diteruskan dengan agenda hari kedua Sesi Libat Urus Antara Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bersama dengan Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2021. Dengan itu, majlis mempersilakan Yang Berhormat Jagdeep Singh Deo, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan Kerajaan Tempatan, Perancang Bandar dan Desa bagi memulakan sesi pertama pada hari ini. Dipersilakan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Selamat pagi saya ucapkan kepada saudari Pengacara Sesi Libat Urus yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Selamat pagi saya ucapkan kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Tuan Chow Kon Yeow dan keseluruhan pimpinan EXCO Negeri Pulau Pinang juga kepada Dato' Speaker yang turut hadir, Dato' Timbalan Speaker, kepada semua rakan ADUN Negeri Pulau Pinang yang hadir dalam Sesi Libat Urus ini. Terima kasih kerana membenarkan saya menyatakan sepatah

dua berkenaan portfolio saya iaitu Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar dan Desa.

Dan saya cuma ingin sebelum mulakan ingin laungkan apa yang telah dilaksanakan oleh Ketua Menteri saya iaitu melaksanakan atau anjurkan Sesi Libat Urus ini yang begitu penting di mana kita satu-satunya negeri yang berbuat sedemikian dan di mana kita harap Parlimen boleh juga ambil iktibar tentang perlunya ada sesi dialog kalau dalam darurat kita tidak boleh adakan sesi Parlimen, mungkin ada dialog di peringkat Parlimen juga. Kalau kita boleh buat di sini saya pasti di situ pun boleh dibuat dan terima kasih kepada semua untuk beri saya peluang ini.

Saya ada tiga (3) portfolio cuma kita diberi satu (1) jam kalau ini boleh dilakukan sekali lagi, saya harap ini bukan kali terakhir. Ketua Menteri mungkin setiap EXCO, setiap portfolio satu (1) jam lebih baik kerana kalau kita ada tiga (3) portfolio dalam 20 minit saya sudah pun dalam ucapan terima saya sudah lima (5) minit so akan terus pada apa yang berlaku di bawah portfolio saya.

Yang pertama, di bawah Perumahan ingin saya nyatakan di bawah Visi Pulau Pinang 2030, kita ada sasaran untuk membekal perumahan mampu milik pada rakyat Pulau Pinang, *in fact* dalam dokumen tersebut yang merupakan agenda yang pertama dan saya ucapkan terima kasih kepada Ketua Menteri yang mempunyai pemikiran bahawa itulah yang terpenting di dalam mana-mana negara di semua dunia. Dalam mana-mana negara di dunia yang terpenting adalah perumahan and *we certainly have recognise that* apabila dalam dokumen itu memang diletakkan pada tangga yang terdepan.

Pada asalnya apabila Visi Pulau Pinang digubalkan, dalam perbincangan kita, kita lihat bahawasanya sasaran kita adalah 180,000

unit perumahan mampu milik. *We felt that 180,000 affordable housing units were necessary come 2030* dan itu adalah sebelum COVID-19 dan setelah COVID-19 kita lihat ada satu *trend* yang melihat bahawasanya perlu kita ada lebih perumahan mampu milik kerana ramai tidak dapat memampu perumahan yang kosnya beratusan ribu ataupun berjutaan.

Jadi, dalam perbincangan lanjut kita ada sasaran baru iaitu kita naikkan ataupun pertingkatkan sasaran itu kepada 220,000 unit dan saya gembira untuk memberitahu semua bahawasanya daripada sasaran baru kita iaitu 220,000 unit itu kita telah pun mencapai satu peratusan pencapaian 51.8%. *We have now achieve 51.8% out of the target of 220,000 which is 113,960 units of various type of affordable housing.* Pelbagai jenis Rumah Mampu Milik daripada kos rendah harga RM42,000.00, kos sederhana rendah harga RM72,500.00 dan pelbagai Rumah Mampu Milik sehingga RM300,000.00 di bahagian Pulau dan RM250,000.00 di bahagian Seberang. Kita akan terus dengan usaha kita dan saya yakin kita akan capai sasaran kita iaitu 220,000 unit menjelang 2030 selaras dengan Visi Pulau Pinang 2030.

Selain daripada itu, keutamaan kita juga selain daripada pembekalan perumahan mampu milik yang cukup kita juga ada komitmen untuk pastikan Rumah Mampu Milik kita pelbagai jenis rumah awam, perumahan awam, perumahan di bawah seliaan Majlis-Majlis Bandaraya, perumahan swasta juga yang layak akan diberi bantuan dari segi penyelenggaraan dia di mana kita ada pelbagai tabung di peringkat negeri dan untuk makluman semua ingin saya beri sedikit *update* setakat ini, hampir RM267 juta telah kita belanja untuk memberi bantuan kepada skim-skim perumahan ini yang layak dan kita akan terus dengan itu. Kita juga pada masa yang sama harap Kerajaan Pusat akan bantu.

Saya sebelum peralihan kuasa pada Mac tahun sudah, selalu menyatakan kita dianaktirikan, dipinggirkan dan saya harap ini tidak akan berterusan setelah itu berlaku tetapi di peringkat negeri kita akan teruskan kalau kita boleh lihat memang kita akan teruskan dengan skim-skim penyelenggaraan kita juga kita melihat bahawasanya dari segi perumahan, isu yang pertama yang walaupun kita boleh bekalkan unit-unit yang mencukupi dan sebagainya.

Permasalahan dia adalah apabila kita tawarkan perumahan kepada mereka yang layak mereka ada permasalahan dari segi tidak dapat pinjaman bank. Jadi, oleh yang sedemikian kita juga telah wujudkan beberapa kaedah lain iaitu terutamanya kaedah sewa beli di mana kita sekarang ada beberapa projek yang telah pun kita laksanakan dalam hampir 2,000 unit dalam berapa projek yang telah pun kita tawarkan kepada beberapa orang untuk diagihkan secara kaedah sewa beli.

Saya ingin pergi kepada satu perkara penting iaitu di Pulau Pinang baru-baru ini walaupun pada 2014 satu enakmen telah pun diluluskan di Dewan Undangan Negeri iaitu untuk penubuhan Lembaga Perumahan Pulau Pinang. Kita lihat bahawasanya ia tidak dapat berjalan dengan baik dan oleh yang demikian kita telah melihat bahawasanya perlu ia diteruskan dan gembira saya ucapkan bahawasanya pada tahun ini 1 Januari ia telah mula dilaksanakan. *So, our Penang Housing Board is up and running as of 1st January* di mana tujuan utama Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang adalah untuk merangkumi semua agensi di negeri yang ada projek-projek perumahan untuk kita lihat bagaimana kita boleh laksanakannya dengan sempurna. *Rather than many agencies handling such a such projects we have it under one umbrella body namely the Penang Housing Board* dan gembira saya nyatakan bahawasanya kita telah pun adakan beberapa mesyuarat lembaga tersebut yang dipimpin

oleh Ketua Menteri sebagai Pengerusi dan sememangnya kita sedang lihat bagaimana kita boleh teruskan dan mara ke hadapan dengan agenda kita untuk pastikan ada lebih projek perumahan mampu milik untuk rakyat Negeri Pulau Pinang.

Saya teruskan dengan portfolio kedua saya yang begitu penting iaitu Portfolio Kerajaan Tempatan di mana ingin saya nyatakan bahawasanya Kerajaan Tempatan ada banyak tanggungjawab atas bahu mereka sekarang terutamanya sewaktu COVID-19. Saya telah pun arahkan kedua-dua Datuk Bandar saya yang hadir bahawasanya begitu penting untuk kita pastikan ada pematuhan terhadap SOP dan kedua-dua Majlis Bandaraya saya mempunyai tenaga di lapangan hampir 5,000 orang. 2,000 di bahagian Pulau dan 3,000 di bahagian Seberang dan ingin saya ambil kesempatan di sini di hadapan semua rakan saya untuk memberi penghargaan yang setinggi-tingginya kepada mereka kerana mereka telah pun bertungkus lumus sejak diisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac tahun sudah.

Sudah satu (1) tahun lebih sekarang tetapi mereka masih berterusan berada di lapangan. Walaupun semalam kita lihat hari pertama kita turun kepada tiga (3) digit di seluruh Malaysia. Di Pulau Pinang masih ada kes tetapi saya selalu peringati semua di Pulau Pinang kita ada rekod di mana kita ada rekod tertinggi 0 kes 100 lebih hari tahun sudah dan saya percaya bahawasanya kalau semua rakyat Pulau Pinang terus berdisiplin kita boleh kembali ke landasan tersebut dan kita perlu kerjasama daripada semua agensi termasuk kedua-dua Pihak Berkusa Tempatan kita yang diterajui oleh kedua-dua Datuk Bandar saya Dato' Yew Tung Seang daripada MBPP terima kasih dan Dato' Rozali daripada MBSP terima kasih kerana pimpinan mereka menonjolkan satu kadar pematuhan oleh rakyat Pulau Pinang yang begitu baik iaitu lebih daripada 99%. Apabila

kita buat pemeriksaan di semua kemudahan awam seperti pasar awam, tempat-tempat penjaja, restoran, kilang-kilang, tempat pembinaan dan sebagainya teruskan usaha itu, itu penting. Sekarang kalau agenda kita yang terpenting yang terutama adalah bagaimana kita hendak perangi COVID-19 itu sahaja dan saya gembira berada di sini dengan kerjasama kedua-dua Datuk Bandar saya sekian lama kita telah lihat bagaimana kita boleh atasi masalah ini dan kita akan tegas.

Pada pagi ini, saya hendak nyatakan dan ulangi kita akan tegas, kita tidak akan kompromi terhadap pematuhan SOP kalau ada ketidakpatuhan kita akan ambil tindakan. Saya dapat maklumat bahawasanya setakat ini 1,553 premis pelbagai jenis telah pun ditutup sejak 18 Mac tahun sudah. Setelah mereka patuh kita buka semula *but that this how we have to be, we have to be firm to be fair* kerana satu (1) atau dua (2) orang tidak adil tidak patuh lain orang akan terkesan dan itu tidak adil dan itulah pendirian Kerajaan Negeri dan kita akan teruskan dengan itu.

Ingin saya juga nyatakan bahawasanya apabila kita lihat pada pematuhan SOP itu adalah satu perkara ia perlu teruskan walaupun sekarang vaksin sudah masuk SOP perlu diteruskan ia tidak bermaksud kerana vaksin sudah mari maka kita tidak perlu patuhi SOP. Saya telah terima kedua-dua vaksin saya dan saya terkejut semalam apabila ada satu soalan mengapa dua-dua Datuk Bandar saya tidak terima vaksin. Saya hendak tanya satu soalan, saya pergi apabila saya dapat vaksin kedua saya, suntikan kedua saya, dalam *queue* yang saya ada di belakang saya, saya kenal beberapa doktorlah kita orang Pulau Pinang dia kata dia datang untuk vaksin pertama. Ada tiga (3) fasa untuk divaksin. Fasa pertama ada dua (2) kategori, kategori pertama adalah anggota kesihatan (*health care workers*) iaitu doktor. Kategori kedua termasuk MPSA, anggota atau wakil rakyat. Mengapa saya diberi sebelum

doktor? Itu soalan saya. Sekarang saya tahu ada doktor dan ada *dentist* dan sebagainya yang masih belum divaksin. Mereka perlu diberi keutamaan, mereka ini terdedah kepada risiko yang tertinggi *yes we are also but what is happening where is the priority I think that should be relook* saya harap ini dapat dilihat semula *and* untuk maklumat kita dalam kategori kedua dalam fasa pertama. Kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan tidak dimasukkan dalam senarai dan saya dalam Majlis Negara Kerajaan Tempatan minta Menteri Dato' Sri Fadillah Yusof mengapa ini berlaku *and I think the next day was the meeting with the Ketua Menteri and he agreed okay* untuk penguatkuasa kita berikan tapi bagaimana dengan lain. Mereka hari-hari ada di luar untuk jaga dan pastikan ada memantau ada pematuhan pada SOP seperti mana saya nyatakan *but at least for the start the* penguatkuasa saya harap dapat diberi keutamaan. Mereka telah dibenarkan dalam senarai itu adalah baik iaitu kita ada 743 anggota penguatkuasaan di seluruh Pulau Pinang yang telah dimasukkan dalam senarai.

Yang penting juga dalam era pandemik COVID-19 ingin saya nyatakan bahawasanya selain daripada kita beri keutamaan kepada keselamatan awam dan kesihatan juga kita perlu bangkit dari segi ekonomi *very important* dan saya ucapkan ribuan terima kasih kepada Kerajaan Pulau Pinang kerana telah mengambil beberapa usaha iaitu melaksanakan Pakej Perangsangan Ekonomi 1.0, 2.0, 3.0 dan 3.1 sekarang yang berjumlah hampir RM180 juta *thank you so much*. Di mana di dalam kategori-kategori yang diberikan bantuan kewangan ataupun diberi pengecualian bayaran dan sebagainya. Antaranya yang terbanyak adalah mereka di bawah Kerajaan Tempatan seperti peniaga-peniaga berlesen, yang *bertagging*, mereka yang menyewa premis dan

sebagainya *it's very important* dan kita akan teruskan lihat bagaimana kita boleh bantu.

Selain daripada itu, dalam bantuan ini, untuk makluman semua Kerajaan Tempatan telah pun memberi *rebate* cukai taksiran. Untuk tahun 2020 kita beri *rebate* cukai taksiran yang dinaikkan daripada tahun lepas kerana ada *exercise* untuk melihat pengkadaran semula 100% atas kenaikan itu. *100% rebate on the increase and the we want to appreciate that in fact for 2020 for information* dalam pemberian *rebate* itu ia bermaksud kita tidak kutip RM47.3 juta dan untuk tahun ini kita masih beri *rebate* tetapi pada kadar 50% atas kenaikan yang bermaksud RM24.4 juta. Itu adalah satu tindakan yang menunjukkan keprihatinan kita dalam semua aspek untuk bantu rakyat juga bangkit dalam usaha kita untuk memerangi pandemik COVID-19.

Kita ada banyak lagi yang ingin saya nyatakan mungkin saya hendak ucapkan terima kasih kepada unit Kerajaan Tempatan di bawah portfolio saya dalam menjadikan suatu realiti Negeri Pulau Pinang selaras dengan Visi Pulau Pinang kita untuk menjadikan satu negeri yang hijau, yang pintar berfokuskan keluarga yang akan menginspirasi negara di mana kita ada pun sekarang 73 inisiatif pintar dan saya telah pun membuat pengumuman bahawa tidak lama lagi kita akan sampai ke 100. So, satu ucapan terima kasih kepada seluruh tenaga saya di Kerajaan Tempatan. Banyak yang saya nyatakan sebelum ini, sekarang lagi saya nyatakan inisiatif pintar ini boleh kita gunakan, teknologi ini kita boleh gunakan untuk atasi COVID-19 seperti mana kita ada inisiatif tanpa tunai. Sekarang di semua 23 Agensi Kerajaan boleh dibuat secara tanpa tunai. Mengapa ia penting? Apa maksud ia? Kerana kita tidak ada sentuhan *we have less contact when we have cashless (just give me one minute)* dan

itu satu daripada banyak tetapi di pasar awam di Agensi Kerajaan dan banyak lagi.

Saya tak sempat sampai kepada portfolio ketiga saya mungkin satu (1) minit *very fast* di bawah PLANMalaysia iaitu JPBD dahulu, saya gembira untuk nyatakan satu soalan yang selalu dinyatakan apa status rancangan-ancangan kita, untuk makluman Rancangan Struktur Negeri telah pun diwartakan Oktober 2019. Rancangan Tempatan Pulau Pinang dan Daerah Seberang Perai sedang dalam peringkat laporan dan akan dijangka akan diwartakan pada Disember tahun ini dan beberapa rancangan kawasan khas juga telah pun siap seperti Taman Botani siap, UNESCO dalam kajian semula dan juga dalam Disember kita harap.

Mungkin yang penting juga dalam COVID-19 sekali lagi kita telah pun keluarkan garis panduan asrama pekerja, kita tahu satu daripada punca pertama jangkitan adalah di kilang, jadi kita telah pun ada garis panduan bagaimana kita hendak tangani isu itu iaitu kita hendak kalau boleh benarkan dibina asrama pekerja di tapak kilang dan juga di tempat komersial jauh daripada skim perumahan dan yang terakhir sekali di PLANMalaysia kita ada banyak yang saya boleh sebut mungkin saya cuma hendak sebut satu perkara berkenaan hala tuju kita di Negeri Pulau Pinang.

Kita ada banyak program penambakan yang sedang dirancang tetapi satu (1) telah pun siap Gurney Wharf dan kita telah pun dalam satu peringkat maju sekarang *very advance stage* di mana saya telah arahkan supaya semua proses dilakukan dengan secepat mungkin dan kita akan harap-harap, saya harap pada pertengahan tahun depan rakyat Pulau Pinang dapat pergi dan menikmati kemudahan awam tersebut yang adalah perancangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Jadi dengan itu, saya ucapkan terima kasih kerana saya telah pun mencecahi 20 minit *thank*

you so much for allowing me to speak a little bit more saya jemput kalau ada soalan. Silakan.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

YB EXCO.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Saya ada satu soalan. *Okay*, untuk penginapan untuk pekerja sama ada pekerja asing ataupun pekerja tempatan amat penting sebelum ini ataupun dalam pandemik wabak COVID-19 ini. So, saya ingin nak bertanya kepada YB EXCO apakah rancangan ataupun tindakan yang telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri khususnya bagi YB EXCO yang memegang portfolio Kerajaan Tempatan berkenaan dengan penginapan pekerja dan apakah garis panduan yang terbaru seperti YB EXCO tadi katakan garis panduan terbaru yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri sama ada kita membenarkan pembinaan penginapan pekerja di dalam kawasan kilang ataupun di pusat perniagaan, unit perniagaan secara sementara waktu ataupun kekal selamanya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada rakan saya daripada Jawi. *Thank you so much*, itu satu soalan yang begitu tepat pada masa dia kerana perlu ditangani permasalahan perebakan COVID-19 daripada kilang yang merupakan salah satu ataupun yang pertamalah *that's the main source of the spread*

of the infection dan untuk makluman semua sebelum COVID-19 pun kita telah pun wujudkan garis panduan tetapi ingin saya nyatakan apabila kita wujudkan garis panduan itu ada pihak yang menentang Kerajaan Negeri, saya beri beberapa contoh di bahagian Seberang, ada beberapa pihak yang keluar menentang *I think* YB Gooi Hsiao Leung selalu datang jumpa saya dan saya selalu cuba beri penjelasan mengapa ia begitu penting.

Tentang, tidak setuju, lepas COVID-19 mereka lari ke Pejabat saya mana *dormitory* itu, sekarang mereka tahu, tetapi untuk bina sesuatu *dormitory* ambil masa, ia ambil masa dua (2), tiga (3) tahun. Kita tidak boleh tunggu, COVID-19 tak tunggu, COVID-19 hari-hari ada, jadi kita perlu *think out of the box*. Dalam mesyuarat MNKT saya tanya Fadillah Yusof, Menteri apa yang sedang berlaku. Di Pulau Pinang kita sudah ada garis panduan *but we cannot follow that because it will take time and COVID-19 have no time. So, we have to win this war against COVID-19 so we have to think out of the box*, jadi saya cadangkan pada Pusat, kalau ada kilang yang mana sesuai ia punya saiz dan sebagainya untuk dibina satu (1) *dormitory* di situ mungkin untuk satu tempoh sementara kita menunggu COVID-19 ini habis benarkan.

Permasalahan adalah mereka tidak mahu pekerja asing duduk dalam skim perumahan, jadi nombor dua saya cadangkan ada banyak skim-skim komersial, mungkin kita boleh lihat unit kosong jauh daripada skim perumahan, juga boleh dipertimbangkan dan saya gembira untuk nyatakan dia setuju, dia setuju dengan Pulau Pinang dan sekarang kita ada beberapa permohonan sudah untuk itu. Kalau saya tidak silap hampir 6, di bahagian Pulau, di bahagian Seberang *and we will move forward, we have to move forward, this war against COVID-19 we cannot wait because they don't, it is not waiting.*

Untuk maklumat YB Jawi, menanyakan soalan yang begitu baik dan tepat sekali pada masa dia. Sekarang, untuk makluman semua jumlah pembinaan *dormitory* pekerja yang sudah siap adalah dua (2), satu (1) di Seberang Perai, di Bukit Minyak, satu (1) di Batu Maung di Pulau yang mempunyai 6,221 katil, 3,321 katil di bahagian Seberang 2,900 katil di bahagian Pulau dan yang telah lulus dan adalah dalam proses pembinaan itu yang penting saya nak umumkan. Ada lima (5) projek yang keseluruhannya akan kita lihat 27,658 katil. *So, what has already been done is two (2) project with 6,221 beds and what is being done in the process of being done is five (5) project which were see 27,658 beds and in the process, I'm very happy to say ini menjadi satu business baru, model business baru untuk pemaju, pemaju sekarang tak boleh bina perumahan berjuta-juta ringgit, beratusan ribu ringgit. So, mereka lihat ini adalah model business perniagaan yang baru.*

Baru-baru ini, saya terima yang terbesar, satu projek di Daerah Barat Daya, dalam itu projek, satu projek ada 30,000 katil *in one project and after that before I prepare this just last week, another one in the same area* dengan 7,000 katil. *The biggest 30,000 in one project they see this is a new business, that what we got to do, but this thing will take time. So, in between* dalam proses ia berlaku kita perlu pastikan kita teruskan untuk lihat bagaimana kita boleh bantu supaya dapat dikawal keadaan COVID-19 yang merebak di kilang-kilang dengan menempatkan mereka seperti mana saya nyatakan di kilang-kilang ataupun di tempat komersial jauh daripada skim perumahan, jadi itulah jawapan saya kepada YB Jawi, *thank you so much for very good question. Ada apa-apa soalan lain?*

Ahli Kawasan Batu Lintang (YB. Ong Ah Teong):

YB. EXCO.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Batu Lancang *first*. Dia bangun tadi, sama *same*. *I think I take* Batu Lancang *first*.

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

YB EXCO, soalan saya ada berkenaan dengan isu ayam.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ayam?

Ahli Kawasan Batu Lancang (YB. Ong Ah Teong):

Yes, sebab adanya sesetengah pihak yang mempunyai kepentingan yang telah memainkan isu berhubungan dengan pusat penyimpanan dan pengendalian ayam yang terletak di bahagian Pulau tentang isu halal, monopoli, kebersihan dan kesegaran. So, bagaimanapun perkara ini telah lama dipraktikkan di bahagian Seberang Perai dan negeri-negeri lain. Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada tahun 2006 telah pun memutuskan bahawa pasar tidak tidak lagi dibenarkan untuk penyembelihan ayam. Jadi, apakah pandangan YB EXCO dan Kerajaan Negeri tentang berhubungan perkara ini.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat daripada Batu Lancang atas satu soalan yang telah pun diwar-warkan di media massa dalam beberapa minggu ini. *I think* ia ada beberapa isu berkenaan isu ini

yang bermula daripada apa yang berlaku iaitu pembinaan pusat penyimpanan dan pengedaran ayam di Kawasan YB sendiri *right? I think* di Batu Lanchang yang saya sendiri datang untuk lancarkan *I think maybe 2 years ago now* yang masih dalam proses *I think* belum selesai. Isu yang dibangkitkan adalah tiga (3), kita telah pun ada beberapa mesyuarat dengan semua pihak berkepentingan ada beberapa isu.

Yang pertama adalah isu berkenaan pembekalan ayam halal, dalam mesyuarat saya Jabatan Agama Islam Pulau Pinang (JAIPP) telah dijemput dan saya ingat dalam perbincangan lepas itu saya tak akan pergi kepada *detail* tetapi isu itu yang senang sekali kita atasi mereka sendiri kata tiada masalah. Sememangnya itu bukan satu isu langsung. *So, I won't going to the details but they were there and of course we want to facilitate* kita memang akan mempermudah agar isu sebegitu rupa akan kita selesaikan dan itu selesai.

Isu yang kedua adalah keperluan untuk menggunakan *chiller* iaitu apabila ayam dipotong itu distorkan di dalam satu *chiller*. *I think the issue with the chiller* adalah nombor satu ada dua (2) isu itulah. Nombor satu kos, nombor dua ada ramai yang kata mereka tak mau ayam sejuk. Mereka ayam *fresh*. *They want supply of fresh chicken*. *So*, itu pun kita bincang dan Datuk Bandar saya sendiri berada dengan saya dan saya gembira nyatakan kita begitu proaktif, mereka terus adakan satu mesyuarat *full council* Majlis pada jumaat lalu *I think* di mana mereka setuju untuk menanggungkan keperluan *chiller* itu dan kita akan lihat juga seterusnya bagaimana kita boleh tangani isu itu. Kita di sini untuk melihat dan mendengar keluhan rakyat Pulau Pinang. Sila jangan silap faham kita mungkin ada pihak-pihak yang nak timbulkan isu dan menjadikannya isu apabila walhal ia tidak perlu jadi isu. *So*, yang kedua selesai.

Yang ketiga adalah pusat penyembelihan. Di Pulau Pinang, di bahagian Pulau tiada, di bahagian Seberang ada. So, itu pun saya ada beri cadangan mungkin kita hendak lihat pada satu tapak di mana kita boleh cari untuk dijadikan satu pusat penyembelihan. *We are looking into it*, kalau ia boleh berlaku kita akan lakukannya tetapi ia dalam proses. Saya harap semua dapat faham, jangan politikkan isu ini. *At the end of the day, it is important and we understand* ini semua berlaku kerana Pusat. Undang-undang ini adalah daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bukan sekarang tetapi sudah beberapa tahun. Ada negeri lain yang sudah pun laksanakan tetapi memang walaupun kita hendak, kita akan dengar, kalau ada keluhan kita akan cuba selesai, *no issue*. Ada soalan lain berkenaan isu ini? Dato' Yusoff, rakan saya daripada Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Yang Berhormat EXCO, saya cuma nak sentuh satu (1) dua (2) soalan. Yang pertamanya, tentang jawapan daripada pihak YB EXCO sendiri tentang rumah PPR.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

I cannot hear. Sorry.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Terima kasih YB EXCO, cuma saya nak bangkitkan soalan yang berkaitan jawapan daripada pihak YB EXCO. Pertamanya tentang rumah PPR. Saya bangkitkan isu rumah PPR yang mana ianya merupakan

keperluan kepada rakyat yang tidak mampu untuk beli rumah. Jadi jawapan untuk soalan kedua itu. Apakah Kerajaan bersedia untuk membinanya kalau tidak ada bantuan ataupun peruntukan daripada Pusat? Tetapi jawapannya tidak ada, saya minta penjelasan itu sama ada Kerajaan Negeri buat sendiri ataupun tidak. Tanah dah ada, tapak dah ada tetapi nak buat ataupun tidak rumah PPR yang saya rasa masih lagi kurang dan perlu ditambah.

Kedua tentang kuota pengagihan, pengagihan itu saya tengok RMM A 50% Bumiputera, 30% dan sebagainya. Apakah tahap ataupun kaedah kita laksanakan kuota ini, sebab ia tidak sama rumah RMM A, B dan C. Jadi minta penjelasan.

Ketiga tentang rumah RMM A dan B jadi saya harap pembinaan rumah, saya minta penjelasan untuk dapatkan CCC (Perakuan Siap dan Pematuhan) pemaju swasta tidak payah laksanakan pembinaan rumah A dan B dulu. Adakah betul? Itu saya nak penjelasan. Ini benda yang dibangkitkan isu yang dibangkitkan dan saya nk minta penjelasan supaya saya boleh terangkan, jelaskan memang tidak ada kaedah itu dalam jawapan yang diberi sebab ini isu yang dibangkitkan oleh pihak bawahan. Yang ketiga tentang isu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Yang keempat.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Pusat penyimpanan dan pengendalian ayam. Saya ada empat (4) soalan di sini

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

..dan saya dah dapat penjelasan. Terima kasih, Alhamdulillah cuma saya nak minta penjelasan kaedah kita nak dapatkan pengedar itu. Katanya *tender* terbuka, tetapi apa nasib pengedar-pengedar yang sedia ada kalau boleh diberi juga kelebihan ataupun perhatian kepada pengedar-pengedar yang sedia ada yang telah dan sedang melaksanakan pengedaran ayam kepada peniaga ini. Ramai, saya rasa ramai di *market* ini depa dah sedia ada dah. Jadi kalau boleh juga diberi perhatian kepada mereka-mereka ini

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Baik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Dan yang keempat tentang asrama di taman jadi kalau boleh juga minta penjelasan supaya saya masih ada lagi taman-taman yang dibuat rumah pekerja. Jadi, minta satu tindakan yang tegas kepada mereka ini supaya tidak dibuat taman-taman perumahan sebagai asrama pekerja. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada rakan saya daripada Sungai Dua selalu menanya soalan yang begitu baik. *Thank you so much*, mungkin saya nak mula dengan ayam ya yang saya akhir tadi ingin saya nyatakan tiada timbul isu pembekal tunggal ayam kerana mereka masih dibenarkan mendapatkan bekalan daripada mana-mana pusat penyembelihan di Pulau Pinang di mana kita ada 12 di Seberang, *no issue* yang isu lain yang sebut tadi kita sedang tangani beberapa keputusan telah dibuat kita akan teruskan tetapi saya terbuka untuk perbincangan Dato' *no issues*. *You know my style always open this our government* kita satu Kerajaan yang terbuka kita selalu dengar keluhan rakyat dan cuba selesaikan *I think we are moving forward for this issue*.

Saya pergi kepada isu asrama pekerja juga yang dibangkitkan oleh Dato' YB di mana memang saya setuju. Itulah permasalahan dia sebelum COVID-19 pun tetapi selepas COVID-19 ia menjadi lebih ketara *become even more serious and now they realize*. *Late earlier they complain now they realize, so like I said I given you* ada beberapa projek yang sedang diteruskan projek baru dengan nombor yang terbesar ini jadi model perniagaan untuk banyak pemaju sekarang. Tetapi, dalam pada masa itu kita tidak boleh tunggu lama. So, kita ada kaedah lain seperti mana saya nyatakan dan kita sedang mara hadapan juga dengan kaedah tersebut dan harap-harap saya boleh buat pengumuman dalam masa tersingkat ada satu (1) atau dua (2) kilang yang telah pun setuju kita sedang kenal pasti beberapa tempat komersial yang adalah jauh daripada skim perumahan untuk kita masuk supaya kita boleh mulakan ini dan untuk makluman Dato' *actually* dan semua orang, semua rakan saya di sini *actually* apabila saya cadangkan ini pada MNKT, MNKT sebenarnya

menteri kata mereka akan buat *fast tracking* dan kedua-dua Datuk Bandar saya dan seluruh pasukan mereka tahu apabila permohonan masuk kita akan percepatkan dia, *fast track*. So, mungkin saya ingin pelawakan ada sesiapa yang hendak buat projek sebegini rupa kalau ia boleh ikut semua dan patuh semua syarat kita akan buat secara cepat, *fast tracking*. Ini adalah daripada Pusat *of course* daripada cadangan Pulau Pinang *but this is what happening and I hope to make an announcement at least for one or two in very short while* ia akan berlaku.

Okay, berkenaan keperluan untuk membina rumah kos rendah dan kos sederhana rendah sememangnya Yang Berhormat Dato' Sungai Dua *actually* itu adalah keperluan syarat, tidak boleh lari, memang diperlukan di bawah perundangan ataupun peruntukan kita di kedua-dua Majlis diperlukan di dalam mana-mana pembinaan ataupun pemajuan 30% kos sederhana rendah ataupun kos rendah *depending on the kawasan some places maybe* kos rendah, kos sederhana rendah, *depending*. *Some places maybe even both*. *Even both may even be not 30%, 40 % even more*. Ini memang keperluan, kewajipan dan syarat kedua-dua Majlis Bandaraya. Tiada masalah dengan itu kita akan teruskan kerana keperluan ini adalah begitu penting untuk kita.

Dan seterusnya kuota LC dan LMC ini adalah diperuntukkan di bawah perundangan iaitu Rancangan Struktur Negeri yang merupakan satu dokumen yang mempunyai kuasa perundangan. Di mana untuk kos rendah kita ada peratusannya iaitu *I think* 50% Bumi 30%, 55% Bumi 30% Cina dan lain-lain dan India 15% dan untuk kos sederhana rendah ia adalah 30% Bumi, 55% Chinese dan lain-lain dan 15% India *and this is* yang termaktub dalam RSN yang sudah pun ada ataupun wujud sejak 2007 dan diteruskan. *The issue is* apabila kita ada RMM ataupun Rumah Mampu Milik *which is* jenis lain la kategori lain, spesis yang baru. Kita telah

pun buat keputusan kita akan ikut peratusan kuota LMC untuk RMM, tiada masalah dalam pemilihan kita, kita buat sebegitu rupa *and then we will continue with that* kalau ada cadangan untuk membuat apa-apa pindaan kita boleh lihat.

Ada beberapa isu yang timbul ada tempat khusus-khususnya mungkin tidak dapat memenuhi keperluan kuota itu. Setengah tempat mungkin ada lebih golongan Bumi, setengah tempat mungkin ada lebih golongan Cina itu menjadi pertanyaan dan mungkin kita boleh lihat bagaimana kita hendak tangani dia dan kita sedang melihat pada dia. Bukan satu isu baru, *but we are looking into it because* ini adalah soalan perundangan kerana ia temaktub dalam RSN. Kita perlu lihat sama ada perlu buat pindaan ataupun apakah kaedah kita mara ke hadapan untuk menjawab isu sebegini rupa.

Dan akhir sekali, iaitu soalan pertama Dato' YB daripada Sungai Dua, PPR. PPR di Pulau Pinang kita ada 999 unit. PPR adalah satu mekanisme perumahan di mana kita daripada peringkat negeri memberi tanah pada Pusat dan Pusat akan bina dan serahkan pada kita untuk selenggara dan kita di seluruh negara malangnya mempunyai PPR yang terendah sekali. Kita ada di seluruh negara hampir 130,000 unit tapi di Pulau Pinang cuma kurang daripada 1,000. Tapi sebelum peralihan kuasa pada Mac ataupun perebutan kuasa *if I can say* apa yang berlaku sememangnya kita telah pun memberi tahu ataupun kenal pasti lima (5) bidang tanah YB Dato' di setiap daerah *each* daerah kita beritahu itu adalah permintaan daripada Pusat dan kita telah beritahu dan sememangnya dua (2) daripada dia mereka telah turun daripada KPKT untuk buat semakan atas kesesuaiannya ataupun tidak. *They actually came down one at Kota Giam in Jelutong I went with my ADUN from Sungai Pinang we were there, they came the whole team, this was almost*

a year over already now and then just before what happen in Mac they came to another place in Bayan Lepas, Bukit Gedung di mana keseluruhan pasukan mereka turun untuk lihat kesesuaian dan saya dimaklumkan bahawanya walaupun telah ada peralihan di Pusat mereka masih minat dan ada perbincangan masih dengan kita sekarang Lembaga Perumahan untuk lihat pada tanah di Bukit Gedung untuk dijalankan ataupun dilaksanakan satu projek. So, kita harap mereka masih berterusan untuk membantu kita of course that's was the whole plan of PPR throughout the country and we hope they continue to assist.

Tetapi kepada soalan Dato' YB Sungai Dua ingin saya nyatakan setelah ditubuhkan Lembaga Perumahan salah satu agenda kita kalau mereka tidak bina ataupun bantu kita, kita akan buat sendiri. Kita akan bina rumah-rumah PPR ataupun kos rendah ataupun kos sederhana rendah untuk rakyat Pulau Pinang. *We will do it ourselves, that's the reason why we came out with the Housing Board and saya yakin, saya confident ia boleh dibuat. Kita ada perancangan kita tersendiri bagaimana kaedah kita akan buat sedemikian and I think I thank Dato' YB Sungai Dua kerana keprihatinan agar ini merupakan satu agenda utama kita and this is what I'm saying perancangan ataupun plan kita and kita harap dan doalah agar ia dapat dilaksanakan. Thank you very much. Ada soalan lain? / beri laluan. Siapa?*

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Ayer Itam.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okey, terima kasih kepada Air Itam.

Ahli Kawasan Air Itam (YB. Joseph Ng Soon Siang):

Terima kasih YB EXCO, YB EXCO saya ada satu pertanyaan tentang RIBI. Kita tahu bahawa di kawasan perumahan banyak rumah-rumah digunakan sebagai rumah RIBI lah yang mengakibatkan kacau-ganggu kepada jiran-jiran dan kawasan setempat dan pernah sekali saya bangkitkan isu ini kepada PBT dan saya dimaklumkan bahawa dalam bidang kuasa PBT tiada tindakan dapat diambil kerana tiada perubahan struktur terhadap rumah tersebut yang digunakan sebagai RIBI. Saya nak ingin tau bahawa apakah pandangan YB EXCO tentang isu-isu yang sering timbul ini dan tidak dapat diselesaikan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada Yang Berhormat Ayer Itam sememangnya ini juga di bawah portfolio saya di bawah PLANMalaysia itu RIBI (Rumah Ibadat Bukan Islam) *places of worship other than Islam* di mana sememangnya kita lihat dari mula ada banyak RIBI yang dikatakan dibina sewenang-wenangnya dan sebagainya. Tetapi, kita perlu faham ini adalah satu isu sensitif yang ada menyentuh keagamaan. Jadi, kita perlu berwas-was apabila kita ambil tindakan. Jadi, pendirian Kerajaan Negeri Pulau Pinang kita tubuhkan satu jawatankuasa yang lihat kepada apa-apa aduan terhadap mana-mana RIBI pun di mana kita akan pertimbangkan dan lihat bagaimana kita boleh selesaikannya kerana kita tidak mahu mencetuskan apa-apa permasalahan, keagamaan ini *is a very, religion is very sensitive issue to us and we will try to resolve it as best as we can* dan kita telah lihat dalam jawatankuasa itu *I think more than 99.9%* kita telah dapat selesaikan.

Of course, apabila soalan di tanya tentang PBT ambil tindakan mungkin itu adalah *procedure* mereka tetapi mereka sekarang tertakluk kepada *procedure* di jawatankuasa RIBI juga di mana ada satu pekeliling daripada Kerajaan Negeri melalui Setiausaha Kerajaan Negeri bahawasanya ada *procedure*, kalau hendak ambil tindakan terhadap apa pun aduan terhadap mana-mana RIBI perlu datang kepada jawatankuasa kita dan jawatankuasa kita akan ambil, kita akan pertimbangkan apakah rayuan mereka dan kalau boleh cuba menyelesaikan secara menyeluruhan. *I think* itulah yang terpenting sekali Yang Berhormat Ayer Itam. *Thank you for the question, very important.*

Yes, Sungai Pinang. Silakan Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Ya, YB EXCO Datok Keramat. Terima kasih daripada soalan yang telah dijawab. Soalan saya bahawa tentang pusat penyembelihan khinzir, banyak telah pembaikan dan penyelenggaraan akan dilakukan tapi saya ingin bangkit di sini bahawa punca, punca adalah kekurangan penyelenggaraan dan pemantauan. Maka saya haraplah selepas itu bila pembaikan dan penaiktarafan peralatan jentera atau mekanikal itu dibuat dan penyelenggaraan yang lebih sempurna perlu diambil *serious*, sebab ini juga melibatkan pegawai yang bertanggungjawab supaya selalu mengambil berat isu ini dan tidak akan menyusahkan operator di pusat penyembelihan itu. *We need a check and balance*, seperti yang disarankan oleh Ketua Menteri, prinsip semak dan imbang perlu dilaksanakan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada rakan saya daripada Sungai Pinang. *Thank you so much*. Sememangnya kita telah pun mendapat *feedback* daripada semua pihak berkenaan pusat penyembelihan khinzir dan MBPP sememangnya sedang mengambil tindakan untuk menaik taraf. *If I can say, facility* tersebut sedang berlaku, sudah pun berlaku dan sedang terus berlaku tetapi saya ambil maklum apa ADUN Sungai Pinang kata kita memang tahu ada isu berkenaan, mungkin pekerja di situ, Datuk Bandar saya ada di sini, saya ingat dia boleh juga ambil maklum tentang apa ADUN Sungai Pinang nyatakan dan mungkin saya boleh aturkan. *I think, in fact* ADUN Sungai Pinang prihatin tentang isu ini dan sudah pun ada beberapa mesyuarat dengan pihak MBPP dan kita teruskan untuk *tackle the final details in terms of staffing* and kalau perlu lebih operator dan sebagainya. *I think I understand what you are saying. Thank you so much Sungai Pinang, we will look into it.* Ada apa-apa soalan lagi? Ada masa lagi?

Boleh, *no problem*.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

YB.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Silakan.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Sini, Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

YB. Goh can. Oh, Satees. Which one? Up to you all, you all decide.

Satees.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Bagan Dalam dulu, SPS sudah tanya banyak.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Tentang isu perumahan *low cost*.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Your one is what?

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

On perumahan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Same. Okay, quickly la both no problem. Beri saya sedikit masa lagi.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Boleh-boleh.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Important.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Tentang isu perumahan kos rendah sedia ada terutama di Seberang Perai iaitu di Seberang Perai Selatan terdapat banyak perumahan pangsa kos rendah yang wujudnya ada terdapat unit kosong, unit yang disewa kepada warga asing, tiada perbadanan pengurusan, terdapat tunggakan *fee* pengurusan dan juga secara keseluruhannya perumahan kos rendah itu berada dalam tahap kualiti tempat tinggal atau kehidupan yang agak rendah. Apakah tindakan Jabatan Perumahan ataupun Jabatan COB dalam MBSP untuk menangani isu ini?

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Okay, I will just quickly answer YB Goh. Thank you so much. Terima kasih. In fact, ini adalah satu permasalahan yang berlaku bukan sahaja di kawasan kita ataupun YB tetapi ada juga kes-kes di tempat lain. In fact, some of perumahan awam yang perlu sudah pun ditubuhkan JMB atau MC masih belum. *So, apabila kita ada Jabatan Perumahan kita sudah pun sedang tangani ini melalui COB di mana kita harap mereka dapat membantu mereka untuk adakan mesyuarat supaya the first thing is* JMB ataupun MC ditubuhkan supaya kita boleh tangani semua isu lain seperti tunggakan *and then a* penyelenggaraan, skim dan sebagainya.

So, kita akan teruskan dengan itu saya itu adalah begitu penting untuk saya dan sekarang saya telah arahkan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang untuk pastikan kita ada unit untuk melihat kepada itu dan kita sedang ada itu. In fact, to your question kita akan ada satu kertas yang akan masuk pada EXCO tak lama lagi telah pun disediakan di mana kita hendak lihat bagaimana kita boleh perkasakan penduduk sendiri untuk ambil alih kawalan ataupun *take control of their units and that I hope*

will be answer to you but I agree banyak kes ataupun skim sebegitu rupa.
Thank you very much. Mungkin YB. Satees.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Terima kasih YB. Kita telah mendengar tentang projek perumahan PPR, kos rendah dan kos sederhana rendah dan sebagainya. Satu soalan saya adalah tentang satu lagi projek perumahan yang saya nampak memang popular di kalangan rakyat khususnya kepada mereka yang kurang berpendapatan rendah dan juga tiada pendapatan yang terpaksa bergantung kepada pendapatan daripada elaun JKM dan sebagainya.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Ya.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Satu projek di Bandar Butterworth adalah sewa beli di sebelah Sekolah Tamil Mak Mandin dan ini adalah satu projek yang bagus di mana, baik di mana rakyat yang berpendapatan rendah mereka tidak perlu pergi dan tunggu di bank untuk mendapatkan pinjaman perumahan dan saya nampak perbezaan dia pun kalau seorang ingin beli perumahan kos rendah dengan pinjaman bank dia terpaksa bayar hutang sebanyak 30 atau 35 tahun tetapi dengan rumah sewa beli yang dimulakan di Pulau Pinang ini saya nampak mereka hanya perlu bayar lebih kurang 19 tahun sahaja. So, saya nak tahu jika Kerajaan Negeri mempunyai perancangan masa hadapan untuk mewujudkan perumahan sewa beli seumpama ini di kawasan Seberang Perai Utama khususnya di kawasan Butterworth, Bagan sendiri dan jika tiada apa yang menghalang Kerajaan Negeri daripada membuat projek-projek seumpama ini. Terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bagan Dalam. *Thank you* kepada YB Satees. Sememangnya seperti mana saya nyatakan di dalam ucapan saya awal tadi salah satu cabaran terbesar kita walaupun kita boleh bina rumah dan tawarkan untuk dibeli mereka tidak mampu beli memandangkan mereka tidak dapat pinjaman dari bank jadi kita perlu *look out of the box*, adakan kaedah lain dan kaedah yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri adalah kaedah sewa beli *rent to own in other words*. Di mana untuk makluman semua kita telah pun ada beberapa projek sekarang bukan sahaja di bahagian Seberang juga di bahagian Pulau *in fact Pulau is even worst because the prices even higher even difficult to obtain*.

Di Pulau kita ada *I think one or two* projek di Balik Pulau sudah *diconvert* daripada pembelian *low cost* kepada sewa beli *and in fact*, di bahagian Seberang saya ingin nyatakan saya bersama Ketua Menteri saya sendiri pergi kepada satu Projek Perumahan Rakyat (PPR) iaitu di Desa Wawasan, ada dua (2) blok satu (1) blok kita *convert* kepada sewa beli supaya mereka dapat menjadi pemilik pada akhirnya *and I think that's is the way forward I agree with you Satees we are looking for more project*. So, apabila kita ada projek di mana diserahkan pada Kerajaan Negeri seperti projek *low cost* ataupun *low medium cost* kita boleh lihat mungkin separuh ataupun beberapa peratus daripadanya *diconvert* kepada sewa beli supaya ada kemampuan untuk membelinya melalui kaedah itu. *Very important, I think I mention we have about 2,250 units now if I not mistaken* yang sudah pun ada di dalam *market* untuk disewa beli dan ada banyak permohonanlah yang sedang masuk and kita sedang meneliti dan

mempertimbangkan permohonan-permohonan sebegitu rupa untuk lihat sama ada mereka layak ataupun tidak.

I think that's it, no extra time. Thank you very much. So, any other, there is nothing. YB KOMTAR please.

Ahli Kawasan KOMTAR (YB. Teh Lai Heng)

Yang Berhormat Datok Keramat saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datok Keramat kerana pada sesi DUN yang lepas saya telah bangkitkan isu The Rise dan masalah *defect-defect* di *common area* itu pada masa ketika itu beratus ratus dan satu komuniti telah di *set up* untuk membuat pemantauan dan sekarang *defect-defect* itu telah kurang sampai 100 lebih dan pemantauan sedang dijalankan baik oleh PDC dan Pejabat YB juga tetapi ada sedikit masalah lagi tentang penyerahan dewan masyarakat, kompleks makanan yang akan diserahkan kepada MBPP, masih belum dijalankan lah. So, harap penyerahan itu boleh dapat dijalankan secepat mungkin dan dewan itu boleh digunakan dan kompleks makanan itu boleh disewa kepada orang-orang yang ingin menjalankan perniagaan. Sekian, terima kasih.

Ahli Kawasan Datok Keramat (YB. Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh):

Thank you so much to YB Teh from KOMTAR. Sememangnya apabila beliau membangkitkan isu ini, saya telah arahkan PDC supaya tegas sedikit dalam kes ini dan mereka sedang buat apa yang berlaku / their getting close to completion tapi I think PDC is also being very firm dalam mesyuarat-mesyuarat kita saya minta mereka jangan bertolak ansurlah. Kita hendak pastikan projek-projek perumahan kita especially projek perumahan mampu milik pada rakyat adalah projek yang sempurna

dan tidak ada permasalahan dan saya gembiralah seperti YB Teh kata mungkin ada *some progress* dan kita hampir boleh selesai *but I think I take your issue on the dewan masyarakat and the kompleks* makanan. Okay, saya akan bincang dengan pihak-pihak yang berkenaan. Terima kasih kepada YB KOMTAR.

Dengan itu saya perlu minta diri. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Ketua Menteri saya kerana mengaturkan Sesi Libat Urus ini yang saya harap akan diteruskan pada masa hadapan juga. Terima kasih, *thank you very much.*

NAMA AMMK : YB CHONG ENG

TARIKH : 30 MAC 2021 (SELASA)

MASA : 10.30 PAGI – 11.30 PAGI

NO. : 8

Pengacara Majlis:

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Jagdeep Singh Deo di atas pembentangan beliau sebentar tadi. Majlis pada pagi ini akan diteruskan lagi dengan sesi yang kedua pada hari ini dengan hormatnya dipersilakan Yang Berhormat Chong Eng, Pengerusi Jawatankuasa MMK Pembangunan Sosial dan Agama Bukan Islam untuk memulakan sesi seterusnya. Dipersilakan.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, tuan-

tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian. Selamat pagi dan Salam Harapan.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan terima kasih atas kesempatan yang diberikan kepada saya bagi membuat pembentangan berkaitan portfolio saya iaitu Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam sempena Sesi Libat Urus ini.

Penularan wabak COVID-19, telah mengubah corak kehidupan manusia serta merencatkan pertumbuhan ekonomi dengan begitu drastik. Juga mengubahkan cara kita bermesyuarat. Sebenarnya kita harusnya bermesyuarat di Dewan Undangan tetapi kerana kita tidak boleh adakan Mesyuarat Dewan Undangan, jadi kita adakan Sesi Libat Urus ini.

Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) diumumkan pada Mac 2021, banyak program yang dirancangkan terpaksa ditangguhkan dan ada yang dilaksanakan secara dalam talian. Walau bagaimanapun, ini tidak membantutkan usaha MMK Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam dalam mencapai *Key Performance Indicator (KPI)* yang telah ditetapkan.

Di atas kesempatan ini, saya juga ingin menekankan bahawa agenda pembangunan wanita dan keterangkuman gender tetap akan diteruskan di bawah Portfolio Pembangunan Sosial. Sebagai contohnya, tahun ini Hari Wanita Sedunia diraikan pada bulan Mac 2021 dengan penganjuran sebanyak tiga (3) program dan telah mensasarkan 1,000 peserta di Pulau Pinang. Ini dianjurkan oleh PWDC. Juga ada dua (2) program yang dianjurkan oleh NGO iaitu Wanita Prihatin Pulau Pinang dan *Circle of Hope*. Pada 27 hari bulan Mac 2021, sebuah majlis makan

tengah hari telah dianjurkan sempena Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri dengan kehadiran sebanyak 150 peserta.

Kita memang mahu menjemput lebih ramai lagi tetapi kerana SOP, jadi kita hanya boleh menjemput yang terhad. Oleh itu, saya harap pada tahun yang akan datang, semua Agensi Kerajaan akan meraikan Hari Wanita Sedunia di pejabat masing-masing.

Skop bagi portfolio ini telah diperluaskan daripada Pembangunan Wanita dan Keluarga secara lebih menyeluruh termasuk golongan warga emas dan kanak-kanak. Peranan utama portfolio Pembangunan Sosial ini adalah untuk memupuk individu yang berdaya tahan, institusi keluarga yang kukuh dan masyarakat yang penyayang, *in english; nurturing resilient people, strong families and caring society* serta ia juga selaras dengan Visi Penang2030 untuk memperkasakan rakyat bagi meningkatkan penyertaan masyarakat dan melabur dalam persekitaran fizikal bagi meningkatkan daya tahan.

Selaras dengan Visi Penang2030 dan bagi membendung kes keganasan rumah tangga di Pulau Pinang, Kerajaan Negeri bertekad untuk membina suatu ekosistem yang selamat untuk semua keluarga di Negeri Pulau Pinang melalui pelaksanaan Dasar Keluarga Selamat yang telah diperkenalkan di Pulau Pinang pada Julai 2020. Ini juga sebagai satu respon kepada pandemik COVID-19.

Kerajaan Negeri memandang serius terhadap sebarang bentuk keganasan rumah tangga khususnya terhadap wanita dan kanak-kanak. Kita juga pandang berat juga sekiranya dia berlaku kepada kaum lelaki. Berdasarkan rekod Polis Diraja Malaysia (PDRM), terdapat 356 bilangan kes keganasan rumah tangga yang dilaporkan di Negeri Pulau Pinang sewaktu Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020

sehingga 15 Mac 2021. Merujuk kepada laporan daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti pada tahun 2019 menunjukkan bahawa dalam setiap kes keganasan rumah tangga yang berlaku hanya 10%, *only 10%* yang dilaporkan. Kita juga percaya daripada satu (1) kes yang dilaporkan terdapat lima (5) sehingga 10 kes yang tidak dilaporkan.

Justeru itu, Dasar Keluarga Selamat dilihat sebagai satu dasar yang bertepatan dalam mewujudkan satu sistem sokongan dan persekitaran yang membolehkan ataupun *enabling environment*, untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga dengan lebih berkesan. Saya rasa Pulau Pinang merupakan satu-satunya negeri yang mengadakan dasar ini.

Salah satu strategi di bawah Dasar Keluarga Selamat, adalah untuk mewujudkan *First Support Point*, iaitu dalam memberi sokongan segera kepada mangsa keganasan rumah tangga. *First Support Point* bertanggungjawab untuk membantu mangsa untuk melaporkan kepada agensi yang berkaitan iaitu PDRM, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan hospital kerajaan untuk mendapat sokongan atau bantuan. Setakat ini, terdapat tiga (3) bengkel pembangunan kapasiti telah dilaksanakan kepada pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan, Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Kini, 126 pegawai telah diwatikahkan sebagai Pegawai *First Support Point* dan 29 Pusat Khidmat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan lapan (8) NGO di Pulau Pinang telah diiktirafkan sebagai *First Support Point*.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan penghargaan kepada Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti Pusat Kesedaran Wanita (WCC) dan Sneham Malaysia yang bergiat aktif dalam memberi kesedaran berkaitan keganasan rumah tangga serta memberi sokongan atau bantuan kepada mangsa-mangsa keganasan domestik. Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh NGO ini sekali gus dapat membantu Kerajaan Negeri dalam mewujudkan persekitaran selamat di Negeri Pulau Pinang.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada NGO aktif yang telah bersetuju untuk mewujudkan *First Support Point* dalam pertubuhan mereka iaitu Home Dynamics, Biro Wanita Malaysia Hindu Sangam Pulau Pinang, Pertubuhan Kebajikan Sneham Malaysia, Majlis Kebajikan Wanita, Pusat Kaunseling Agape Malaysia, Persatuan Wanita Kristian Pulau Pinang (YWCA Pulau Pinang), Persatuan Kebajikan Than Hsiang Mitra Malaysia dan Buddhist Tzu-chi Merits Society Malaysia serta masjid-masjid dan surau-sarau di Negeri Pulau Pinang.

Bagi tahun 2021, Kerajaan Negeri melalui Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) akan meneruskan usaha untuk menubuhkan *First Support Point* di Pejabat Daerah dan Tanah di Negeri Pulau Pinang, Pihak Berkuasa Tempatan serta Pejabat Agama Negeri Pulau Pinang. Dengan adanya lebih banyak *First Support Point* ini, maka lebih mudah untuk mangsa-mangsa KRT. KRT ialah Keganasan Rumah Tangga tampil mendapat bantuan segera sebagai satu langkah pencegahan. Kami dalam PWDC juga akan mengadakan kerjasama dengan NGO-NGO yang telah melaksanakan kursus pra-perkahwinan supaya memberi pengetahuan ataupun *skills* untuk menjaga perhubungan perkahwinan dan juga dalam keluarga.

Saya rasa mewujudkan *First Support Point* memang tepat tetapi masih belum mencukupi lagi. Jadi kita ada hala tuju menangani keganasan rumah tangga. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Sosial sentiasa berusaha dan memastikan bahawa pendekatan yang diambil dalam menangani isu berkaitan keganasan domestik harus merupakan pendekatan yang holistik meliputi aspek pencegahan, intervensi dan pemulihan. *First Support Point* ini ialah sebagai *intervention*.

Kerajaan Negeri juga amat menitikberatkan aspek pemulihan (*rehabilitation and recovery*) dalam menangani masalah keganasan rumah tangga sekali gus untuk memulihkan institusi kekeluargaan. Walaupun pelaku keganasan rumah tangga mungkin telah menerima hukuman, berkemungkinan mereka memilih untuk kembali bersama keluarga disebabkan rasa tanggungjawab ataupun demi anak-anak mahupun masih menaruh harapan agar pelaku berubah. Justeru itu, langkah-langkah pemulihan perlu dilaksanakan melibatkan pelaku dan mangsa supaya masalah keganasan rumah tangga yang berlaku sebelum ini tidak berulang.

Keganasan rumah tangga ataupun isu-isu lain berkaitan wanita dan keluarga, bukan isu golongan wanita sahaja. Ini adalah isu kita semua kerana sekiranya dalam keluarga ada keganasan ataupun wanita menghadapi keganasan di luar rumah juga, ahli-ahli keluarga juga terlibat. Jadi ia boleh keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak mampu memberi impak kepada semua pihak. Sebagai contohnya, keganasan rumah tangga bukan hal rumah tangga, tetapi salah laku yang dilakukan oleh seorang dalam keluarga.

Mangsa keganasan rumah tangga tidak semestinya golongan wanita juga kerana kerana statistik negara pada tahun 2019 menunjukkan bahawa satu (1) daripada 20 mangsa keganasan rumah tangga adalah melibatkan golongan lelaki. Sama ada lelaki atau wanita, sekiranya ada keganasan di dalam rumah tangga itu tentulah rumah tangga tidak bahagia lagi. Dan juga impak kepada anak-anak di dalam keluarga itu, *social cause* yang akan terlibat ia tidak boleh dinilai dengan wang ringgit.

Selain itu, Kajian daripada Universiti Kebangsaan Pingtung Taiwan (*Taiwan National Pingtung University*) turut menunjukkan keganasan rumah tangga akan menjejaskan pembangunan emosi dan minda kanak-kanak. Dari segi pembangunan ekonomi pula, menurut laporan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan *United States Center for Disease Control (CDC)* keganasan rumah tangga akan mengakibatkan kerugian produktiviti negara sebanyak \$3.6 trilion USD kerana apabila keganasan berlaku ada orang cedera, jadi tidak boleh pergi kerja dan tambahan pula dia perlu diberi rawatan semua ini melibatkan kos. Ini menunjukkan bahawa isu-isu wanita dan keluarga perlu diberi perhatian kerana ia bukan sahaja membawa impak negatif terhadap masyarakat serta juga pembangunan negara.

Kajian daripada Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah membuktikan penglibatan wanita dalam badan-badan pentadbiran boleh membawa kepada perubahan dasar-dasar dan undang-undang yang lebih memfokuskan kepada wanita, kanak-kanak dan keluarga. Hal ini disebabkan pengalaman dan tanggungjawab sosial kaum wanita membolehkan mereka lebih memahami isu tersebut berbanding dengan kaum lelaki. Walau bagaimanapun, saya pun harus mengatakan bahawa pada zaman sekarang, ada ramai kaum lelaki juga faham tentang isu-isu melibatkan

keluarga. Maka dengan itu, golongan wanita mampu membela nasib kaum wanita yang sering ditindas dan didiskriminasi oleh sesetengah pihak. Jadi kita adakan dasar keterangkuman gender ialah supaya kita meramaikan perwakilan wanita untuk mengubah dasar-dasar yang lebih mesra kepada semua khususnya wanita dan keluarga.

Jadi kesaksamaan gender menuntut semua pihak untuk memberikan peluang kepada lelaki dan wanita *or boys and girls* untuk menyumbang, terlibat dan mendapat manfaat daripada pembangunan negara. Kerajaan Negeri telah melaksanakan Dasar Keterangkuman Gender pada tahun 2019 untuk membela keseimbangan gender di peringkat pembuat keputusan di semua Jabatan dan Agensi Kerajaan Negeri mengikut nisbah 40% lelaki, 40% wanita dan 20% terbuka kepada lelaki dan wanita yang berkelayakan. Konsep keterangkuman gender ini, terutamanya penglibatan wanita di peringkat pembuat keputusan telah diguna pakai dalam pelaksanaan beberapa inisiatif di dalam Kerajaan Negeri.

Jadi inisiatif yang terbaru ialah TWOAS ataupun *Top-up Women-Only Additional Seats* atau Kerusi Tambahan Untuk Wanita telah diluluskan secara prinsip oleh EXCO bagi memastikan minimum 30% perwakilan wanita di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN). Ini merupakan salah satu inisiatif yang diambil oleh Kerajaan Negeri untuk menambahkan perwakilan wanita dalam DUN melalui pelantikan sekiranya keahlian ADUN wanita tidak mencukupi 30%. TWOAS merupakan sistem demokrasi yang mencerminkan komposisi terkini parti politik di DUN iaitu berdasarkan peratusan undi yang diperolehi parti politik ketika pilihan raya umum. Selain itu, ia menunjukkan kepelbagaian dan diversiti masyarakat kita dengan memastikan perwakilan wanita dan lelaki yang seimbang.

Menurut laporan daripada *Organization for Economic Cooperation and Development (OECD)*, kuota jantina di Parlimen dapat menjamin perwakilan populasi sebenar sebuah negara. Tambahan pula, data dari Jabatan Perangkaan Pulau Pinang 2020 telah menunjukkan negeri kita telah hampir mencapai nisbah populasi 50% lelaki : 50% wanita. Oleh itu, perwakilan rakyat harus seimbang daripada segi jantina supaya kepentingan rakyat dapat dibela. Saya ada beberapa *point* lagi, jadi saya akan gunakan masa sedikit untuk membentangkan kertas saya.

Justeru dengan inisiatif TWOAS, kita dapat menjamin penyertaan wanita dalam penggubalan dasar bagi pembangunan negeri. Pada masa akan datang, pelaksanaan dasar-dasar yang rasional dan bersesuaian akan digubal bagi menangani isu-isu wanita dan keluarga seperti keganasan rumah tangga. Saya yakin ini akan memanfaatkan semua lapisan masyarakat sekiranya keganasan rumah tangga dapat dibendung.

Kaedah yang seumpama TWOAS telah dilaksanakan oleh negara-negara lain seperti negara Jepun dan Bangladesh, dan terbukti ia merupakan inisiatif yang baik. Pelaksanaan TWOAS di Pulau Pinang telah mendapat sokongan yang padu daripada wakil-wakil rakyat, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), pemimpin-pemimpin politik mahupun orang perseorangan di dalam dan luar negara. Yang Berhormat Dato' Seri Datin Seri Dr. Wan Azizah Ismail, bekas Timbalan Perdana Menteri, Yang Berhormat Fuziah Salleh, Yang Berhormat Senator Aiman Athirah Al-Jundi, Yang Berhormat Nicole Tan Lee Koon, Datin Paduka Marina Mahathir, *Sabah Women's Action Resource Group (SAWO)*, ALIRAN dan *Joint Action Group for Gender Equality (JAG)* telah menyatakan sokongan mereka terhadap pelaksanaan TWOAS di Pulau Pinang dan juga Duta Besar Sweden dalam wawancara KOSMO pada 25 Mac 2021 pun juga

telah merakamkan ucapan tahniah kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam melaksanakan inisiatif TWOAS

Sehingga kini, 13 sesi libat urus telah diadakan melibatkan wakil-wakil rakyat, ahli-ahli parti politik, Badan-Badan Bukan Kerajaan dan orang awam serta satu (1) sesi juga telah dianjurkan oleh Bersih 2.0. Tiga (3) lagi sesi libat urus bersama orang awam akan diadakan pada bulan ini dan juga bulan depan. Input dan maklum balas yang diperolehi melalui sesi-sesi libat urus ini akan digunakan bagi memperkukuhkan lagi pelaksanaan TWOAS di negeri ini.

Pada masa ini, Jawatankuasa Kerja TWOAS yang dipengerusikan oleh saya sendiri sedang dalam proses menyediakan draf pengubalan perlembagaan, *amendment to the perlembagaan*. Usul pindaan perlembagaan dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat Dewan Undangan Negeri Kelima Belas tahun 2021. Jadi sekiranya semuanya diluluskan, jadi TWOAS akan mula berkuatkuasa pada Pilihan Raya Negeri Pulau Pinang yang akan datang. Tapi saya pun faham bahawa ia mungkin menghadapi cabaran untuk diluluskan. Tapi saya akan dan saya harap rakan-rakan kita semua akan berusaha, *do the best we can* untuk membawa perubahan ini. Untuk semua dan bukan untuk wanita sahaja.

Untuk pelantikan minimum, untuk pelaksanaan keterangkuman gender, kita pun sudah melaksanakan di dalam pelantikan MPKK, pelantikan Ahli Majlis dan juga Ahli Lembaga Pengarah anak syarikat kerajaan. Kita juga untuk membuat persediaan, untuk kita mempunyai wanita yang layak untuk dilantik kita pun sediakan *Women Talent Pool*. Kita sediakan platform untuk wanita melibatkan diri dalam bidang politik umpamanya kita ada Sidang Wanita. Kita juga ada mewujudkan satu platform Relanita yang boleh mengalakkan wanita untuk melibatkan diri.

Jadi secara kesimpulan, saya juga ingin menyatakan bawah di bawah prinsip keterangkuman gender, kepentingan dan hak asasi kedua-dua wanita dan lelaki akan dibela. Prinsip ini bukan semata-mata untuk golongan wanita, tetapi ia akan menjamin penglibatan lelaki juga. Saya percaya, dengan usaha Kerajaan Negeri untuk mencapai keseimbangan gender dan membela hak lelaki dan wanita, Pulau Pinang akan menjadi sebuah negeri yang terangkum (*inclusive*) dan tiada golongan yang tercicir.

Saya akan bantangkan tentang Hal Ehwal Bukan Islam. Malaysia memiliki komposisi penduduk yang terdiri daripada kepelbagaian budaya dan bangsa. Hubungan harmoni yang terjalin sesama kaum ini akan memperkukuhkan lagi kedaulatan dan pembangunan negara. Keharmonian yang terhasil daripada perpaduan antara rakyat merupakan satu keistimewaan dan juga daya tarikan kepada pelabur asing untuk melabur di negeri atau negara ini. Justeru itu, bertepatan dengan Dasar Perpaduan Negara iaitu bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan dalam kalangan rakyat melalui konsep “Perpaduan Dalam Kepelbagaian” - “*Unity in Diversity*”. Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif untuk menubuhkan *Penang Harmony Corporation Sdn. Bhd.* atau HARMONICO.

Visi penubuhan HARMONICO adalah (dengan izin)... “*Instill universal values and spiritual understanding amongst different faith as a foundation to an inclusive and harmonious society*, iaitu memupuk nilai-nilai sejagat dan pemahaman rohani dalam kalangan agama yang berbeza sebagai asas kepada masyarakat yang inklusif dan harmoni”. Ianya dilihat sebagai satu platform yang kukuh dalam memupuk keharmonian dan perpaduan dalam kalangan penduduk Negeri Pulau Pinang sekali gus

menjadi penanda aras kepada negeri-negeri lain dalam mempromosikan keharmonian.

HARMONICO juga akan memainkan peranan sebagai agensi pelaksana bagi mengurus tadbir hal-hal berkaitan Hal Ehwal Bukan Islam dan sebagai penggerak utama kepada strategi-strategi atau dasar-dasar yang telah digubal di bawah Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam Kerajaan Negeri.

Mengikut Perlembagaan Negara dalam Perkara 3, Agama Islam ialah Agama bagi negara tetapi agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian di Malaysia. Justeru itu, Kerajaan Negeri amat menitikberatkan mengenai pengoperasian dan pengurusan Rumah-Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) yang terdapat di Negeri Pulau Pinang. Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Bukan Islam telah mengambil langkah proaktif dengan membangunkan Sistem eRIBI Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Pembangunan sistem ini amat diperlukan bagi membolehkan Kerajaan Negeri menggumpul data-data RIBI di Pulau Pinang secara menyeluruh, lengkap dan berpusat. Data-data yang dikumpul akan dianalisis bagi membolehkan keputusan dan dasar yang komprehensif dapat dibuat oleh Kerajaan Negeri berhubung RIBI di Pulau Pinang. Usaha ini juga adalah sebagai satu langkah transformasi ke arah pendigitalan di mana data RIBI merupakan data budaya / agama yang akan menjadi aset Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa MMK Pembangunan Sosial dan Hal Ehwal Bukan Islam amat komited dalam usaha untuk memberikan perkhidmatan yang berkesan kepada rakyat Negeri Pulau Pinang dan juga memastikan tiada kumpulan masyarakat sama ada lelaki, wanita

mahupun kanak-kanak ataupun warga emas yang tercicir dalam setiap aspek.

Kerajaan Negeri akan memastikan apa sahaja dasar yang akan digubal, program yang akan dilaksanakan dan aktiviti yang akan dijalankan dapat memberi fokus kepada pendekatan pengupayaan, bukan memberi bantuan semata-mata. Justeru itu, saya amat berbesar hati sekiranya Ahli-Ahli Yang Berhormat dapat memberi sokongan padu kepada dasar-dasar mahupun program-program yang telah dirancang dan dilaksanakan dan dapat bersama-sama dengan Kerajaan Negeri dalam memberikan perkhidmatan yang berkesan dan terbaik kepada rakyat Pulau Pinang.

Sekali lagi, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri kerana memberi peluang kepada saya untuk membentangi isu-isu ini dan saya ucapkan banyak berterima kasih kepada semua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah memberi sokongan kepada dasar dan aktiviti portfolio saya. Sekian, terima kasih. Sekiranya ada soalan-soalan saya akan cuba menerangkan. Ya, Ahli Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Yang Berhormat EXCO, terima kasih di atas peluang yang diberikan untuk membuka beberapa pertanyaan untuk mendapatkan maklum balas khususnya berhubung dengan portfolio EXCO. Tadi YB EXCO dalam pembentangan beliau, beliau telah menyatakan tentang realitinya ialah khususnya di bawah pandemik wabak COVID-19 ini, banyak isu seperti keganasan keluarga dan juga isu kesihatan mental yang telah berlaku di dalam komuniti kita. Jadi di dalam ataupun *engagement*, di dalam *engagement* saya sendiri bersama khususnya dengan kumpulan-kumpulan kaum wanita di kawasan saya.

Satu isu yang sering kita nampak adalah tentang *stereotype* terhadap peranan khususnya kepada kaum lelaki dan juga kaum bapa di mana kadang-kala *stereotype* adalah mereka adalah *breadwinner* untuk keluarga dan urusan rumah tangga ataupun keluarga bukan menjadi sebahagian daripada tanggungjawab mereka. Jadi itulah salah satu isu saya rasa amat penting, khususnya di bawah era normal baharu ini. Jadi mungkin saya ingin cadangkan lah ataupun mungkin boleh mendapatkan maklum balas sekiranya di bawah PWDC kita boleh menganjurkan lebih banyak program *outreach* yang dikhususkan kepada kaum lelaki ataupun kaum bapa bagi meningkatkan kesedaran ataupun beri satu pengenalan terhadap peranan mereka untuk kita membongkar *stereotype* bahawasanya mereka hanyalah *breadwinner* dan isu di rumah tangga khususnya berkaitan dengan keganasan keluarga ini bukan sebahagian daripada tanggungjawab ataupun peranan mereka.

Saya dapat maklum balas yang banyak, mereka juga mengharapkan khususnya kaum wanita ataupun kaum ibu, sekiranya program sebegini dapat dianjurkan mereka boleh tolak lah suami mereka untuk menyertai untuk mereka sedar terhadap peranan yang perlu ditanggung bersama di dalam generasi ataupun zaman kita yang baru ini. Ini pertama tentang isu keganasan domestik.

Satu lagi untuk isu TWOAS, seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat EXCO tadi. Saya ingin mengambil pendirian di sini lah, memang saya sokong, saya ambil satu pendirian dulu. Saya sokong pelaksanaan TWOAS. Tapi satu isu yang saya boleh nampak dalam pelaksanaan ini, walaupun selepas kita berjaya untuk membuat perlembagaan baru untuk menambahkan TWOAS ini. Sekiranya kita tidak mempunyai satu medan yang sesuai untuk Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri ataupun ahli baru daripada TWOAS ini untuk mengambil bahagian

secara aktif bagi membincangkan isu berhubung dengan wanita dan keluarga, saya rasa usaha yang kita buat ini tidak akan nampak hasil yang sepatutnya.

Saya pernah dalam sesi yang pernah dianjurkan oleh YB EXCO, saya turut mencadangkan mungkin di dalam, apabila kita menjalankan Sidang Dewan Undangan Negeri, kita boleh mengkhususkan mungkin satu (1) hari bagi semua Ahli Dewan Undangan Negeri tak kira jantina, khususkan kita berbincang berhubung dengan isu wanita dan keluarga. Mungkin Sesi Libat Urus yang seperti mana yang kita adakan pada hari ini, ia merupakan satu platform ataupun penyelesaian yang baik bagi kita melibatkan kesemua wakil rakyat bagi membincangkan isu yang secara khusus dan spesifik kepada pembangunan wanita dan juga keluarga.

Dan satu lagi pertanyaan yang ingin saya dapatkan, apakah cabaran ataupun isu-isu yang dihadapi sepanjang sesi libat urus ataupun sesi *engagement* berhubung dengan cadangan untuk melaksanakan TWOAS ini? Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB Pengkalan Kota, memang sangat sensitif kepada agenda gender dan soalan semua ini adalah sangat *good*, baik untuk kita berbincang. Yang pertama *stereotyping*, memang semakin kami dan juga dalam PWDC melihat kita perlu merangkumi kaum lelaki dan kaum bapa untuk menjayakan keterangkuman gender, untuk menjayakan, menangani isu *stereotyping* ini. Memang selalunya wanita ia nampak sebagai *home maker*, sebagai suri rumah. Memang 50% mereka adalah suri rumah, walaupun sekarang sudah ada 50% wanita yang sudah kahwin, ibu yang keluar bekerja tapi untuk bapa, dahulu mereka menjadi

breadwinner, sekarang peranan utamanya pun sebagai *breadwinner* yang mencari rezeki.

Jadi kita harus, memang betul saya ucapkan banyak terima kasih bahawa kita memang merancang untuk mengadakan lebih banyak program untuk kaum lelaki saja dan kata ini hal ehwal lelaki kerana saya rasa sama. Kalau wanita mereka semua bersama, mereka boleh meluaskan suara mereka mengenai sebagai seorang wanita, sebagai seorang ibu, sebagai seorang isteri dan sekiranya ada satu platform untuk kaum bapa, kaum lelaki, jadi mereka pun akan mengeluarkan, menyuarakan suara mereka mengenai tekanan sebagai seorang bapa, tanggungjawab bapa itu memang juga berat.

Tahun lepas kita adakan satu (1) program, *roadshow* mengenai Hari Bapa juga, kita meraikan Hari Bapa. Ini akan menjadi satu program tahunan untuk PWDC, untuk kita semua. Kita semua boleh, ADUN-ADUN pun boleh mengadakan program seperti ini. PWDC dan Pejabat saya akan memberi sokongan penuh untuk program-program seperti itu. Perubahan tidak boleh berlaku hanya dengan memberi *awareness* kepada kaum ibu, kaum wanita sahaja. *Awareness* juga mesti diberi kepada kaum lelaki dan juga kaum bapa untuk bekerjasama di dalam keluarga kerana keluarga itu merupakan unit yang paling asas dalam masyarakat. Itulah kita adakan Penang2030, Family Focus. Kita akan sangat berterima kasih, kita akan buat semua program ini.

Mengenai TWOAS, saya ucapkan terima kasih juga kerana memberi sokongan. Saya rasa ramai yang telah memberi sokongan. Cabarannya ialah ada ramai yang belum faham dengan sepenuhnya. Apakah TWOAS ini? Ada yang anggap TWOAS ini adalah seperti sistem di Sabah, atau sistem di Pahang. Iaitu kerajaan boleh, pihak kerajaan

boleh melantik sesiapa sahaja mengikut kesukaan mereka. Tapi TWOAS ini di Pulau Pinang, tidak sama dengan yang ada di Sabah dan yang ada di Pahang. TWOAS ini memberi lantikan mengikut hasil undi dalam pilihan raya parti itu. Kalau parti itu dapat lebih banyak undi ia akan dapat kuota yang lebih banyak. Tapi yang tak sama juga kerana kita gunakan sistem ini untuk menambah perwakilan wanita. Di Sabah, di Pahang tak ada, mereka tak ada *specification* ini

Saya juga nak mengambil pertimbangan, cadangan YB Pengkalan Kota iaitu mengadakan masa yang spesifik untuk membincang isu-isu berkaitan wanita, kanak-kanak, warga emas dan juga keluarga. Saya rasa ini penting juga, sebelum kita ada berjaya dalam TWOAS, berjaya untuk menambahkan perwakilan dalam Dewan. Sebelum kita mendapatkan lebih ramai ahli-ahli membawa isu-isu ini, jadi sekiranya kita ada satu (1) hari ataupun lebih masa untuk spesifik isu-isu ini. Jadi semua ADUN ada peluang untuk membawa pandangan mereka ataupun kes-kes mereka ke dalam perbincangan. Jadi saya pun sokong lah, ia perlu sokongan semua dan juga mungkin Speaker dan Barisan EXCO juga. Ini yang senang dijalankan, boleh terus jalan. Ia tak perlu buat libat urus, tak perlu buat pemindaan kepada undang-undang yang mana-mana. Dia boleh terus buat. Adalah baik dan sekiranya kita ada lebih ramai melalui TWOAS, pelantikan TWOAS jadi kita boleh mengadakan lebih banyak *select community* di bawah Dewan DUN, supaya kita adakan *select community* yang khas, umpamanya yang khas untuk menangani masalah *domestic violence*, kerana *domestic violence* merupakan satu masalah sosial yang melibatkan banyak pihak, melibatkan banyak faktor.

Jadi kita pun memerlukan Kerajaan Pusat untuk memainkan peranan. Sekiranya kita adakan satu komuniti seperti ini, jadi kita boleh memainkan peranan untuk melobi Kerajaan Pusat, untuk mengadakan

umpamanya Mahkamah Keluarga. Untuk kes-kes *domestic violence*, kes-kes cerai, kes-kes nafkah, kes-kes siapa yang akan jaga anak, kes-kes anak yang didera semua ini sekiranya boleh di bawah satu (1) mahkamah khas, iaitu Mahkamah Keluarga. Ia akan lebih berkesan. Jadi cabarannya ialah kita mesti *reach out to more people to understand, what we are trying to do*. Kita bukan nak mengganti kaum lelaki dalam Dewan, dalam mana-mana, bukan. Kita hanya nak menyokong, nak membuat yang lebih baik. Itu ada orang kata lah, *we don't want to walk behind the man, we also don't want to walk in front of the man, we just want to walk by your side*. So itu lah perubahan yang kita harap boleh membawa. Ini untuk kebaikan semua, bukan untuk kebaikan saya ataupun wanita-wanita sahaja.

Jadi saya menyeru, memohon agenda-agenda seperti ini. Ini untuk membela hak wanita dan kanak-kanak dan setiap kita, setiap keluarga kita ada wanita, ada kanak-kanak, ada orang tua. Jadi ini untuk membela golongan-golongan yang nampak kurang berdaya pada waktu ini. *Thank you very much* Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz):

Terima kasih YB EXCO. Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan Negeri telah menggunakan dasar keterangkuman gender dalam pelbagai peringkat sehingga ke peringkat MPKK itu sendiri. Dan kini YB EXCO sedang berusaha untuk mengadakan ataupun membuat satu inisiatif supaya TWOAS ini dapat dilaksanakan. Adakah inisiatif ini selaras dengan dasar keterangkuman gender?

Soalan yang kedua saya ialah, bagaimanakah untuk kita untuk murnikan TWOAS ini supaya ianya selari dengan sistem demokrasi di Malaysia ini? Apa yang telah dibentangkan oleh YB EXCO melalui *pamphlet* dan sebagainya, jumlah 30% bagi saya adalah satu jumlah,

bukan saya tak sokong. Maksudnya 30% adalah jumlah yang besar kita melihat bahawa di Malaysia ini untuk pelantikan ADUN dan sebagainya untuk membentuk kerajaan adalah melalui pilihan raya. Jadi kita bimbang apabila jumlah yang terlalu tinggi untuk lantikan sebagai ADUN dan sebagainya akan membawa imej yang tak elok kepada sistem demokrasi di Malaysia. Jadi saya mohon ada satu mekanisme supaya ianya dapat dimurnikan dengan mekanisma yang paling cermat, terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB Bayan Lepas. TWOAS ini memang program keterangkuman gender kerana kita ada dasar keterangkuman gender. Matlamat keterangkuman gender ini ialah 40% wanita dan 40% lelaki dan 20% untuk bersaing, terbuka. Jadi maksudnya, sekiranya kita telah mencapai dasar ini, jadi ADUN ataupun wakil wanita di dalam semua peringkat seharusnya mencapai sekurang-kurangnya 40%. Jadi sekarang kita hanya meminta minimunnya mula, mula dengan minima 30%. Sistem demokrasi di Malaysia, dia tak ada *proportional*, dia tak ada sistem *proportional*, tetapi di negara Jerman, di negara Taiwan, di negara New Zealand, Australia mereka memang ada dua (2) sistem. Satu sistem ialah untuk memilih seorang calon dan juga memilih parti itu kerana ada *party-list* tanpa kawasan punya. Mereka melalui *election* juga. Jadi adalah lebih kurang sama kita *adopt*, kita *adopt* sistem seperti ini untuk TWOAS. Kita pun tahu sistem pilihan raya Malaysia ini dia pun ada banyak kelemahan, dia boleh digerrymandering. Kita menang undi yang banyak tetapi kita tak dapat kerusi yang banyak kerana ada kerusi yang pengundi yang besar, 100,000. Ada kerusi pengundi yang hanya 30,000. Jadi di situ dia boleh memainkan. Tapi kalau *proportional* tak boleh. Awak dapat undi 50%, jadi awak dapat kerusi 50%. Jadi ini lebih adil, sistem yang lebih adil. Jadi dia memang adalah satu sistem demokrasi.

Saya rasa khuatiran YB Bayan Lepas itu boleh difahami kalau banyak, kalau ramai, jadi orang mungkin akan lebih khuatir. Kita masih terbuka kepada semua pandangan dan kita akan kutipkan pandangan ini dan kita akan buat kajian dan *analysis* dan akhirnya barulah kita akan memberi cadangan kepada Kerajaan Negeri sama ada kita *top-up* ini 30% akan terhad kepada 12 orang ahli wanita sahaja ataupun ia seharusnya adalah 30% kepada *extended* Dewan. Kita masih menerima pandangan. Terima kasih, ini memang soalan yang bagus, *okay*. Tadi dia sudah berdiri, nanti Seri Delima.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (YB. Lim Siew Khim):

Terima kasih YB Padang Lalang. Selain daripada TWOAS yang dibangkitkan tadi, saya nak bangkitkan bahawa di sini kita nampak ramai ADUN, mereka pernah menjadi Ahli Majlis sama ada MBPP atau MBSP. Jadi di sini kita nampak bahawa ini ia menunjukkan Ahli Majlis adalah satu platform untuk melahirkan ADUN iaitu wakil rakyat. Jadi sekiranya lebih wanita diberi peluang untuk jadi Ahli Majlis. Sekarang kita tak capai 30% lagi Ahli Majlis wanita. Jadi mungkin kita akan ada lebih ramai ADUN wanita dalam Dewan ini. Ini adalah satu cara juga. Jadi apakah langkah-langkah untuk mencapai matlamat keterangkuman gender dalam peringkat Ahli Majlis dan ADUN?

Soalan saya yang kedua iaitu penubuhan *First Support Point* merupakan satu langkah yang baik untuk membantu mangsa keganasan rumah tangga. Tapi saya rasa masih tak cukup lagi. Selain daripada penubuhan itu, perlu ada langkah-langkah yang selanjutnya seperti dikatakan tadi oleh YB Padang Lalang tentang, *maybe* satu langkah untuk pemulihan, langkah pemulihan *the follow up* dan apakah langkah selanjut

yang kita boleh ambil dan kita boleh lakukan untuk membantu mangsa pemulihan itu. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih kepada YB Sungai Pinang yang selalu memberi sokongan padu kepada agenda wanita. Ini memang betul, saya lihat di dalam Dewan sekarang. YB KOMTAR, YB Bagan Dalam, YB Seri Delima, YB Sungai Pinang sendiri dan juga YB Jawi, YB Bukit Tambun mereka pada waktu seketika semuanya adalah Ahli Majlis. Pengkalan Kota pernahkah? Pengkalan Kota tak pernah. Ini merupakan satu platform yang baik dan juga YB Soon sekarang jadi EXCO. Dahulu dia pun menjadi Ahli Majlis juga. Jadi ini merupakan, jadi kita boleh membuat *conclusion* Ahli Majlis ini merupakan satu platform yang bagus untuk melatih atau memberi *exposure* untuk *level* yang lebih tinggi lagi dalam karier politik.

Jadi kita sekarang pada tahun ini ataupun tahun lepas, hujung tahun lepas memang Kerajaan Negeri telah membuat penetapan pelantikan Ahli Malis mengikut keterangkuman gender iaitu sekurang-kurangnya 30% adalah wanita. Tapi malangnya kita tidak mendapat calon-calon yang sesuai untuk tahun ini. Saya rasa kita memerlukan lebih masa untuk mencapai matlamat ini. Jadi saya harap semuanya berusaha untuk mencari bakat. Untuk mencari bakat. Itu pun tujuan Sidang Wanita untuk mencari bakat wanita. Untuk berdaya ataupun *qualified* dilantik. Jadi, YB Sungai Pinang kita perlu bekerja lebih keras lagi dengan sokongan dan bantuan juga ahli-ahli lelaki supaya kita boleh mencapai matlamat ini.

Dan untuk *First Support Point*, saya pun setuju juga, tak cukup, kita mesti, mungkin usaha lebih, mungkin menubuhkan satu *task force* untuk menangani keganasan rumah tangga ini. Bolehkah saya pinjamkan sedikit

masa untuk Seri Delima. Ya, *five (5) minutes, okay* dan juga Bagan Dalam. *We will do it in five minutes.*

Ahli Kawasan Seri Delima (YB. Syerleena binti Abdul Rashid):

Terima kasih, Yang Berhormat. Memang portfolio Pembangunan Sosial ini adalah satu portfolio yang saya rasa memang tidak boleh nafikan memang penting. Jadi saya nak tanya sikit, satu perkara yang saya rasa kita ni kadang-kadang terlepas pandang iaitu mengenai isu kes ibu tunggal bukan ibu tunggal. Jadi ramai wanita atau isteri yang menjadi mangsa di mana mereka dipisahkan daripada suami tetapi tidak diceraikan. Jadi bila mereka nak minta bantuan kewangan dan sebagainya, mereka tidak layak disebabkan dalam sistem masih lagi dikategorikan sebagai status yang masih berkahwin. Jadi ada juga, ada syarat-syarat mereka nak minta bantuan dan sebagainya mereka tidak layak disebabkan pemohon suami telah memohon dan sebagainya.

Jadi kaum isteri, ibu tunggal ni ibarat hidup dalam satu situasi yang merugikan dan juga menderita. Jadi saya nak tahu apakah inisiatif Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk atasi isu yang penting ini?

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih. Memang ini salah satu isu yang kita ingin menangani atau cari jalan untuk membantu. Kita pun pernah ada satu *focus point discussion* dengan pihak-pihak yang berkenaan. Jadi isu ini saya rasa kita perlu sokongan dari Pejabat TKM 1 juga supaya kita boleh bagi fokus kepada isu ini sahaja untuk menangani masalah-masalah yang di depan oleh ibu tunggal. Yang *last*, terima kasih Seri Delima.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Seperti yang kita tahu Pulau Pinang adalah negeri yang memimpin dalam agenda memperkasakan wanita. Bukan sekarang saja, memang tiga (3) penggal di bawah Pakatan Harapan kita nampak pelbagai agenda memperkasakan wanita telah dibawa. Kita pernah ada sekali itu, dua-dua Datuk Bandar adalah wanita. *I think we are the first one in Malaysia to have the entire the Majlis Perbandaran di bawah Datuk Bandar wanita.*

Saya nak tanya di sini dan agenda TWOAS ini, *something breakthrough* ataupun *something big for the women in Penang* tetapi soalan saya adalah, adakah sistem ini adil di mana sesuatu parti yang tidak mencalonkan seorang pun wanita ataupun mencalonkan wanita yang minimum hanya seorang. Saya rujuk kepada dua (2) parti. Satu PAS, pada Pilihan Raya Ke-14 dia calonkan 21 orang calon hanya satu (1) wanita, itu pun dia tahu kerusi yang akan kalah di Bayan Lepas dia letak di sana. Dan juga parti UMNO daripada 16 calon hanya rakan saya daripada Permatang Berangan seorang sahaja wanita. Kalau ikutkan dia menang lah. Kalau ikutkan TWOAS ini sekarang katakan untuk 40 kerusi ini, mereka akan dapat, UMNO akan dapat dua (2) kerusi dan PAS akan dapat satu (1) kerusi. Mereka tidak menghormati hak bersuara wanita. Kenapa perlu mereka dapat satu (1) kerusi tambahan ini? Ini soalan saya. Terima kasih.

Ahli Kawasan Padang Lalang (YB. Chong Eng):

Terima kasih YB Bagan Dalam. Ini memang satu soalan yang baik. Jadi mungkin kita boleh masukkan syarat ini. Parti itu dia mesti mengadakan calon wanita berapa orang? Barulah dia berhak untuk kuota ini. Kita akan bincangkan dari segi undang-undang. Tengok dia bolehkah?

Saya mahu ucapkan banyak terima kepada semua. Memang selepas Pakatan Harapan menjadi kerajaan di Pulau Pinang, kita selalunya mendahului negeri-negeri lain ataupun Kerajaan Pusat juga dalam agenda wanita. Ini adalah sangatlah penting kerana kita ada satu (1) agensi khas untuk pembangunan wanita iaitu PWDC. PWDC dia ditubuhkan pada 2011. Ini merupakan pemimpin kita berpandangan jauh iaitu pada waktu itu ialah bekas Ketua Menteri, Air Itam yang setuju untuk PWDC, Air Putih untuk PWDC ini dan kerana ada PWDC barulah kita boleh mencapai banyak agenda untuk wanita dan keluarga.

Jadi sekian, saya ucapkan banyak terima kasih kepada semua khasnya ahli-ahli yang memberi sokongan dan juga ahli-ahli yang melibatkan Libat Urus ini. Sekian, terima kasih.

**NAMA AMMK : YB PROFESOR DR. P. RAMASAMY A/L
PALANISAMY (TIMBALAN KETUA MENTERI II)**

TARIKH : 30 MAC 2021 (SELASA)

MASA : 11.30 PAGI – 12.30 TENGAH HARI

NO. : 9

Pengacara Majlis:

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Chong Eng di atas pembentangan beliau sebentar tadi. Seterusnya bagi memulakan sesi yang ketiga pada hari ini majlis mempersilakan Yang Berhormat Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Modal Insan, Pendidikan, Sains dan Teknologi untuk meneruskan sesi beliau. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri. Pada tahun 2020, walaupun ekonomi global dilanda cabaran besar ekoran penularan pandemik COVID-19, Negeri Pulau Pinang telah merekodkan jumlah pelaburan perkilangan yang diluluskan berjumlah RM14.1 bilion, iaitu angka kedua tertinggi dalam sejarah. Dengan kemasukan pelaburan tersebut, dijangka kira-kira 13,000 peluang pekerjaan akan tercipta dalam jangka masa yang dekat. Ini bererti Negeri Pulau Pinang perlu menyediakan tenaga kerja yang mencukupi bagi memenuhi permintaan tersebut.

Dalam menyedari kepentingan pembangunan modal insan terhadap perkembangan sektor industri, Kerajaan Negeri telah menjalankan pelbagai inisiatif di bawah dasar menjadikan pendidikan sebagai jentera utama penggerak ekonomi negeri sejak sebelum pandemik COVID-19 lagi. Selaras dengan dasar tersebut, Kerajaan Negeri telah memberi fokus kepada pembangunan bakat tempatan khususnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) untuk memenuhi permintaan modal insan oleh industri berteknologi tinggi di Pulau Pinang. Berikutan penularan COVID-19, Kerajaan Negeri telah menggandakan perhatian terhadap perkembangan agenda STEM untuk meneruskan kesinambungan pembangunan sektor industri dan ekonomi negeri ini.

Demi menyokong dasar tersebut, Kerajaan Negeri menerusi InvestPenang telah mengadakan Program Biasiswa Penang Future Foundation (PFF) yang memberi fokus kepada bidang STEM dan Perakaunan/Kewangan untuk membangunkan dan mengekalkan bakat STEM di Negeri Pulau Pinang. Daripada tahun 2015 hingga 2020, seramai 585 orang pelajar telah dianugerahkan biasiswa PFF di mana 78%

daripada jumlah penerima biasiswa PFF terdiri daripada pelajar Kejuruteraan, Sains dan Matematik manakala 22% adalah pelajar perakaunan dan kewangan. Selain itu, Kerajaan Negeri juga menyediakan subsidi untuk syarikat yang menghantar pekerja mereka untuk menyertai German Dual Vocational Training (GDVT) atau ... (kurang jelas) program yang ditawarkan oleh Penang Skills Development Centre (PSDC) untuk menggalakkan syarikat meningkatkan kemahiran pekerja-pekerja sebagai usaha membangunkan tenaga kerja berkemahiran STEM di Negeri Pulau Pinang.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Kajian tentang Pilihan Pengajian STEM oleh Pelajar Pendidikan Menengah dan Tinggi di Pulau Pinang yang dijalankan oleh Penang Institute mendapati 40.4% daripada pelajar yang berprestasi tinggi semasa sekolah menengah bertukar ke pengajian dalam bidang bukan STEM di peringkat tertiar atas sebab utama iaitu tidak jelas tentang laluan kerjaya dalam bidang STEM. Manakala statistik Kementerian Pendidikan telah menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang memilih Aliran Sains di peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) berkurangan setiap tahun dan tahap pencapaian dalam bidang Sains dan Matematik di kalangan pelajar di Malaysia telah menurun sejak tahun 2003.

Statistik terkini Kementerian Pendidikan Malaysia juga menunjukkan bahawa hanya 20% pelajar sahaja yang memilih Aliran Sains di sekolah. Untuk mengatasi masalah ini, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk menggalakkan minat pelajar terhadap STEM dan juga merangka satu strategi yang bersepadu bagi memastikan bekalan modal insan STEM yang berterusan kepada perkembangan industri yang semakin rancak di Negeri Pulau Pinang.

Baru-baru ini, Kerajaan Negeri telah melakukan orientasi semula

fokus Penang STEM daripada menjalankan penganjuran program kepada pembangunan modal insan STEM di Negeri Pulau Pinang. Susulan itu, Penang STEM sedang melakukan kajian yang menyeluruh tentang permintaan tenaga kerja yang diperlukan oleh pihak industri dan juga bekalan bakat daripada institusi latihan awam, swasta dan awam. Seterusnya, Penang STEM akan bertindak sebagai penghubung antara memadankan kehendak pihak industri dan bekalan pelatih daripada institusi latihan.

Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, sebilangan besar daripada pelatih di institusi latihan berasal daripada keluarga yang kurang berkemampuan dan ada juga dari keluarga B40. Dengan membekalkan para pelatih ini dengan pendidikan dan kemahiran STEM yang bertepatan dengan permintaan industri, Kerajaan Negeri berharap untuk memberikan akses peluang ekonomi dan mobiliti sosial kepada golongan ini untuk keluar daripada kepompong kemiskinan ke arah kehidupan yang lebih baik dan stabil serta masa depan yang lebih cerah.

Ahli-ahli Yang Berhormat, pasaran tenaga kerja di Negeri Pulau Pinang tidak terkecuali daripada menerima tempas pandemik COVID-19 yang bermula lebih setahun yang lepas, di mana Pulau Pinang telah mencatatkan jumlah pekerja yang diberhentikan dari bermulanya penularan COVID-19 di Malaysia sejak Mac 2020 seramai 10,846 orang iaitu penganggur.

Sehubungan itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui Penang Career Assistance and Talent Centre (Penang CAT Centre) telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membantu rakyat Pulau Pinang yang kehilangan kerja akibat pandemik COVID-19. Antaranya pepadanan

kerja (*job matching*) dan juga siri *webinar* di mana wakil dari pihak industri seperti Micron, Clarivate, Keysight dan Vitrox akan berkongsi tentang peluang pekerjaan baru dan juga tips tentang kemajuan kerjaya kepada para pencari kerja.

Di bawah Jawatankuasa Kerja Pasaran Tenaga Kerja *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* (PSERCC), sesi perkongsian tentang inisiatif pekerjaan yang melibatkan Penang CAT Centre, Pihak Berkuasa Koridor Utara (NCIA) dan PERKESO telah diadakan pada 27 Januari 2021 untuk menghebahkan maklumat terperinci tentang inisiatif-inisiatif pekerjaan yang ditawarkan oleh agensi-agensi tersebut untuk membantu dan memudahkan urusan pencari kerja untuk mendapatkan pekerjaan yang baru.

Selain itu, Kerajaan Negeri juga meneruskan kerjasama dengan agensi-agensi lain melalui InvestPenang dalam usaha mempromosi dan menarik pelaburan, sama ada pelabur baru ataupun penambahan pelaburan dari pelabur sedia ada, di samping membantu pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) tempatan bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan bagi rakyat di Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri memegang kepada kepercayaan bahawa "*Education has value, only if it benefits a broad cross section of the society.*" Oleh itu, untuk menterjemahkan pegangan tersebut kepada dasar yang boleh diimplementasi, Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk membuka lebih banyak peluang pembelajaran kepada pelajar di negeri ini. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan hampir RM450,000.00 di bawah Jawatankuasa MMK Pendidikan dan Penang Education Council setiap tahun untuk pelaksanaan pelbagai program pendidikan seperti Program Intervensi

Bagi Kanak-Kanak Bermasalah Belajar Membaca, Program No Child Left Behind In Inclusive Education, Penang International Kids Storytelling Festival dan lain-lain lagi.

Selain itu, dari tahun 2009 hingga 2020, Kerajaan Negeri telah menyalurkan peruntukan berjumlah RM146.77 juta kepada sekolah-sekolah di Negeri Pulau Pinang termasuk Sekolah Kebangsaan, Sekolah Menengah Kebangsaan, Sekolah Cina, Sekolah Mubaligh, Sekolah Agama dan juga Sekolah Tamil untuk mewujudkan suasana pembelajaran dan pengajaran yang lebih selesa dan kondusif bagi membantu para pelajar dari semua lapisan masyarakat untuk mencapai potensi pembelajaran yang lebih tinggi.

Untuk melengkapkan pelajar Negeri Pulau Pinang dengan kemahiran yang relevan dengan perkembangan teknologi, sebanyak 87 buah sekolah di Pulau Pinang telah dilengkapi dengan Makmal Pencipta (MakerLab) menggunakan peruntukan sebanyak RM2.89 juta yang disalurkan oleh Kerajaan Negeri kepada Penang Science Cluster. MakerLab adalah inisiatif yang menyediakan peralatan *coding*, *embedded system* serta 3D design dan printing untuk melengkapkan pembelajaran kurikulum pelajar sekolah dalam subjek Reka Bentuk Teknologi dan Asas Sains Komputer yang merupakan kemahiran yang penting dalam era Industri 4.0.

Selain daripada pembelajaran STEM, Kerajaan Negeri juga menitik-beratkan penguasaan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar Negeri Pulau Pinang. Oleh itu, Kerajaan Negeri melalui Penang Education Council akan mengadakan *joint venture* usahasama dengan Malaysian-American Commission on Education Exchange (MACEE) di bawah Kedutaan

Amerika Syarikat untuk melaksanakan Program Pembantu Pengajar Bahasa Inggeris Fullbright Malaysia (Fullbright English Teaching Assistant (ETA) Program Malaysia) di sekolah-sekolah menengah Negeri Pulau Pinang. Program ini bertujuan untuk meningkatkan minat, kemahiran serta keyakinan diri pelajar dalam menggunakan Bahasa Inggeris. Selain itu, inisiatif ini dilihat dapat membuka peluang kepada pelajar untuk mengakses pelbagai kandungan pembelajaran dalam talian. Kebanyakannya tersedia dalam Bahasa Inggeris.

Memandangkan situasi COVID-19 masih tidak stabil di mana trend penularan masih belum menunjukkan penurunan yang ketara, Kerajaan Negeri mengenali cabaran yang dihadapi oleh pelajar dan guru untuk menjalankan sesi pembelajaran. Oleh itu, Kerajaan Negeri ingin merakamkan penghargaan kepada para guru yang telah mengambil inisiatif untuk pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) semasa tempoh Perintah Kawalan Pergerakan dan kaedah pengajaran dengan kehendak semasa susulan penularan pandemik COVID-19. Di harap para guru kekal komited dan cekal dalam menghadapi cabaran-cabaran ketika menjalankan tanggungjawab sebagai pendidik. Dalam pada itu, Kerajaan Negeri menyarankan agar golongan B40 yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan peranti untuk menjalankan *e-Learning* perlu diberikan perhatian yang khusus dan bantuan yang diperlukan agar tidak ketinggalan dalam pelajaran.

Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyatakan bahawa Kerajaan Negeri menyambut baik penyaluran peruntukan di bawah *Rolling Plan 1* RMK-12 berjumlah RM35.144 juta kepada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bagi melaksanakan 32 projek-projek pembinaan sambungan dan baru di sekolah-sekolah Negeri Pulau Pinang. Seterusnya, Kerajaan Negeri berharap permohonan JPNPP di

bawah *Rolling Plan 2* RMK-12 dapat diluluskan untuk memberi manfaat kepada pelajar di Negeri Pulau Pinang.

Ahli-ahli Yang Berhormat, untuk menggalakkan perkembangan sektor inovasi dan teknologi baharu di Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri melalui InvestPenang telah memperuntukkan sebanyak RM4 juta untuk program “Penang i4.0 Seed Fund” bagi membantu *start-ups* yang membangunkan produk dan perkhidmatan yang berteknologi inovatif untuk tujuan pengkomersialan. Program ini menawarkan dana antara RM50,000.00 hingga RM250,000.00 untuk setiap projek. Sejak penubuhannya, Penang i4.0 Seed Fund telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM3 juta kepada 27 *start-ups*. Pada tahun ini, Kerajaan Negeri telah menyediakan RM1 juta untuk Fasa Ketiga Penang i4.0 Seed Fund serta siri program tambahan nilai perkhidmatan dan bimbingan, seperti program mentor-mentee, peningkatan keupayaan dan jaringan hubungan yang dianjurkan secara eksklusif untuk penerima Penang i4.0 Seed Fund. Dengan pelaksanaan program-program ini, Kerajaan Negeri berharap untuk mengekalkan kedudukan Pulau Pinang sebagai *the “Silicon Valley of Asia”*.

Kesimpulannya, saya mengakhiri ucapan saya untuk mengalu-alukan cadangan bernas daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang dapat membantu saya dan Kerajaan Negeri untuk memperkemas dan memantapkan lagi pelaksanaan dan arah tuju portfolio bawah tanggungjawab saya iaitu Pembangunan Modal Insan, Pendidikan serta Sains dan Teknologi. Diharapkan dengan input dan kerjasama daripada Ahli-Ahli Yang Berhormat kita dapat mengekalkan aspirasi Kerajaan Negeri dalam aspek Pendidikan, Pembangunan Modal Insan serta memperkasakan perkembangan Sains dan Teknologi di Pulau Pinang. Sekian, terima kasih. Ada soalan untuk dijawab?

Ahli Kawasan Berapit (YB. Heng Lee Lee):

Yang Berhormat Perai, saya sini ingin tanya dengan... Malaysia direkodkan negara yang mempunyai bilangan penduduk yang tergemuk terutamanya di Asia Tenggara dan saya sendiri pernah tengok sebuah dokumentari yang berkaitan dengan budak sekolah makanan yang disediakan daripada sekolah kepada pelajar terutamanya *lunch box* yang tidak ada sayur-sayuran. Menurut pengetua disebabkan pelajar selalu buang sayur-sayuran jadi mereka tidak sediakan tetapi saya berpendapat tabiat makanan yang sihat seharusnya dimulakan daripada sekolah terutamanya dari sekolah rendah. Jadi saya nak ingin tanya apakah inisiatif yang boleh Kerajaan buat dan ambil supaya kita boleh memulakan tabiat pemakanan sihat dari sekolah...sekolah rendah dan juga tabiat kurang air gula di sekolah. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okay.. terima kasih. Ada soalan lain. Saya ambil beberapa soalan dulu. Ya.. Machang..

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Terima kasih YB EXCO. Saya ada dua (2) soalan. Soalan yang pertama adalah berkaitan dengan peluang-peluang pekerjaan yang dicipta, yang baru dicipta pada tahun 2020 sebab semalam kita juga ada dengar pencerahan daripada YB EXCO tentang sebenarnya di Pulau Pinang kita dalam tahun 2020 walaupun pandemik tapi ada pelaburan baru yang menciptakan peluang-peluang pekerjaan tersebut. Boleh YB EXCO memberitahu ada berapa peluang pekerjaan yang telah dicipta sepanjang tahun 2020.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okay.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (YB. Lee Khai Loon):

Dan soalan kedua saya adalah berkaitan dengan soalan 10 yang saya tanya jugak...berkenaan dengan pembinaan sebuah SJKC Lim Chong Eu di Alma. Dan saya difahamkan dalam jawapan yang ditulis di sini iaitu ada sebuah pemaju yang telah menawarkan tanah yang berkeluasan empat (4) ekar untuk pembinaan sekolah tersebut. Bolehkah kita tau pemaju tersebut dan juga ada apa masalah yang dihadapi dalam proses pembinaan sekolah SJKC Lim Chong Eu ini. Itu saja. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya, terima kasih. *Okay..*saya jawab soalan tadi daripada YB Heng Lee Lee iaitu makanan...penyediaan makanan yang sihat di sekolah-sekolah. Bila sebut sekolah-sekolah ini adalah sama ada Sekolah Kebangsaan, Sekolah Jenis Kebangsaan saya tidak pasti. Walau bagaimanapun saya rasa hal ehwal sekolah termasuk pendidikan makanan sihat adalah di bawah JPN ataupun Kerajaan Pusat...maka apakah peranan kita saya rasa mungkin cuma dari segi bantuan, mungkin saluran kewangan dan sebagainya mungkin kita ada peranan itu pun saya rasa dalam masa terkini itu pun agak susah sebab oleh maka kerjasama antara JPN dan juga Kerajaan Negeri memang saya rasa mungkin dalam adalah ruang yang lebih ruang yang kecil so jadi isu ini penting saya sebenarnya mengalu-alukan kalau ada apa-apa cadangan daripada YB tadi saya rasa kita boleh salurkan sama ada mereka menerima cadangan kita atau tidak itu perkara lain.

But I think is important point dan *I* pun dengar juga ada penyediaan makanan ini mungkin tidak sihat siapa yang sebenarnya menyediakan makanan dan sebagainya itu perkara yang kita akan lihat dan kita akan membawa kepada pihak yang berkenaan. *Okay* terima kasih.

Tadi YB Machang Bubuk tadi peluang pekerjaan. Macam saya memang intervensi saya semalam adalah apabila YB katakan peluang cuma kita sebutkan pengangguran saja, 10,300 macam tu kan. Tetapi kita perlu lihat juga bukan saja pengangguran tetapi peluang pekerjaan. Saya dapati ini tiap-tiap minggu saya memberi laporan kepada EXCO menunjukkan bahawa walaupun saya rasa pengangguran ini 10,000 untuk tahun 2020, 10,300 lebih tapi peluang pekerjaan adalah lebih. Ini bermakna tidak ada pengangguran yang besar...pengangguran yang menjejaskan kestabilan ekonomi Negeri Pulau Pinang.

Sebab oleh kerana itu COVID-19 ataupun tidak COVID-19 saya rasa memang pelaburan ini memang adalah yang memuaskan di Pulau Pinang. Ini bukan saja syarikat-syarikat yang besar tetapi juga syarikat-syarikat sedia ada syarikat tempatan dan sebagainya. Dan selama tahun 2020 ini saya rasa tidak ada angka ataupun pengangguran yang dialami. Jadi dari segi itu saya rasa itu bukan satu pengangguran adalah satu isu tapi isu ini dapat dikawal secara baik di Pulau Pinang.

Soalan kedua SKJC saya ingat jawapan telah diberi tapi saya sekarang ini tidak dapat ... (kurang jelas) sapa itu pemaju ini mungkin akan dikongsikan kemudian. Saya tidak ada secara terperinci tentang siapa pemaju, berapa ekar pemaju tu akan diberikan kepada sekolah di Alma dan ataupun ya so jadi ini akan dikongsikan kemudian saya tidak ada kalau ada pun saya mungkin saya silap saya mahu memastikan mana itu nama pemaju. *Okay*, terima kasih. Ya.

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Okey, terima kasih Yang Berhormat.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Chris..ya

Ahli Kawasan Pulau Tikus (YB. Lee Chun Kit):

Yang Berhormat...Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri 2. Saya nak mintak tanya dengan sekarang kita punya Kerajaan Negeri sedang menyokong jugak yang seperti Penang TAC Centre dan semua. Apakah inisiatif-inisiatif yang lain Kerajaan Negeri terutamanya untuk *harness* bakat-bakat baru untuk memasuki bidang Sains dan untuk kekal berada di Negeri Pulau Pinang juga itu antara cabaran yang paling besar untuk bukan sahaja Kerajaan Negeri tetapi Pulau Pinang secara keseluruhannya sebab kita punya bakat-bakat terbaik selalu menjadi eksport terbaik kepada bukan saja kepada bandaraya yang lain tetapi negara-negara yang lain juga. *Okay*, terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Soalan yang lain..yes

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Okay..terima kasih. Soalan saya berkenaan dengan peruntukan Kerajaan Negeri tahunan untuk sekolah-sekolah mubaligh SJKC, SJKT. So, kebelakangan ini memang kita dapat didapati terdapat satu *statement* dikeluarkan oleh JPN khususnya di Seberang Perai Selatan adalah melarang ataupun tidak membenarkan ahli politik untuk memasuki ke sekolah so saya cuma risau apabila sekiranya ahli politik tidak dapat

memasuki ke sekolah bagaimana ataupun macamana kita nak menilai projek-projek yang mereka jalankan sedangkan Kerajaan Negeri setiap tahun memberi peruntukan yang begitu banyak kepada sekolah-sekolah *especially* khasnya untuk SJKC, SJKT dan sekolah mubaligh dan jugak SMJK. Terima kasih. Adakah YB Perai mungkin boleh bantu untuk selaraskan masalah ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Perai pun dihalau dari sekolah macam mana. Perai pun dihalau dari sekolah (ketawa). Macam mana Perai membantu (ketawa). Tak pe, itu soalan baik tapi saya balik pada....(gangguan)

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB Satees a/l Muniandy):

YB. Soalan berkaitan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya. I come to you.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Soalan berkaitan.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Nanti saya lupa la...lebih baik saya jawab sekarang *you know*. Tadi YB Pulau Tikus... saya memang itu satu inisiatif apabila yang kita buat di Penang Foundation Scholarship memang pemikiran kita supaya bakat-bakat dari Pulau Pinang ini mesti kembali kepada Pulau Pinang dan kerja di Pulau Pinang sebab kita rasa kita tidak mahu hilang apabila kita membelanjakan memberikan biasiswa kita harap apabila mereka akan

kembali tetapi tidak ada jaminan...tidak ada jaminan bahawa mereka akan kembali ke Pulau Pinang.

Dan itulah saya rasa mobiliti ini saya rasa susah mahu kawal tetapi walau bagaimanapun saya rasa kepada bakat-bakat yang diwujudkan di Pulau Pinang ini mereka harap kita harap bahawa mereka akan kembali kepada Pulau Pinang. Banyak inisiatif yang kita ambil sekarang saya ingat saudara sendiri tahu bahawa daripada projek Penang Science Council, STEM beberapa kluster telah diwujudkan semasa saudara Lim Guan Eng jadi Ketua Menteri dan juga disambung oleh Ketua Menteri sekarang ini banyak program dilaksanakan supaya kita rasa Sains dan teknologi adalah masa depan untuk negeri. Kita mungkin tidak boleh bersaing dari segi sumber asli dan sebagainya cuma dari segi apa ini sumber manusia supaya apabila kita latih sumber manusia supaya kita memberi Sains, kemahiran Sains dan Teknologi dan sebagainya barulah kita rasa Pulau Pinang boleh maju sebagai satu-satu negeri di Malaysia.

So jadi banyak inisiatif yang kita jalankan sekarang kita berorientasikan tentang Penang supaya kita wujudkan pelan *talent... talent development* dan sebagainya so kita ada buat sedikit orientasi dengan program-program telah sedia ada so jadi ini satu yang kita fokuskan tetapi lebih-lebih ini lagi kita fokuskan kepada sekolah kenapa saya pun rasa dukacita kenapa di sekolah, sekolah menengah pelajar-pelajar tidak minat dalam Sains dan Teknologi.

Baru-baru ini kajian yang telah dilakukan oleh Penang Institute menunjukkan bahawa memang turun jugak di sekolah so jadi apabila mereka tidak minat maka saya ingat lama-lama ini akan memberi suatu impak yang tidak...tidak positif kepada negara ini tapi cumanya saya andaian saya ialah bahawa pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah

ini adalah ikut apa tu metologi yang lama di mana pelajar-pelajar tidak minat tetapi apabila kita sebut tentang kurikulum maka kita memang tidak boleh sentuh kurikulum kita tidak ada peranan dalam kurikulum...ini terpulang kepada Kementerian Pendidikan so sama ada mereka buat satu pembaharuan mengenai kurikulum kenapa bukan...bukan sahaja pelajar-pelajar tidak minat dalam Sains dan Teknologi tetapi penyampaian, pengajaran Sains dan Teknologi ini memang mungkin membosankan pelajar-pelajar di sekolah mereka tidak minat dan sebagainya. So..jadi inilah satu isu yang kita fokus, yang kita mahu fokus pada masa ini dan akan datang.

Tadi Jason, ini kita hadapi masalah baru-baru ini bagi contoh saya pergi ke sekolah Mak Mandin, sekolah SJKT Taman Mak Mandin supaya untuk ada jugak penderma-penderma sampaikan dana kepada bangunan sekolah. Tetapi selepas satu (1) dua (2) hari guru besar yang tidak hadir pada sesi itu telah dipanggil kepada JPN minta kenapa *you* benarkan Pembangkang ke sekolah. Ini bukan kali pertama dulu... semasa saya bersama saudara Lim Guan Eng pergi sekolah juga guru besar kena pindah.

So jadi apa yang disebutkan oleh Jason ini, ini betul saya rasa ini adalah arahan daripada Kementerian Pendidikan walaupun saya rasa hubungan kita dengan JPN ini saya ingat lagi mesra sikit tetapi memang mereka ikut arahan Pembangkang tidak boleh masuk sekolah, mana-mana sekolah sama ada Sekolah *Vernacular* ataupun Sekolah Kebangsaan so jadi apabila sebab itu saya...tidak mau pergi mana-mana sebab kita menyusahkan guru besar dan juga apa tu PIBG ataupun LPS tetapi memang saya setuju kita bukan mahu pergi bukan mau pergi sana berbual-bual, kita mau bagi dana, dana kepada sekolah, dana kepada pembangunan tetapi inilah keadaan so ini saya rasa keadaan masa

Perikatan Nasional ini tidak berubah seperti Barisan Nasional saya ingat lebih teruk daripada Perikatan Nasional sekarang. Kita tidak mau pergi ini bincang politik atau ceramah politik di sekolah-sekolah.

Dan kita pun faham bahawa selepas masa tu Pakatan Rakyat kemudian tu Pakatan harapan kita mengambil alih Kerajaan Negeri Pulau Pinang saya ingat berapa banyak dana yang kita telah salurkan bukan saja kepada Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Tamil, Sekolah Agama dan juga Sekolah Kebangsaan. Kita bersedia tetapi mereka tidak mahu menerima... salahkan siapa. Itulah keadaannya. So saya faham saya sendiri menjadi mangsa. Mereka tidak mahu Pembangkang pergi ke sekolah. Saya tidak tahulah adakah Ahli-Ahli UMNO boleh pergi sekarang. *Okay. Satees you ada....*

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Yang Berhormat EXCO. Soalan saya hampir sama seperti rakan saya dari Jawi. Memang wakil-wakil Kerajaan Negeri nak masuk ke sekolah bukan sebagai ahli politik tetapi sebagai satu Kerajaan Negeri yang ada hak ataupun ingin mengambil bahagian dalam pembangunan sekolah itu sendiri tetapi kita dihalang dari tahun 2008 bila datang 2018 ada sedikit perubahan dan sekarang mula balik. Perikatan Nasional acuannya sama seperti Barisan Nasional dan kita lihat dalam dua (2) tahun yang kita dibenarkan masuk ke dalam sekolah khususnya Sekolah Kebangsaan kita nampak hampir kesemua Sekolah Kebangsaan yang kita masuk keadaannya kalau dibandingkan dengan Sekolah Jenis Kebangsaan lebih *I mean* apa yang saya rasa mungkin keadaan dia lebih teruk tetapi ada pemimpin-pemimpin politik yang menggunakan ini sebagai satu medan politik tak benarkan kita masuk.

Saya bagi satu contoh Sekolah Kebangsaan Sungai Nyior di kawasan saya satu sekolah yang lama tetapi bumbungnya hampir runtuh dan tidak ada pun wakil daripada Kerajaan terdahulu datang melawat membuat apa-apa dua (2) tahun kelas itu tidak boleh dipakai langsung sampailah Menteri kewangan pada masa itu, Ahli Parlimen Bagan dan Air Putih datang baru dibaiki dan boleh digunakan oleh pelajar sekolah so keadaan ini masih wujud ada tak kita akan ada satu *balancing* di mana JPN ataupun Kementerian Pendidikan perlu datang kepada Kerajaan Negeri dan membenarkan kita juga masuk ke dalam sekolah ini untuk kita lihat keadaan di sana.

I think ini satu yang penting dan saya nak ingin mendapatkan penjelasan daripada Kerajaan Negeri bagaimanakah dana yang kita berikan kepada Sekolah Kebangsaan dalam dua (2) tahun...tiga (3) tahun ini telah membantu sekolah-sekolah ini, apakah laporan yang dihantar kepada Kerajaan Negeri daripada JPN ataupun daripada sekolah sendiri. Ini soalan saya. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Saya ingat yang tadi tu saya akan jawab bahagian akhir...jawapan bahagian yang...yang tadi tu saya ingat *you* pun tahu apa jawapan. Saya rasa tidak ada masalah apabila kita ni beri dana kepada Sekolah Kebangsaan cuma saya rasa teratur dan kemudian kita juga.. sekarang kita tidak ada mesyuarat tetapi semasa kita bagi dana untuk MakerLab kita memang ada mesyuarat dan kita pun melalui Penang Science Cluster, oleh kerana itu kita melantik Penang Science Cluster untuk mengamalkan program MakerLab. Satu..satu projek yang di mana dana telah diberikan kepada Sekolah Kebangsaan dan sebagainya. Sebab itu saya rasa tiada masalah tetapi program itu saya ingat sekarang dihentikan sebab

kerjasama antara Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat ataupun JPN ini mungkin saya rasa tidak begitu selesa seperti dululah.

So jadi Kerajaan Negeri...bukan kita tidak mahu bantu Sekolah Kebangsaan kita membantu tetapi keadaan politik, suasana politik ini tidak membenarkan kita buat...membuat *okay*. Memang isu ini bukan isu politik tapi kalau mereka yang lain nampak ini sebagai isu politik saya tidak taulah. Tapi dari segi Kerajaan Pulau Pinang kita mau bantu sekolah, semua sekolah, Sekolah Kebangsaan, Sekolah *Vernacular* dan sebagainya. Itu saya rasa itu memang kita pegang kepada itu tapi cumanya dalam suasana yang sekarang di mana Pembangkang ataupun Pembangkang ataupun tidak dibenarkan...tidak dibenarkan ke sekolah-sekolah dan kita tidak mahu apa itu PIBG atau LPS menjadi mangsa oleh kerana kita pergi ke sekolah.

So, oleh kerana itu kita pun saya rasa berjaga-jagalah saya pun tidak mahu pergi ke sekolah dan saya ingat mungkin kita boleh aturkan kalau ada apa perjumpaan di tempat yang selain daripada sekolahlah. Saya ingat apa so kita jadi tidak masalah tapi ada jugak guru besar-guru besar dia berani dia buat kalau tidak ada implikasi baik sekali..Ya, Jason.

Ahli Kawasan Jawi (YB. H'ng Mooi Lye):

Prof. so...kalau macam ni kita tidak salah... (kurang jelas) kita tidak dibenarkan untuk memasuki ke kawasan sekolah so bagaimana untuk ADUN untuk menilai projek-projek yang sekolah sedang menjalankan sebab disebabkan peruntukan ini daripada Kerajaan Negeri.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okay. Saya ingat kita tidak ada pilihan kalau kita tidak dibenarkan, kalau kita dibenarkan mungkin saya rasa jugak kita tidak mau menyusahkan pihak yang bertanggungjawab di sekolah, guru besar, pengerusi LPS dan sebagainya tapi kita perlulah cari satu alternatif di mana kita boleh menilai program-program iaitu program-program yang telah dibiayai oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. *I think you have no choice.* *Okay,* terima kasih. Ya...

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Terima kasih YB EXCO. Saya cuma ada dua (2), tiga (3) perkara. Pertama tentang program STEM dan sebagainya dan saya rasa ini satu pendekatan yang terbaik, yang baik yang dibuat oleh Kerajaan Negeri untuk meningkatkan dari segi Sains dan Matematik dan kita sedia maklum bahawa pelajar-pelajar Melayu ni kadang-kadang dia kurang berminat dalam Sains dan Matematik, masuk Sains dan Matematik pun susah jadi...satu perkara yang perlu diberi penekanan kepada mungkin kaedah-kaedah pemilihan...saya nak minta penjelasan dari segi kaedah pemilihan untuk program-program ini, modal insan dan juga program STEM dan sebagainya. Bagaimana kaedah pemilihannya, adakah ia melibatkan semua sekolah ataupun semua pihak supaya dia tidak menjadi satu pelaksanaan yang hanya menjurus kepada...kepada satu pihak sahaja. Jadi ia melibatkan semua.

Kedua dari segi inovasi dan kreativiti ini saya nampak ini satu benda yang baik yang saya rasa ia bagi tambah baik sikit. Jadi kalau boleh kita cadangkan kita adakan mungkin pertandingan dan sebagainya di peringkat sekolah dan sebagainya. Dari segi inovasi..inovasi dari segi

rekacipta dan sebagainya jadi mungkin bila ada ini kita akan dapat menonjolkan pihak-pihak yang belajar dan sebagainya yang berminat dan mempunyai rekacipta yang terbaik, ini mungkin kita boleh tambah dari segi itu. Ketiganya tentang program bantuan pendidikan antara Sekolah Cina, Persendirian, Mubaligh dan sebagainya. Saya cuma nak minta penjelasan sedikit kenapa terdapat perbezaan yang ketara dengan Sekolah Agama. Jadi...bagi tahun 2019 kalau tak silap saya pihak Sekolah Cina Persendirian dan Mubaligh mendapat RM85 juta, Sekolah Agama Rakyat RM1.75 juta dan SJKC/SJKT mendapat RM1.75 juta. Jadi...mohon penjelasan supaya saya boleh jelaskan tentang isu ini.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Dan tentang... masalah tidak boleh masuk sekolah ni saya rasa saya pun merasainya, merasainya juga, tidak boleh masuk sekolah. Nak pergi tengok keputusan UPSR pun tidak boleh masuk. Memang dihalang ataupun pihak guru besar tak bagi dia kata kalau saya masuk dia kena jawab, tunjuk sebab dan sebagainya pada suatu ketikalah..jadi saya *check* balik dan dia adalah merupakan satu polisi pihak Kementerian dari segi parti ni, parti politik ataupun yang mewakili parti tak boleh masuk.

Jadi saya rasa benda ini perlu kita bangkitkan supaya benda ini boleh kita huraikan ataupun ubah suai dengan tujuan-tujuan tertentu untuk macam tadi Jason, YB Jason kata nak masuk *check* peruntukan dan sebagainya, pelaksanaan dan sebagainya ataupun untuk kita melihat apa-apa masalah yang berlaku di sekolah untuk kita salurkan, mohon

peruntukan dan sebagainya. Saya rasa itu tidak ada masalah dan ini mungkin pihak Kerajaan Negeri boleh berbincang balik dari segi polisi ini supaya boleh dijelaskan, boleh diubah suai, dipinda dan sebagainya di peringkat atasan. Kerana benda ini akan diambil kesempatan oleh siapa-siapa saja, mana-mana parti politik yang pegang dia akan ambik gunakan polisi ini untuk menghalang dan mengehadkan *politician* untuk masuk ke dalam sekolah. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Terima kasih kepada Ketua Pembangkang. Ada..tiga (3) soalan. Pertama, pembelajaran Sains dan Matematik memang tidak, pandangan kita tidak berbeda kita pun setuju Sains dan Matematik sangat-sangat perlu di kalangan pelajar tapi soalan tadi adakah ini memberi impak yang sama kepada semua lapisan inilah saya rasa persoalan saya apabila kita memberi ataupun mengajar Sains dan Matematik ataupun komputer di mana-mana maka kita rasa mesti ada ini memberi impak yang positif kepada B40. B40 ini bukan saja masyarakat Melayu, masyarakat India dan masyarakat Cina. So itu kita punya ni fokus supaya dapat impak yang sama kalau takda impak yang sama saya rasa mungkin pendidikanlah bukan suatu mekanisme yang boleh membawa kesamaan rakyat. Pendidikan ini kalau kita tidak mengambil kira tentang mereka ataupun kumpulan B40. Kemudian inovasi dan cipta adalah suatu yang kita menjalankan tetapi fokus terutama Kerajaan Negeri supaya kita perlu supaya sekolah-sekolah ini mendidik kanak-kanak dalam bidang supaya mereka minat dalam Sains dan Matematik. Matematik.

Just tadi ada soalan tentang bantuan pendidikan. Apakah kriteria yang kita gunakan. Saya ingat satu adalah Sekolah Cina adalah bilangan, bila Sekolah Cina bilangan mubaligh-mubaligh tidak banyak kemudian

sekarang untuk Sekolah Agama sudah meningkat ke RM2 juta, bukan RM1.75 juta baru-baru ni ataupun tahun yang lepas, Sekolah Tamil pun saya rasa RM2 juta so jadi ini bukan pada bilangan, bilangan sekolah yang kita jadi sebagai suatu faktor di mana kita menyalurkan bantuan dan isu adalah isu..isu politik.

Kita sebagai Kerajaan, sebagai anggota Kerajaan Pulau Pinang kita mahu pergi sekolah bukan sebagai parti mereka rasa bahawa Pakatan Harapan adalah pembangunan dari segi.. dari federal tapi di Pulau Pinang kita adalah Kerajaan yang memerintah so apa salah Kerajaan anggota dari Kerajaan memerintah masuk sekolah. Kalau mereka mau lihat kita Pembangkang ini adalah bermasalah tetapi saya rasa kita tidak pergi ke sekolah untuk berpolitik seperti yang disebutkan oleh Jason supaya menilai projek-projek yang telah kita memberi kepada sekolah-sekolah kalau kita tidak pergi menilai bagaimana, bagaimana kita akan mengaudit perbelanjaan kita kepada sekolah-sekolah so jadi saya...

Saya tidak ada masalah adakan perbincangan dengan JPN tapi ini bukan dasar JPN ini dasar Kementerian Pelajaran Malaysia, peringkat Pusat, mereka dapat hantar arahan saya ingat apa jenis apa jenis arahan so jadi harap bahawa perkara ini boleh...boleh dibincang dan kita perlu suatu penjelasan yang baik supaya anggota Kerajaan Pulau Pinang boleh pergi ke sekolah. Apa salah, di satu segi tidak ada apa-apa halangan apabila kita bagi bantuan, bantuan kewangan dan sebagainya tapi kita tidak akan pergi so kalau kita pergi ke sekolah ataupun kita dijemput maka hukuman ini adalah terhadap guru besar dan juga guru besar dan juga cikgu-cikgu. So mana ini ada adil so jadi ini perlu ditukar supaya Kerajaan Perikatan...Kerajaan PN ini melihat perkara ini lebih...lebih adil lah bukan dari sudut politik yang yang sempit. Okey, Daniel...

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (YB. Daniel Gooi Zi Sen):

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II. Saya rasa selain daripada isu pembangunan sekolah saya rasa kita semua boleh bersetuju bahawa sistem pembelajaran khususnya di bawah norma baharu ini memang dengan izin *in the mess* lah. Saya rasa semalam Yang Berhormat Dato' Ketua Pembangkang jugak membangkitkan khususnya dari pertukaran peralihan daripada sistem pembelajaran *online* sehinggakan pembukaan sekolah yang kita alami sekarang memang seolah-olahnya Kementerian Pendidikan tiada sebarang perancangan.

Saya masih ingat apabila pembelajaran *online* dilakukan antara wakil-wakil rakyat kita perlu mengeluarkan dana ataupun mengutip dana untuk memberikan peranti ataupun komputer khususnya kepada anak-anak kita dan apabila baru saja mereka dapatkan peranti ataupun ibu bapa baru saja beli komputer dan peranti tiba-tiba pulak sekolah diminta untuk buka. Namun hari ini kita dapat lihat terdapat kluster yang berlaku di dalam sekolah jugak di kawasan Bukit Tambun. Kesian kita tengok anak-anak dalam darjah yang rendah terpaksa menjalankan *swab test* untuk mengesahkan sama ada mereka dijangkiti wabak COVID-19 ini.

Jadi saya rasa dari segi isu ataupun bab ini kita boleh mengambil satu keputusan kedua-dua Kerajaan dan juga Pembangkang di Negeri Pulau Pinang ini supaya kita mengusulkan satu usul kepada Kementerian Pendidikan untuk menyatakan pendirian kita terhadap sistem pembelajaran yang memang teruklah sekarang, jadi mungkin saya minta pandanganlah daripada Yang Berhormat Timbalan Ketua Menteri II.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okey. Faiz.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

YB EXCO. Adakah Kerajaan Negeri ataupun YB EXCO ada statistik tentang jumlah ataupun peratusan pelajar-pelajar yang tercicir daripada menghabiskan pelajaran di sekolah secara sempurna maksudnya dia tidak habis SPM pun untuk tempoh pentadbiran Kerajaan Negeri Pulau Pinang bagi sesi yang ke 14 ini. Kerana ada kes di kawasan saya di Permatang Pasir yang pelajar-pelajar ini tidak ke sekolah lagi atas faktor kemiskinan. Itu yang pertama.

Yang kedua sekolah juga menyediakan perkhidmatan bas percuma untuk mengambil pelajar-pelajar ini namun kekurangan dana. Adakah Kerajaan Negeri sedar tentang masalah ini dan jika sedar adakah ada apa-apa inisiatif untuk Kerajaan Negeri *subsidize* sekolah-sekolah ini bagi menyediakan bas percuma untuk mengambil dan menghantar pelajar-pelajar yang memang dalam golongan miskin ini. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okay. Terima kasih. Soalan yang YB daripada Pengkalan Kota itu bukan sebenarnya soalan, suatu usul ya...mengenai sistem..sistem pembelajaran di sekolah khususnya di...semasa COVID-19 iaitu *online* dan saya...saya pun tidak pasti apa sebenarnya sistem *online* dan sebagainya tapi bukan mereka tak ada tapi memang mereka sudah adakan beberapa program tapi saya tidak dapat maklumat yang terkini mengenai sistem dan oleh kerana ini sebab kita pun takde dialog sebenarnya antara dua (2) pihak tapi ini saya rasa kita boleh mungkin boleh dapat.

YB daripada Permatang Pasir, ini memang soalan macam ini ada timbul masa yang lalu dalam dewan dan ini isu pelajar yang tercicir ini

memang satu yang saya rasa, satu yang saya rasa perlu ditangani dan...saya tidak ada statistik sekarang tapi memang kita boleh dapat statistik daripada mungkin daripada JPN ataupun mungkin daripada BPN sebab ini keciciran pelajar ini berlaku pelbagai faktor satu kemiskinan, satu mungkin di kalangan keluarga B40 dan sebagainya.

So jadi ini satu isu dan saya rasa tidak ada halangan kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan ini memberi bantuan kepada sekolah mereka di kawasan mereka saya ingat mungkin saudara Faiz pun telah bekalkan dan saya sendiri buat di peringkat di kawasan Perai dan sebagainya tapi isu-isu adalah sama ada Kerajaan Negeri memberi bantuan kepada isu ini, ini memang soalan yang saya rasa perlu difikirkan. Tapi kita bersedia dalam tapi kita fokus kepada Sekolah-Sekolah Kebangsaan ada cuma kita telah bekalkan ini MakerLab supaya untuk mempercepatkan, untuk menghalusi tentang pembelajaran Sains dan Matematik, komputer dan sebagainya. Tapi isu-isu sosial ini yang saya rasa kita perlu ditangani ini bukan saya rasa kita rasa benda yang remeh-temeh tapi perlu ditangani dan saya rasa maklumat pertama kita perlu dapat statistik tentang masalah keciciran ini. Okey, terima kasih. Ya...

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah binti Othman):

Terima kasih Yang Berhormat EXCO TKM 2. Okay, soalan saya adalah berkaitan dengan pengajian TVET. Memandangkan laporan yang dibentangkan tadi adalah berkaitan kurangnya sambutan kepada pengajian STEM, jadi apakah perancangan ataupun cadangan pembiayaan yang boleh ditambah oleh Kerajaan Negeri untuk membantu pelajar-pelajar di peringkat pertengahan untuk memperbanyakkan penglibatan pelajar-pelajar untuk menyertai TVET memandangkan dalam keadaan norma baharu ini banyak kemahiran-kemahiran yang boleh

diterapkan kepada pelajar di peringkat pertengahan untuk mengaktifkan kemahiran mereka dalam keadaan pasca COVID-19. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okay. Terima kasih. Memang saya ada sentuh perkara.. hakikat terkini di mana pelajar-pelajar di sekolah menengah tidak minat dalam bidang Sains dan Teknologi mungkin ada pelbagai faktor, mungkin satu faktor yang saya rasa adalah cara pembelajaran Sains dan Matematik di sekolah ia lebih pedantik, lebih formal dan sebagainya. Jadi soalannya apakah kita di Negeri Pulau Pinang kita buat supaya di mana Sains, Matematik, Teknologi jadi lebih menarik kepada pelajar-pelajar.

So inilah yang kita buat di bawah Penang Education Council di skala yang lebih kecil bukan (kurang jelas) formal skala yang kecil di mana pelajar-pelajar ini program-program macam 5,000, program 10,000 yang dapat penyertaan ramai daripada Pulau Pinang khususnya Universiti Sains Malaysia mereka buat projek di kalangan pelajar-pelajar walaupun saya rasa kumpulan ini bilangan ini kecil tapi untuk menanamkan minat pelajar tentang Sains dan Teknologi ini adalah berbeza daripada sistem formal di mana mereka mengajar Sains, Teknologi, Matematik melalui satu kurikulum, satu format yang lebih rigid so kita rasa kita mesti buat satu proses yang lebih informal supaya kita boleh menanamkan minat Sains dan Teknologi, Matematik dan sebagainya di kalangan pelajar-pelajar di mana Sains bukan...tidak perlu ditakuti, Sains bukan satu perkara yang mustahil difahami dan sebagainya.

Tapi..eloknya sistem formal ini mereka melihat perkara ini mungkin...mungkin ada jugak percubaan-percubaan di peringkat Kementerian Pelajaran sebagainya tapi di Pulau Pinang walaupun pendidikan bukanlah satu di bawah Kerajaan Negeri Pulau Pinang tapi

kita boleh mulakan secara program kecil-kecilan supaya untuk menanam minat Sains dan Teknologi di kalangan pelajar-pelajar dan itulah salah satu, salah satu fokus di portfolio saya iaitu Sains dan Teknologi dan Inovasi. *Okay*, terima kasih.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah binti Othman):

Tambahan berkenaan pengajian TVET.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Ya.

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB Nor Hafizah binti Othman):

TVET.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okay, TVET. Apa TVET. Tanyalah soalan, apa itu TVET. Apa soalan *you* mau tanya?

Ahli Kawasan Permatang Berangan (YB. Nor Hafizah binti Othman):

Owh..berkenaan pembiayaan untuk menambahkan penglibatan pelajar untuk pengajian TVET.

YB. Timbalan Ketua Menteri II:

Okay. Terima kasih..ya itu, itulah yang saya mau soalan tadi. So jadi TVET adalah satu...salah satu bidang yang kita fokus di peringkat ini bukanlah tertiar...tertiari ni pelajar-pelajar pergi universiti, dapat Ijazah dan kembali tapi ini tidak bermakna pelajar-pelajar yang pergi universiti yang kembali tidak ambil program TVET. TVET adalah semata-mata kepada mereka yang dapat Sijil dan Diploma di mana selepas mereka

dapat Sijil dan...Sijil dan apa tu Diploma boleh mereka terus masuk dalam industri sebab industri di Pulau Pinang industri swasta tadi memerlukan mereka kemahiran, kemahiran dalam pelbagai bidang.

So jadi macam kita ambil kes PSDC. PSDC merupakan satu adalah satu institusi yang sebenarnya memfokuskan kepada TVET. Ini bukan satu saja, ada beberapa institusi di Pulau Pinang tapi ini sebagai satu contoh di mana ada kaitan yang rapat antara PSDC dengan industri swasta. So mereka sebenarnya memenuhi keperluan industri multinasional sebagainya so pelajar-pelajar sama ada mereka ada SPM, mereka gagal dalam SPM, lulus SPM tak kira mereka boleh masuk peringkat Sijil, peringkat Diploma ataupun Diploma yang tinggi kemudian keluar dua (2) tahun, tiga (3) tahun mereka boleh masuk dalam industri. Ini yang kita mau di Pulau Pinang.

Ini bukan saja PSDC, ada juga institusi-institusi swasta dan awam juga yang mengeluarkan pelajar-pelajar yang ada Sijil dalam Komputer, Elektronik, Megatronik, katakanlah mereka boleh dapat ini dan saya rasa mudah untuk cari kerja sebab satu kekurangan yang selalu dibincangkan adalah industri ini tak cukup mereka kemahiran TVET. So jadi inilah yang kita pun juga fokus di Pulau Pinang supaya kita meningkatkan pelajar-pelajar dalam TVET. Ini tidak bermakna mereka mesti mau masuk universitikan, tertiar, ini cuma di kolej-kolej, memasuki *skill training*.

Okay, okay saya ingat itu saja. Mana ini...MC. Ada soalan lain. Ya..ya ada dua (2) minit lagi...So jadi ya...saya pembentangan saya mengenai portfolio adalah apa yang telah kita dilaksanakan, apa yang akan kita laksanakan masa depan di Pulau Pinang. Pandangan saya pagi ni...Pulau Pinang ini adalah bukan negara...bukan negeri yang besar, kedua kecil di Semenanjung tetapi kita rasa melalui fokus kepada sumber

manusia, kepada fokus kepada Sains Teknologi dan sebagainya kita boleh meningkatkan kemahiran kita di Pulau Pinang. Kita ambil kes-kes negara lain di mana mereka tidak ada apa-apa sumber asli dan sebagainya tetapi kemahiran penduduk, kemahiran sumber manusia ini mungkin akan menunjukkan perbezaan di antara mereka yang...yang boleh bersaing, bersaing di dunia dari segi penglibatan mereka dalam industri...industri dan sebagainya so jadi kita di Pulau Pinang banyak permintaan daripada syarikat-syarikat yang besar, mereka yang datang sekarang saya ingat Pulau Pinang pun kita juga pilih bukan saja kita membenarkan semua masuk di Pulau Pinang dan bertapak. Kita pilih industri-industri yang boleh memberi apa itu kepakaran, kemahiran kepada pekerja-pekerja kita. Misalnya...jadi ini kita fokus kita dan InvestPenang akan tapis semua permohonan daripada industri-industri kita tidak benarkan industri-industri yang gunakan buruh yang tak mahir kita perlu mereka gunakan pekerja yang lebih mahir supaya mereka dapat kemahiran-kemahiran supaya kemahiran ini akan membentuk industri yang lebih berkualiti yang boleh membawa hasil yang lebih. Okey, terima kasih. Itu saja. Masa sudah...untuk makan tengah hari juga.

Pengacara Majlis:

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Prof. Dr. P. Ramasamy a/l Palanisamy di atas pembentangan itu tadi. Majlis seterusnya akan berehat seketika dan akan bersambung semula pada jam 2.30 petang. Para hadirin dipersilakan untuk menikmati juadah makan tengah hari yang disediakan di tingkat 9 serta di Wembley Cafe di tingkat 2. Bagi Ahli-Ahli Yang Berhormat dimohon untuk kekal berada di dalam bagi sesi bergambar. Terima kasih.

**NAMA AMMK : YB DATO' IR. HAJI AHMAD ZAKIYUDDIN
BIN ABDUL RAHMAN (TIMBALAN KETUA
MENTERI I)**

TARIKH : 30 MAC 2021

MASA : 2.30 PETANG – 3.30 PETANG

NO. : 10

Pengacara Majlis:

Selamat petang Ahli-Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Mohon kembali ke tempat duduk masing-masing kerana kita akan teruskan dengan sesi kita pada petang ini.

Mohon kerjasama semua Ahli-Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan untuk kembali ke tempat duduk masing-masing kerana sesi kita pada petang ini akan bermula sebentar lagi. Terima kasih.

Mohon kerjasama Ahli-Ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan mengambil tempat duduk masing-masing kerana majlis kita akan bermula sebentar saja lagi.

Assalamualaikum w.b.t dan salam sejahtera. Para hadirin yang dihormati sekalian. Bertemu kembali. Majlis kini bersambung dan akan diteruskan dengan sesi dialog bersama dua (2) orang lagi Yang Berhormat Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri. Agenda pada petang ini diteruskan dengan mempersilakan Yang Berhormat Dato' Ir. Haji Ahmad Zakiyuddin bin Abdul Rahman, Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam,

Koperasi dan Pemerksaan Komuniti. Dengan segala hormatnya dipersilakan.

YB. Timbalan Ketua Menteri I):

Assalamualaikum w.b.t dan selamat tengah hari, salam sejahtera. Doa. Terima kasih pengerusi majlis, Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat rakan-rakan EXCO dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat, seterusnya Ketua-Ketua jabatan, tuan-tuan, puan-puan yang saya muliakan.

Alhamdulillah syukur kita kepada Allah SWT. Kita teruskan dengan Sesi Libat Urus Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bersama Ahli Dewan Undangan Negeri dan giliran saya, Pengerusi Jawatankuasa MMK Hal Ehwal Agama Islam, Koperasi dan Pemerksaan Komuniti untuk menyampaikan laporan saya.

Pertamanya saya mengucapkan terima kasih dan syabas kepada Kerajaan Negeri yang menganjurkan Sesi Libat Urus ini sebagai usaha untuk memastikan pembincangan isu-isu rakyat Pulau Pinang tidak tergendala walaupun DUN dilarang untuk bersidang dan juga kita sedang menghadapi pandemik COVID-19.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada wira-wira barisan hadapan yang terus melindungi dan menyalurkan bantuan kepada semua rakyat di Pulau Pinang. Semoga Allah SWT merahmati sumbangan yang diberikan oleh wira-wira barisan hadapan.

Ketika berlakunya penularan wabak taun di Negeri Syam. Khalifah Umar bin Khattab telah membatalkan hasrat beliau untuk melawat seorang sahabat baginda SAW iaitu Abu Ubaidah Al-Jarrah sebaik sahaja

mendengar Abdul Rahman bin Auf membaca sebuah hadis yang bermaksud “Jika kamu mendengar taun di sesuatu tempat, jangan kamu pergi kepadanya. Jika berlaku di sesuatu tempat sedangkan kamu berada di situ, jangan kamu keluar daripadanya”.

Maka, mengambil iktibar daripada kisah ini, marilah sama-sama kita mematuhi SOP dan mengamalkan norma kehidupan yang baharu serta meningkatkan kawalan keselamatan di mana sahaja kita berada.

Saya mulakan dengan memberikan laporan tentang MMK Hal Ehwal Agama Islam. Saya ada 20 minit untuk sampaikan semua ini. Berapa muka surat diorang *prepare*, hampir 20 juga. *I have to take* satu (1) minit bagi setiap satu (1) muka surat. InsyaAllah, saya cuba habiskan.

Di dalam MMK Hal Ehwal Agama Islam, kita adakan Program Khaira Ummah 2030 merupakan inisiatif yang telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Pulau Pinang pada 19 Ogos 2020 bersamaan 1 Muharram 1442 Hijrah di Masjid Al Bukhary, Bandar Sri Pinang. Pelan ini merupakan misi pembangunan yang akan merangkumi lima (5) teras utama iaitu Hikmah, Ekonomi, Baiti Jannati, Anak Muda dan Tarbiyah. Demi menyampaikan hasrat dan kesungguhan pentadbiran Islam di negeri ini kepada umat Islam, 16 siri Jelajah Khaira Ummah telah diatur di kesemua daerah. Program ini merangkumi ceramah motivasi, pameran Khaira Ummah 2030 dan juga pameran agensi-agensi Islam di Pulau Pinang.

Selari dengan aspirasi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, pelaksanaan Khaira Ummah 2030 ini akan disandarkan dan berjalan seiring dengan aspirasi ataupun wawasan Penang2030 dalam menjayakan wawasan untuk umat Islam khususnya dan rakyat Pulau Pinang amnya. Peranan dan sumbangan anak muda akan diiktiraf sebagai tunjang Khaira Ummah

dan martabat masjid akan diangkat sebagai pusat pembangunan ummah menjelang tahun 2030 nanti.

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam. Sejajar dengan Agama Islam sebagai Agama Persekutuan, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam terus memantapkan usaha bagi memartabatkan Agama Islam di negeri ini dengan menggiatkan pelbagai program dan aktiviti. Sehubungan dengan itu, jabatan telah mengambil inisiatif-inisiatif tersebut.

Satu. Pemerkasaan Pendidikan Islam. Pada tahun 2020, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di dalam Ucapan Belanjawan 2020, sejumlah RM2.99 juta telah diperuntukkan bagi bantuan Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Negeri Pulau Pinang. Peruntukan ini adalah RM500,000.00 tambahan daripada tahun sebelumnya. Manakala peruntukan bagi pemberian Bantuan Khas Kewangan kali kedua bagi tahun 2020 turut disalurkan kepada penyelia KAFA, guru KAFA, guru Sekolah Rendah Agama Rakyat, guru Sekolah Menengah Agama Rakyat, guru agama bantuan kerajaan, guru tahfiz, guru Tadika Islam serta kakitangan sekolah sebanyak RM661,900.00.

Ini jelas merupakan manifestasi kepada kesinambungan sebagai tanda pengiktirafan, penghargaan dan terima kasih Kerajaan Negeri kepada semua institusi pendidikan Agama Islam di negeri ini.

Bantuan kepada Sekolah-Sekolah Agama Rakyat Negeri Pulau Pinang merupakan satu bantuan yang diperkenalkan sejak tahun 2009 di dalam usaha Kerajaan Negeri membantu sekolah-sekolah agama yang berdaftar, beroperasi dengan baik sama ada dari aspek infrastruktur, prasarana, pengurusan, pentadbiran dan sebagainya.

Peruntukan Khas Kewangan Kerajaan Negeri turut diberikan kepada 43 orang kakitangan Sekolah Rendah Agama Rakyat, Sekolah Menengah Agama Rakyat dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan dengan kadar RM300.00 seorang berjumlah RM12,900.00. Justeru, Kerajaan Negeri akan terus komited untuk membantu dan membangunkan institusi Pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang dengan mengambil kira perkembangan pendidikan semasa.

Selain itu, peruntukan turut disalurkan kepada para hafiz Negeri Pulau Pinang bagi tahun 2020 kali ke-13 berjumlah RM318,000.00. Bayaran ini diberikan kepada 636 huffaz pada kadar RM500.00 seorang. Di samping itu, peruntukan lain yang diterima ialah Bantuan Khas Kewangan sebanyak RM500.00 secara *one-off* kepada pengusaha kantin sekolah di Negeri Pulau Pinang.

Pada tahun 2021 pula, Bantuan Khas Kewangan terus diberikan kepada guru-guru Sekolah Agama Rakyat berdaftar di bawah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang. Seramai 935 orang menerima bantuan ini secara *one-off* dengan peruntukan sebanyak RM467,500.00.

Di samping itu, pencapaian atau penganugerahan yang diperolehi oleh Bahagian Pendidikan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang pada tahun 2020 ialah The Malaysia Book Of Records "*Most Number Of Children Scrapbooks On Display In An Event*" pada 18 Oktober 2020. Ini merupakan inisiatif di dalam menghargai usaha pelajar di dalam melaksanakan proses Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) melalui sistem pendidikan norma baharu menghadapi pandemik COVID-19. Jabatan mengekalkan momentum kecemerlangan pentadbiran Pendidikan Islam dengan moto "Ke Arah Pendidikan Berkualiti dan Berkat".

Pendidikan Islam di Pulau Pinang yang bermula seawal daripada pendidikan pra sekolah sehinggalah ke peringkat tertinggi secara formal dan tidak formal seperti di pondok, pusat tahfiz, pusat pengajian Al-Quran, KAFA, Sekolah Rendah Agama Rakyat, SMAR dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Justeru, Kerajaan Negeri akan terus komited untuk membantu dan naik taraf sistem Pendidikan Islam di Negeri Pulau Pinang amnya.

Dakwah dan kefahaman Islam. JHEAIPP telah dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan program-program agama bersifat dakwah dan kefahaman agama. Antara program-program yang dijalankan Sambutan Majlis Rasmi Peringkat Negeri Pulau Pinang iaitu Majlis Sambutan Maal Hijrah, Majlis Sambutan Maulidur Rasul, Majlis Tilawah, Program-program Khaira Ummah Peringkat Negeri dan juga majlis kesyukuran, bacaan Yassin dan tahlil sempena hari kelahiran Tuan Yang Terutama Tun.

Di dalam bidang pemantapan dan pengukuhan institusi keluarga Islam. JHEAIPP dalam menguruskan hal ehwal berkaitan nikah, cerai dan Ruju' Orang Islam sentiasa mengenal pasti kaedah bersesuaian bagi meneruskan kelangsungan aktiviti kekeluargaan termasuk urusan perkahwinan. Kaedah temuduga khas menggantikan kursus pra-perkahwinan dilaksanakan dalam situasi pandemik COVID-19. Di sini saya ingin mengucapkan tahniah kepada YB Syerleena kerana berjaya di dalam kursus pra-perkahwinan dan melangsungkan perkahwinan bulan lepas. Tahniah.

Garis panduan Standard Operasi Prosedur dan beliau juga melangsungkan perkahwinan dalam majlis yang penuh *comply* dengan SOP yang telah kita sediakan. *Alhamdulillah*.

Bagi memperkasakan lagi institusi keluarga, Bahagian Undang-undang Keluarga Islam telah merancang untuk mengadakan Konvensyen Pemerksaan Keluarga Bahagia dan program Jelajah Komuniti Keluarga Bahagia, Seminar Keluarga Bahagia, Seminar Fiqh Wanita dan lain-lain program.

Kesedaran dan Kefahaman Halal. Bahagian Pengurusan Halal JHEAIPP menganjurkan beberapa program sepanjang tahun 2020 termasuk Program Kesedaran Untuk Masyarakat, Kursus Pentauliahan Penyembelihan Halal, Program Latihan oleh Gaban Spice Manufacturing, Kursus Sistem Jaminan Halal, Halal Refreshment Talk, Halal Awareness dan Bengkel Pensijilan Industri Makanan dan Pertanian Usahawan Bimbingan MARDI. Mengikut keperluan halal dalam industri makanan.

Dan bagi memantapkan Penguatkuasaan Undang-undang Syariah. JHEAIPP telah menjalinkan kerjasama dengan agensi lain di Peringkat Negeri dan Persekutuan dalam melaksanakan pemantauan dan tindakan kepada pihak-pihak yang telah menimbulkan ancaman serta mengganggu keharmonian. Bagi tahun 2020 sebanyak 915 kes telah diambil tindakan.

Muzakarah Pemerksaan Syariah Membangun Khaira Ummah Peringkat Negeri akan dianjurkan bagi tahun 2021 bagi meningkatkan pemantauan dan membendung kes ancaman akidah yang bertentangan dengan Agama Islam. Bagi tahun semasa dan seterusnya, usaha dirancang bagi menambah baik tadbir urus dalam pelaksanaan tindakan undang-undang syariah selari dengan cabaran dan realiti yang dihadapi.

Selain itu, gerak kerja penguatkuasaan dengan gabungan pelbagai pihak perlu diatur secara terancang dan sistematik untuk melahirkan umat Islam yang benar-benar menjunjung syariat Islam. Pelaksanaan *task force* bersepadu bagi menghormati bulan Ramadhan tahun 2021 juga sedang

diusahakan. Matlamat dalam melahirkan ummat yang terbaik terletak di atas kerjasama semua pihak sama ada institusi pendidikan, sistem kekeluargaan, lingkungan masyarakatan dan ummat Islam keseluruhannya.

Di dalam PKP. JHEAIPP telah mengeluarkan garis panduan pelaksanaan ibadah korban Negeri Pulau Pinang sebagai rujukan kepada semua penganjur dan peserta yang melaksanakan ibadah korban. JHEAIPP juga telah mengeluarkan SOP bagi pengimarahannya masjid, beribadah di masjid mengikut tahap-tahap PKP pada sesuatu masa.

Di samping itu, Program Gerobok Rezeki telah dilaksanakan di masjid-masjid juga meliputi peringkat pertama meliputi enam (6) buah daerah di Pulau Pinang. Enam (6) buah masjid daerah di Pulau Pinang. Program ini disediakan bagi membantu golongan yang memerlukan serta terputus bekalan terutamanya semasa PKP ini.

Pada tahun 2020 juga, dua (2) buah masjid telah dicalonkan dan terpilih untuk kategori Anugerah Standard Penarafan Masjid Malaysia iaitu masjid Jamiul Badawi di Kepala Batas dan kategori Anugerah Terbaik Standard Penarafan Masjid Malaysia dan kategori Pengimarahannya Inovasi oleh Masjid Abdullah Fahim. Jadi di sini menunjukkan masjid-masjid di Pulau Pinang telah pun mencapai Standard Penarafan Masjid yang diiktiraf oleh kerajaan.

Turut berperanan dalam menghadapi pandemik COVID-19, JHEAIPP sentiasa peka dengan perubahan dan keputusan yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Maka SOP yang melibatkan pengoperasian masjid dan surau dan segala aspek pengimarahannya telah pun dikeluarkan.

Untuk Bantuan Khas Fasa Penang Lawan COVID-19, Fasa 3.1. JHEAIPP telah pun dipertanggungjawabkan untuk menguruskan Bantuan Khas Kewangan kepada tiga (3) golongan sasaran seperti berikut:

1. Bantuan Khas Kewangan RM1,000.00 secara *one-off* kepada 600 buah surau berdaftar di bawah JHEAIPP;
2. Bantuan Khas Kewangan RM500.00 kepada 935 orang guru-guru Sekolah Agama Rakyat, dan
3. Bantuan Khas Kewangan RM500.00 secara *one-off* kepada 55 pemegang tauliah mengajar yang berdaftar, yang diperakukan oleh JHEAIPP. Pengajar-pengajar ini adalah penceramah atau pengkuliah di masjid-masjid. Oleh sebab PKP, mereka tidak dapat mengajar di masjid-masjid jadi mereka hilang sedikit daripada pendapatan mereka maka bantuan Khas telah diberikan untuk membantu pendapatan, menambah pendapatan mereka.

Kesemua senarai penerima sebanyak 1,590 orang bagi tiga (3) golongan sasaran tersebut telah memberikan implikasi kewangan sebanyak RM1,095,00.00.

Pembangunan Institusi Agama. Pada tahun 2020, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan pembangunan P.13 sebanyak RM11,092,010.00 bagi pelaksanaan projek pembangunan pusat falak, masjid, surau, Sekolah Agama Rakyat, pejabat agama, Kompleks Darul Hidayah dan KITAB dan bagi tahun 2021, peruntukan sebanyak RM18,610,010.00 telah pun diluluskan, menunjukkan peningkatan sebanyak RM7,518,000.00 bagi tahun 2021.

Selain daripada itu, Kerajaan Negeri dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan telah membina masjid, telah meluluskan pembinaan masjid-

masjid baru di Pulau Pinang termasuklah pengurusan masjid-masjid yang dalam pembinaan. Masjid-masjid tersebut Masjid Tanjung Tokong, Masjid Sungai Nibong Besar, Masjid Permatang Bogak di Kepala Batas, Masjid Bandar Tasek Mutiara Simpang Ampat, Masjid Al-Qahhar Permatang Damar Laut, Masjid Perai, Masjid Taman Pelangi di Perai, Masjid Jamek Sungai Puyu dan Masjid Bandar Cassia di Batu Kawan yang juga telah pun dicadangkan sebagai masjid bandaraya, Masjid Bandaraya Seberang Perai.

Turut dalam perancangan 2021 adalah cadangan pemindahan Bahagian Halal dan Pejabat Agama daerah Timur Laut ke bangunan lama dua (2) tingkat Jabatan Kehakiman Syariah.

Di dalam pembinaan institusi pendidikan pula Kerajaan Negeri telah pun meluluskan pembinaan Sekolah KAFA Masjid Abdullah Fahim yang telah pun siap pada tahun 2020. Sekolah Agama As-Saadah, Kuala Muda iaitu dengan kerjasama Kerajaan Persekutuan. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan untuk pembinaan SAR Saadatul Darain di Simpang Empat Permatang Buluh dan Kelas KAFA Masjid Kampung Sekolah Juru yang dijangka siap pada tahun 2021.

Kerajaan Negeri pula telah memulakan proses pembinaan Sekolah Agama Rakyat Masjid Tuan Guru di Tanjung Tokong. Sekolah Agama Rakyat Bertam Putra, Kepala Batas dan Madrasah Al Ittihadiyah Al Wataniah di Cherok Tok Kun dan juga Sekolah KAFA Masjid daerah Seberang Perai Utara di Telok Air Tawar yang dijangka siap pada tahun 2023.

Selain itu, pencapaian Zakat Pulau Pinang pula. Walaupun berdepan dengan pandemik COVID-19, Zakat Pulau Pinang telah mengutip zakat harta sebanyak RM125.2 juta pada tahun 2020.

Menunjukkan peningkatan 7.6% berbanding tahun 2019 dan jumlah pembayar zakat pada tahun 2020 adalah seramai 70,677 iaitu peningkatan sebanyak 3,528 orang.

Saya ada banyak mana masa lagi? Lima (5) minit? Satu (1) minit ja. Banyak lagi ni.

Zakat juga telah pun menyalurkan bantuan khas untuk Penang Lawan COVID-19. Keseluruhan pakej bantuan yang telah disalurkan oleh zakat untuk pakej ini adalah berjumlah RM15.9 juta pada tahun 2020. Pakej Bantuan COVID-19 ini didorong oleh tiga (3) objektif iaitu yang pertama melindungi masyarakat Muslim, kedua menyokong jaminan ekonomi isi rumah dan ketiga mengukuhkan institusi sosial. Saya panjangkan sikit lagi. Kemudian saya akan buka soalan kalau ada soalan.

Dan pada tahun ini, tahun 2021. Zakat telah meluluskan tiga (3) jenis bantuan di bawah Pakej Bantuan Khas Fasa 3.1 yang pertama, Bantuan Khas Kewangan RM1,000.00 secara *one-off* kepada surau berdaftar di bawah JHEAIPP iaitu sebanyak 600 surau. Bantuan kedua, Bantuan Khas Kewangan RM500.00 secara *one-off* kepada guru-guru sekolah agama yang seperti yang saya sebutkan tadi.

Baik, Yang Amat Berhormat dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat ingin saya sentuhkan sikit tentang vaksin COVID-19 dalam perspektif Agama Islam. Agama Islam mewajibkan umatnya mengambil langkah-langkah perlu untuk mengelak daripada terkena jangkitan penyakit, malah memelihara nyawa termasuk antara matlamat syariah dan menolak pengambilan vaksin bererti mendedahkan diri kepada bahaya sedangkan sikap sebegini dilarang oleh syarak. Orang ramai, khususnya umat Islam dinasihatkan agar mengetepikan perasaan ragu terhadap vaksin COVID-19 dan berpegang pada pandangan Muzakarah

Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Islam Malaysia yang memutuskan hukumnya harus dan halal digunakan oleh orang Islam.

Sebagaimana yang dinyatakan oleh Dato' Seri Mufti, Dato' Wan Salim. Adalah dinasihatkan agar umat Islam tidak terpengaruh dengan dakwah golongan antivaksin, khususnya berhubung pengambilan vaksin COVID-19 kerana vaksin adalah penting untuk membendung penularan pandemik berkenaan.

Umat Islam akan menjalani ibadah puasa dalam masa tiga (3) minggu lagi. Para ulama sedunia termasuk Mufti Besar Arab Saudi menyatakan pandangan bahawa suntikan vaksin COVID-19 tidak akan membatalkan puasa dan umat Islam disarankan untuk terus mengambil vaksin COVID-19 kerana kewajiban untuk menjaga kesihatan.

Saya ada dua (2) lagi MMK di bawah saya iaitu MMK Koperasi dan juga MMK Pemerksaan Komuniti. Walau bagaimanapun saya rasa saya *skip* la kedua-duanya. Saya ingin menyentuh sedikit tentang *task force* nelayan dan *task force* pencemaran sungai daripada penternakan babi di Pulau Pinang di mana saya telah dilantik untuk mempengerusikan kedua-dua jawatankuasa ini. Kerajaan Negeri sememangnya komited untuk melaksanakan projek *Penang South Reclamation* dan menyelesaikan isu pencemaran sungai berikutan penternakan babi di Pulau Pinang bagi pembangunan lestari di Pulau Pinang. Saya telah diberi amanah untuk mengetuai jawatankuasa *task force* nelayan dan jawatankuasa *task force* pencemaran sungai daripada penternakan babi di Pulau Pinang bagi merangka inisiatif-inisiatif melaksanakan tujuan yang telah ditetapkan di bawah jawatankuasa ini.

Kerajaan Negeri akan sentiasa memastikan kesejahteraan rakyat dan arus pembangunan negeri berjalan seiring dalam sebarang projek

atau program yang dilaksanakan. Di kesempatan ini saya ingin mengucapkan terima kasih kepada YB Phee Boon Poh, YB Zairil dan YB Dr. Hajah Norlela yang turut menganggotai *task force* yang saya sebutkan tadi. Sebelum saya mengundur diri, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Bahagian Perancang Ekonomi Negeri, Bahagian Khidmat Pengurusan, semua Pejabat Daerah dan Tanah, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang, Majlis Bandaraya, Majlis Bandaraya Seberang Perai, MAINPP, Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), yang saya tidak sempat sentuh dan Jawatankuasa Pembangunan Wanita dan Keluarga (JPWK) dan pada semua yang terlibat dalam membantu saya melaksanakan tugas-tugas di bawah portfolio saya.

Kepada semua Ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan. Saya mengucapkan selamat menjalani ibadah puasa dan saya buka kepada soalan-soalan yang hendak ditanya.

YB Permatang Pasir.

Ahli Kawasan Permatang Pasir (YB. Muhammad Faiz bin Fadzil):

Minta izin Yang Berhormat EXCO. Sejak pandemik melanda negara dan sejak akhir-akhir ini memandangkan kita terpaksa menghadapi pelbagai SOP untuk mengadakan solat Jumaat dan tahniah kepada Kerajaan Negeri, YB EXCO yang telah memberi kelonggaran kepada permohonan beberapa buah surau untuk menunaikan solat Jumaat. Soalan saya, jika ada permohonan daripada surau-sarau ini untuk dikekalkan ibadat solat Jumaat walaupun selepas tamatnya pandemik.

Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mempertimbangkan permohonan tersebut kerana di kawasan terutamanya di kawasan saya,

Permatang Pasir ini penduduknya padat dengan majoriti umat Islam. Masjid ada dalam lebih kurang lapan (8) buah masjid. Namun kepadatan penduduk itu membolehkan mewajarkan surau-surau yang ada komitmen, yang serius untuk memohon untuk diberikan kelulusan supaya ibadat solat Jumaat ini dijalankan di surau yang mungkin ada kriteria-kriteria tertentu yang mungkin akan dipertimbangkan oleh Kerajaan Negeri ataupun Majlis Agama Islam. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I):

Baik. Itu tentang solat Jumaat yang dibenarkan dibuat di surau-surau sepanjang tempoh PKP dilaksanakan.

Okay, baik. Saya buka untuk soalan lain.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ada beberapa soalan. Pertamanya tentang agama iaitu tentang isu kalimah ALLAH yang hangat diperbualkan, yang dibincangkan. Saya rasa di peringkat Negeri Pulau Pinang dah ada keputusan ataupun warta, enakmen, warta berkaitan isu ini dan saya rasa benda ini perlu diperjelaskan ataupun diperkemaskan dari segi warta ini sebab kita di peringkat Negeri Pulau Pinang dah ada warta yang menetapkan bahawa kalimah ALLAH itu untuk Agama Islam dan juga ada beberapa kalimah yang lain. Mohon penjelasan. Itu yang pertama.

Kedua tentang isu penyebaran. Saya bangkitkan dalam Dewan yang lalu. Isu penyebaran, enakmen tentang penyebaran fahaman bukan Islam kepada orang Islam dan saya rasa pihak YB EXCO sendiri dah berjanji untuk memasukkan, membincangkan dan memasukkan dia

sebagai satu enakmen dalam Dewan. Apakah peringkat sekarang ini? Dari segi persediaan untuk memasukkan enakmen.

Ketiga, tentang perbelanjaan peruntukan kepada pihak EXCO Agama iaitu saya ambil yang saya ingat angkanya, tahun 2019, ada RM56.83 juta dan tiada penjelasan dan pengakuan bahawa peruntukan ini sebanyak 42% ataupun RM24.13 juta adalah untuk pembangunan termasuk pendidikan dan sebagainya dan bakinya 58% RM32.7 juta adalah untuk emolument, pentadbiran, gaji dan sebagainya. Mohon pengesahan betul atau tidak pecahannya macam itu.

Yang seterusnya tentang koperasi. Apakah peluang-peluang baru yang ditawarkan kepada koperasi sedia ada? Di Pulau Pinang ini banyak oleh Pejabat EXCO Koperasi. Peluang-peluang itu sama ada bagi kursus dan sebagainya. Peluang yang disediakan. Kedua, terdapat ura-ura untuk mewujudkan koperasi induk di peringkat negeri oleh SKM. Jadi, apakah pandangan YB tentang pengwujudan koperasi induk maknanya koperasi ini akan menjadi koperasi induk, semua koperasi lain akan menjadi ahli kepada koperasinya, koperasi induk ini. Mungkin tujuannya untuk menyalurkan aktiviti, projek dan sebagainya kepada koperasi-koperasi yang kecil-kecil yang banyak, yang tidak ada aktiviti dan sebagainya.

Seterusnya, satu saja lagi. Tentang isu nelayan ini. Jadi, tahniah kepada YB yang dilantik sebagai Pengerusi *task force*. *Task force* yang agak berat la. Satu isu nelayan dan satu lagi isu Sungai Kereh, pencemaran Sungai Kereh. Jadi, selain daripada pampasan yang dibincangkan, apa lagi bentuk-bentuk lain yang akan disediakan ataupun dibincangkan untuk diberikan kepada nelayan-nelayan ini 1,600 orang lebih ini sama ada bentuk buat jeti dan sebagainya, macam-macam dan mungkin boleh dibentangkan, dihuraikan apa lagi bentuk-bentuk lain yang

disediakan untuk nelayan-nelayan ini? Nak bagi rumah ka? Nak bagi apa ka? Bukan hanya sekadar pampasanlah. Pampasan itu, nanti habis duit tu.

Kedua, pencemaran Sungai Kereh. pencemaran Sungai Kereh ini isu dia sangat berat di Kawasan Permatang Berangan. Saya minta Permatang Berangan ini dimasukkan dalam *task force* ini supaya dia boleh cerita apa masalah dia. Saya ini luar sikit.

YB. Timbalan Ketua Menteri I):

Tujuh (7) soalan dah ini. YB Sungai Dua lagi

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Tujuh (7). Jadi, pencemaran Sungai Kereh ini apa bidang yang *task force* ini bincang. Nak selesaikan masalah ka? Nak cari *solution* kepada masalah ka? Boleh diterangkan sikit. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I):

Baik. Terima kasih. Saya ingat saya jawab dulu. Panjang sangat. Sat lagi saya buka balik. Saya jawab yang ini sebab terlalu banyak.

Nombor satunya SOP yang dikemukakan oleh Permatang Pasir. Permohonan untuk meneruskan dengan solat Jumaat bagi surau-surau yang diberi kebenaran mengadakan solat Jumaat sementara dalam di dalam PKP, jawapan sekarang tidak boleh. Tapi ini jawapan sekaranglah. Jawapan yang ada sekarang tapi mungkin sampai masa dia mungkin seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi kalau ada justifikasi yang lain yang mungkin akan diterima oleh Jawatankuasa Fatwa nanti maka boleh dibuat permohonan kepada Pejabat Agama Daerah. Kalau

merasakan ada justifikasi yang kuat untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Fatwa maka boleh dibuat permohonan.

Baik. Seterusnya daripada Sungai Dua. Kalimah ALLAH. Di Pulau Pinang pada tahun 2008 ada warta. Tentang beberapa perkataan-perkataan yang dikhaskan untuk umat Islam. Baru-baru ini di Selangor ada berlaku satu penghakiman. Di Selangor, di Mahkamah Tinggi Selangor namun begitu di Pulau Pinang, YB Sungai Dua telah minta diperjelaskan sejak yang kita rekod yang ada pada kita. Tidak ada kes-kes yang berlaku *so far*. Yang berkaitan dengan hal ini. Dan jadi kita merasakan tidak ada keperluan untuk kita melihat isu ini dengan terperinci ataupun *revisit* perkara ini sekali lagi untuk sekarang. Tapi kalau kedepan-kedepan, kalau ada keperluan mungkin kita boleh meneliti semula apa yang ada di dalam warta tersebut ataupun apa nama peraturan tersebut peraturan yang telah, saya tidak pasti peraturan ataupun enakmen. Enakmen ya.

Kemudian penyertaan penyebaran dakwah ataupun penyebaran Islam. Penyebaran agama bukan Islam kepada bukan Islam. Enakmen yang telah diapakah status? Enakmen yang telah pun dirancangkan? Seperti yang saya telah beri *statement* baru-baru ini. Saya telah menyebut bahawa di Pulau Pinang, kita telah pun membincangkan tentang perkara ini beberapa kali namun sekarang dan drafnya dan jawatankuasa merangka draf enakmen tersebut telah pun mendapat nasihat daripada JAKIM untuk ditangguhkan sementara menunggu enakmen ataupun Rang Undang-undang serupa untuk Wilayah Persekutuan dibahaskan di Parlimen. Jadi selepas Rang Undang-Undang tersebut diluluskan, JAKIM akan *coordinate formation* ataupun *drafting* undang-undang bagi negeri-negeri yang belum terdapat lagi perkara tersebut. Betul Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang? Ya, Okay, InsyaAllah.

Kemudian tentang perbelanjaan kepada EXCO Agama pada tahun 2019 sebanyak RM56.83 juta di mana Yang Berhormat Sungai Dua telah menanyakan tentang pecahan peruntukan tersebut. Peruntukan tersebut merupakan keseluruhannya termasuk pembangunan dan juga pentadbiran. Jadi, memanglah seperti apa yang telah disebutkan 40% untuk pembangunan termasuklah penyelenggaraan surau, masjid, sekolah dan sebagainya. Manakala 58% untuk pentadbiran.

Tentang koperasi pula. Apakah peluang-peluang baru yang disediakan oleh MMK Koperasi? Untuk makluman semua, untuk makluman YB, Koperasi adalah bidang *federal*. Namun pada tahun ini kita telah cuma menyediakan sedikit peruntukan untuk pembangunan koperasi sebanyak RM300,000.00 telah disediakan untuk membantu koperasi-koperasi kecil terutamanya meneruskan ataupun *to sustain* perniagaan mereka yang mungkin terlibat dengan masalah COVID-19. Jadi kita membantu dengan memberi dengan menyalurkan sedikit peruntukan geran lebih kurang kepada koperasi-koperasi kecil sebanyak antara lima (5) hingga 15,000 koperasi-koperasi kecil yang terpilih.

Manakala, ada cadangan daripada SKM untuk menubuhkan koperasi induk untuk menaungi perjalanan ataupun operasi koperasi-koperasi di Pulau Pinang dengan menubuhkan satu (1) koperasi induk di bawah SKM sendiri. Untuk koperasi-koperasi kecil bernaung di bawah koperasi yang ditubuhkan. Saya tidak berapa maklum tentang perkara ini sebab benda ini diuruskan oleh SKM sendiri pada masa ini. Pernah dibentangkan kepada kita dan saya perlu dapatkan lebih banyak maklumat. Sebab ini tidak dijadikan sebahagian daripada program koperasi di MMK, di bawah saya. Mungkin di peringkat kementerian saya akan dapat makluman yang lebih tentang perkara ini.

Tentang nelayan. Untuk tambakan *Penang South Reclamation* (PSR) selain pampasan apakah lagi bentuk lain yang diberikan, yang dicadangkan kepada nelayan-nelayan. Ingin saya jelaskan bahawa kita tidak memberi pampasan, bukan *compensation*. Apa yang telah kita salurkan, yang telah kita putuskan adalah pemberian saguhati kepada nelayan di mana dengan pemberian itu adalah kerana mereka telah bekerjasama dengan kita untuk kita mendapatkan maklumat dan bekerjasama semasa kita buat perancangan untuk pembinaan kelak. Jadi nelayan-nelayan ini juga selain *cash*, tunai yang diberi di peringkat awal ini. Tekong ataupun pemilik bot juga ditawarkan bot baru sepanjang 27 kaki dan enjin baru dengan kuasa kuda antara 60 hingga 90 kuasa kuda, *horsepower*.

Selain daripada itu, mengikut SIMP ini, program SIMP ada lagi program-program penambahbaikan kehidupan. Tuisyen untuk anak-anak, peluang-peluang peniagaan, *aquaculture* kalau nelayan itu berminat dan ada juga program untuk menambahkan sumber ikan di laut dengan melepas unjam, tukun kemudian kita juga mengadakan program untuk pemulihan ataupun penambahbaikan pantai dengan pokok-pokok, pokok bakau untuk *promote* kawasan-kawasan penetasan.

Berhubung dengan *task force* menyelesaikan masalah pencemaran daripada penternakan khinzir, babi. Selain daripada *task force* yang diketuai, dipengerusikan oleh saya, ada satu (1) lagi *task force* lagi yang dibentuk oleh Kementerian Alam Sekitar, KETA yang diketuai oleh Dato' Dr. Nadzri. Jadi saya telah bertemu, berbincang dengan Dato' Dr. Nadzri tentang skop untuk kita selaraskan jadi di dalam pertemuan itu, oleh sebab KETA, oleh sebab *task force* yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Nadzri telah pun juga menyenaraikan program-program ataupun projek-projek yang akan dilaksanakan dan mereka telah memohon peruntukan daripada

Kerajaan Persekutuan dan peringkat pertama ini difahamkan sebanyak RM800,000.00 telah diluluskan untuk mereka mengadakan projek pertama mereka merawat air sungai, air Sungai Kereh dengan meletakkan ataupun *introduce enzim* kalau tidak salah saya lah. *Detailsnya* mungkin saya tak maklum dan program-program lain mereka akan terus cuba untuk mendapatkan peruntukan dan dari pihak kita, di pihak *task force* yang dipengerusikan oleh saya kita akan fokus kepada *interception, intercept sewage* yang dikeluarkan oleh ladang-ladang dengan membuat dengan kita merancang, menyediakan sistem rawatan berpusat di Kampung Selamat dan juga difahamkan di bawah MMK Alam Sekitar, ada inisiatif untuk mengadakan sistem yang serupa di Valdor dan sistem yang dicadangkan di Valdor itu telah pun di peringkat pengemukaan pelan kepada Pihak Berkuasa Tempatan. Dan untuk *task force* Sungai Kereh ini sekarang ini masih lagi di peringkat perancangan, peringkat awal.

Baik. Saya ingat itu saja jawapan kepada soalan-soalan yang telah dikemukakan kepada saya. Ada soalan lagi?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz):

Terima kasih Yang Berhormat Dato'. Cuma di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk mencadangkan kepada Majlis Agama Islam Pulau Pinang supaya mengambil maklum sebidang tanah seluas dua (2) ekar lebih di Lot 791 Binjai yang sekarang ini telah saya yakin telah melepasi proses mahkamah dan telah dimiliki oleh Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang. Buat masa ini di kawasan berkenaan terdapat 31 rumah penduduk dan saya mengharapkan agar Majlis Agama Islam berserta kolaborasi dengan Wakaf Pulau Pinang dan juga Zakat Pulau Pinang supaya mengambil peluang ini untuk memajukan tanah berkenaan

untuk membina sebagai contoh rumah asnaf atau juga untuk membina perumahan rakyat boleh juga diselitkan dengan perumahan nelayan-nelayan yang terlibat, yang mana yang kita fikir boleh bangunkan kawasan dua (2) ekar lebih itu kawasan yang strategik untuk penempatan yang bersistematik dan untuk maklumat juga kawasan berkenaan adalah kawasan banjir dan saya percaya penduduk di sana tidak akan membantah malah akan bersetuju apabila kita dapat menyelesaikan masalah *ownership* bangunan ataupun tanah tersebut dan juga dapat menyelesaikan masalah banjir di Lot 791. Terima kasih.

YB. Timbalan Ketua Menteri I):

791?

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz):

Lot 791, Mukim 11.

YB. Timbalan Ketua Menteri I):

Baik. Terima kasih YB Bayan Lepas. Ada lagi? Tak dak dah? Habis. Baik, kepada cadangan daripada YB Bayan Lepas. Memang Majlis Agama Islam memang ada perancangan-perancangan untuk memajukan tentang tanah wakaf namun seperti biasalah sekiranya ada setinggan yang menduduki, proses ia mungkin agak sulit dan akan memakan masa agak panjang untuk dirancang namun InsyaAllah kita akan cuba untuk memulakan perancangan untuk memajukan Lot 791 ini. Di mana ni? Binjai? Okay, baik.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Satu lagi.

YB. Timbalan Ketua Menteri I):

Ya Sungai Dua.

Ahli Kawasan Sungai Dua (YB. Dato' Muhamad Yusoff bin Mohd. Noor):

Sentuh pasal tanah kubur. Sebab ini saya jumpa kawan baru ini di Penang. Dia kata tanah kubur ini pun di Pulau Pinang juga ada masalah dan juga di kawasan-kawasan lain di seluruh negeri. Jadi, kalau boleh pihak EXCO Agama tengok isu ini sebagai satu isu yang besar selain daripada kita buat kubur berpusat ada alternatif lain, kita hendak cari tanah, minta pihak masjid beli wakaf dan sebagainya untuk mewujudkan tanah-tanah kubur yang mencukupi bagi seluruh Negeri Pulau Pinang. Kubur berpusat itu satu alternatif, mesti ada pendekatan-pendekatan yang lain.

YB. Timbalan Ketua Menteri I):

Terima kasih Sungai Dua. Memang Majlis Agama Islam ada perancangan untuk menyediakan kubur, perancangan kubur yang secukupnya untuk satu tempoh yang panjang masa hadapan termasuklah pemuliharaan kubur-kubur sedia ada dan juga pengwujudan kubur-kubur baru sama ada berpusat ataupun spesifik kepada satu-satu kawasan dan memang senarai untuk kita majukan tanah-tanah kubur ini ada di dalam perancangan kita.

Baik, kalau tidak ada apa. Saya ucapkan terima kasih kepada semua soalan-soalan yang ditujukan dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat dan juga semua rakan-rakan Yang Berhormat. Sekian, selamat menyambut puasa dan selamat menyambut hari raya. Jauh lagi. *Assalamualaikum w.b.t.*

NAMA AMMK : Y.A.B. CHOW KON YEOW

(KETUA MENTERI)

TARIKH : 30 MAC 2021 (SELASA)

MASA : 3.30 PETANG – 4.30 PETANG

NO. : 11

Pengacara Majlis:

Terima kasih diucapkan kepada Yang Berhormat Dato' Ir Haji Ahmad Zakiyuddin bin Haji Abdul Rahman di atas pembentangan itu tadi. Majlis seterusnya dengan segala hormatnya menjemput Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Tanah dan Ekonomi dan Komunikasi bagi memulakan sesi yang seterusnya majlis dengan segala hormatnya mempersilakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Pengerusi Majlis, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ketua Pembangkang, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Pulau Pinang, Ketua-Ketua Jabatan, rakan-rakan media, puan-puan dan tuan-tuan, selamat petang dan salam sejahtera. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Sesi Libat Urus selama dua (2) hari ini. Di bawah portfolio Pembangunan Tanah dan Ekonomi dan Komunikasi. Saya akan memberikan kemas kini berkaitan perkembangan dan perancangan semasa di bawah portfolio ini.

Pembangunan tanah, melihat kepada keadaan semasa dan berdasarkan kepada pindaan-pindaan yang telah dilakukan terhadap Kanun Tanah Negara (KTN) melalui Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) 2016 berhubung Kaedah-Kaedah Tanah Negeri Pulau Pinang 2005 atau lebih dikenali sebagai *Penang Land Rules* 2005, terdapat keperluan agar *Penang Land Rules* ini dipinda atau digubal *Penang Land Rules* yang baharu.

Pelaksanaan *Penang Land Rules* 2021 ini adalah bagi mengemas kini pentadbiran tanah sedia ada di Pulau Pinang dan sebagai refleksi kepada perubahan semasa berdasarkan KTN dan pembangunan yang berlaku di negeri kita.

Sehubungan dengan itu, satu draf *Penang Land Rules* 2021 telah dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri pada 6 hari bulan Januari 2021 ini sebagai kesinambungan kepada *Penang Land Rules* 2005 yang sedang berkuatkuasa pada masa ini. Penyediaan draf *Penang Land Rules* 2021 ini adalah bagi menggantikan pemakaian *Penang Land Rules* 2005.

Penang Land Rules 2021 yang dicadangkan mengandungi tiga (3) komponen atau bahagian utama yang membentuk keseluruhan (PLR) *Penang Land Rules* ini iaitu bahagian kaedah-kaedah, Jadual 1 yang mengandungi borang-borang dan Jadual 2 yang mengandungi fi dan bayaran permohonan.

Sebanyak 38 kaedah telah dikenal pasti berbanding hanya 24 kaedah sahaja dalam *Penang Land Rules* 2005. Manakala Jadual 1 mengandungi sebanyak 37 borang berbanding 33 borang sedia ada. Jadual 2 turut mengandungi beberapa bayaran baharu, namun

kebanyakannya masih mengekalkan kadar bayaran seperti kala, malah dalam beberapa peruntukan terdapat kadar bayaran yang dikurangkan.

Walau bagaimanapun, pada masa ini *Penang Land Rules 2021* masih belum diwartakan dan akan diwartakan dalam tempoh terdekat setelah penyelesaian beberapa urusan editorial dan perkeranian. Penguatkuasaan pula adalah pada satu tarikh yang akan dimaklumkan dalam warta setelah sesi libat urus dengan semua pihak yang bertanggungjawab.

Satu isu lagi berkaitan tempoh pajakan tanah-tanah industri Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri berpendapat adalah perlu untuk satu mekanisme atau garis panduan dan polisi baharu yang lebih tulus diwujudkan sebagai faktor kawalan untuk menambah baik sektor perindustrian ke tahap yang lebih tinggi.

Buat masa ini, semua permohonan yang diluluskan akan dilanjutkan kepada 60 tahun. Tiada sebarang garis panduan atau kawalan (kecuali aktiviti syarikat) terhadap semua permohonan lanjutan menyebabkan para pelabur tidak mempunyai maklumat yang jelas berhubung perkara ini.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah meminta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang atau PDC selaku agensi bertanggungjawab untuk merancang, mengawal dan memantau pembangunan kilang di kawasan perindustrian untuk mengkaji kaedah penetapan premium yang lebih telus dengan kadar insentif yang boleh diberikan ke atas tanah-tanah industri dengan pajakan selama 60 tahun dan akan tamat pajakan dalam tempoh 10 hingga 20 tahun lagi.

Meskipun masih di peringkat perbincangan, Kerajaan Negeri berharap akan ada satu resolusi dan formulasi baharu yang akan

dimuktamadkan bagi menyelesaikan perkara-perkara berbangkit berkaitan permohonan lanjutan tempoh pajakan ini.

Tentang ekonomi dalam mendepani pasca COVID-19, kita bukan sahaja berhadapan dengan krisis kesihatan awam yang masih belum mampu diputuskan rantaianya, tetapi turut berhadapan dengan krisis ekonomi yang lebih mencabar.

Sebagai sebuah negeri yang pesat membangun dengan kapasiti penduduk yang berdensiti tinggi, Kerajaan Negeri komited untuk memenuhi setiap keperluan rakyat bagi menjamin kelangsungan hidup terutamanya bagi golongan yang terkesan secara langsung.

Atas sebab itulah, melalui kelima-lima Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang yang melibatkan keseluruhan peruntukan sebanyak RM174.52 juta ringgit, sumbangan wang ringgit diberikan keutamaan kepada golongan terkesan, ke pasaran dan ke industri tersasar.

Antara inisiatif yang dibelanjakan adalah pemberian geran pensijilan halal kepada usahawan mikro, Bantuan Khas Kewangan RM1,000.00 secara *one-off* kepada perusahaan kecil dan sederhana khususnya untuk tujuan pendigitalan (SME) dan pihak kerajaan akan memudah carakan SME untuk diberi satu platform B2B untuk membantu mereka dalam proses pendigitalan ini. Bantuan Khas Kewangan juga diberikan kepada pengusaha kegiatan sukan dan aktiviti kecergasan secara *one-off* juga kepada pengendali perkhidmatan spa bergerak serta lain-lain inisiatif yang diharap dapat membantu memperkukuh ekonomi negeri kita dengan mengupayakan golongan pekerja untuk berdiri semula, meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti.

Jawatankuasa Kerja *Penang Socio Economic Recovery Consultative Council* juga diberi tanggungjawab untuk merangka strategi-strategi jangka masa pendek dan sederhana bagi merangsang pertumbuhan ekonomi, menarik pelaburan asing dan tempatan serta menentukan pembangunan sosio-ekonomi yang mampan demi kesejahteraan rakyat terutamanya yang memberi penekanan terhadap impak untuk mengurangkan kesan pandemik COVID-19 dan seterusnya mampu mendapatkan semula momentum bagi pemulihan dan kestabilan ekonomi dalam kadar segera.

Hal ini juga dilihat bersesuaian dengan penyusunan dan penjenamaan semula portfolio Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dianggap sebagai keperluan yang selari dengan penumpuan dan penekanan Kerajaan Negeri terhadap pemulihan serta peningkatan ekonomi pasca COVID-19.

Tindakan ini turut membuktikan bahawa Kerajaan Negeri memahami keperluan bagi meningkatkan kemampuan negeri untuk bertindak sesuai dengan keadaan normal baharu khususnya dalam sektor ekonomi dan Revolusi Industri 4.0.

Dalam mengharungi tempoh pemulihan yang amat mencabar ini, penglibatan rakyat Negeri Pulau Pinang dalam merealisasikan Visi Penang2030 adalah amat kritikal kerana ianya bukan sahaja hanya boleh dijayakan oleh Kerajaan Negeri sebaliknya memerlukan penglibatan semua warga negeri secara menyeluruh.

Bukan sahaja memberi penekanan terhadap pembangunan institusi kekeluargaan, turut dititikberatkan adalah aspek hijau dan pintar sebagai hala tuju dalam pentadbiran Kerajaan Negeri menjelang tahun 2030. Selari dengan fasa pasca pandemik COVID-19 ini, Kerajaan Negeri

mengambil langkah proaktif dengan membuat penyesuaian dan penambahbaikan secara khusus pada setiap inisiatif strategik dan sasaran sedia ada supaya lebih relevan dan bersasar.

Antara usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan mesej atau matlamat dalam Visi Penang2030 sampai ke akar umbi adalah dengan memberi pendedahan dan publisiti secara meluas di seluruh Negeri Pulau Pinang.

Pembangunan Sistem Dashboard antaranya bertujuan untuk memantau pelaksanaan projek-projek di bawah Kerajaan Negeri supaya selari dan tidak tersasar dari garisan Visi Penang2030. Kerajaan Negeri juga dalam usaha untuk membuka capaian ini kepada umum supaya rakyat boleh mengakses terus dan memantau pelaksanaan projek melalui portal yang disediakan sekali gus membuktikan komitmen kita untuk memastikan visi ini berjaya direalisasikan.

Di samping itu, Kerajaan Negeri atau Negeri Pulau Pinang terus menjadi destinasi pilihan pelabur. Sekali gus menunjukkan bahawa Kerajaan Negeri masih berkeupayaan menyokong keperluan industri dalam jangka masa panjang. Walaupun masih dalam ketidaktentuan ekonomi global, negeri kita berjaya meraih sebanyak RM14.01 bilion ringgit pelaburan dari sektor pembuatan yang diluluskan pada tahun 2020, kedua tertinggi dalam sejarah dengan 75% disumbangkan oleh FDI.

Kerajaan Negeri bersyukur kita masih mampu mencapai prestasi pelaburan yang memberangsangkan meskipun berdepan cabaran yang cukup getir sepanjang tahun 2020. Sesungguhnya pencapaian pelaburan ini mencerminkan keyakinan kepada para pelabur untuk terus menjadikan negeri kita sebagai destinasi pelaburan yang mampan.

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan, Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan bagi negeri kita telah bermula pada 28 Februari yang lalu dan saya adalah antara golongan pertama yang diberi suntikan dos vaksin COVID-19. Justeru, program ini bakal dilaksanakan dalam tempoh satu (1) tahun merangkumi tiga (3) fasa yang mensasarkan 70% penerima suntikan iaitu 1.3 juta rakyat negeri kita bagi membolehkan imuniti kelompok dibentuk. Sebanyak 15 fasiliti Pusat Pemberian Vaksin (PPV) telah dikenal pasti membabitkan tiga (3) dewan bagi setiap daerah di negeri kita. Saya menyeru kepada seluruh rakyat Pulau Pinang untuk memberi sokongan penuh terhadap Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan ini.

Selain itu, pendekatan *whole-of-government* dan *whole-of-society* amat penting, keseluruhan jentera kerajaan termasuk rakyat perlu memainkan peranan terutamanya dari aspek pematuhan SOP, melaksanakan arahan PKP serta menyesuaikan diri dengan kawalan yang ditetapkan. Pada hakikatnya, ia adalah suatu usaha ke arah keseimbangan kehidupan iaitu keselamatan nyawa dan kelangsungan ekonomi rakyat.

Berhubung dengan komunikasi bagi MMK Komunikasi, pandemik COVID-19 turut memberi cabaran dan pengalaman baharu dalam usaha menyalurkan sebaik serta selengkap mungkin maklumat yang diperlukan oleh masyarakat umum. Berlandaskan keperluan berkaitan, kita telah melancarkan kempen komunikasi Penang Lawan COVID-19 memfokuskan bukan hanya dengan turun padang secara bersemuka dan pemasangan papan-papan iklan berpandukan mesej komuniti di seluruh negeri ini, malah turut menekankan penggunaan platform-platform media sosial seperti penerbitan video, sidang media yang bersiaran langsung, info grafik dan lain-lain.

Usaha berkaitan masih berterusan sehingga kini dan turut diketengahkan adalah liputan meluas berhubung penganjuran program-program oleh barisan kepimpinan Kerajaan Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan, Pertubuhan-Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pelbagai pihak dalam usaha bersepadu secara bersama ke arah memutuskan rantai penularan COVID-19 di negeri ini yang diterbitkan di dalam laman sosial serta penerbitan Buletin Mutiara.

Realitinya, walaupun banyak program tidak dapat diadakan secara fizikal, MMK Komunikasi dalam tempoh masa ini banyak mempelopori teknologi pendigitalan bagi memantapkan usaha penyaluran maklumat terkini secara lebih berkesan demi keperluan serta makluman seluruh rakyat negeri kita. Kerjasama daripada semua pihak tanpa mengira latar belakang lazimnya telah banyak melancarkan gerak kerja dalam kita bersama-sama memenangi pertempuran ini.

Sebelum saya mengakhiri ulasan dan pembentangan, saya ingin mengambil kesempatan untuk menyeru kepada semua pihak sama ada barisan Yang Berhormat ADUN-ADUN, pegawai-pegawai kerajaan dan masyarakat untuk bersama-sama menjayakan setiap program Kerajaan Negeri mahupun Kerajaan Persekutuan dalam usaha kita untuk memutuskan rantai COVID-19 agar kita dapat kembali semula kepada kehidupan asal kita sebelum ini dan memfokuskan segala usaha untuk memulihkan ekonomi.

Sentiasalah mematuhi SOP yang ditetapkan kerana setiap individu memiliki peranan masing-masing. Saya dan barisan EXCO Kerajaan Negeri akan terus komited dan bersungguh-sungguh untuk membela nasib rakyat dalam menempuhi cabaran pandemik COVID-19 ini. Sekian,

terima kasih dan saya jemput Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk kemukakan soalan-soalan atau cadangan-cadangan kalau ada.

Ahli Kawasan Bukit Tambun (YB. Goh Choon Aik):

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri di sini ada dua (2) soalan berkaitan dengan industri. Pertama sehingga kini kita masih lagi dari segi *direct foreign investment* kita masih lagi antara yang tertinggi di Malaysia. Tetapi di Pulau Pinang ini kita masih lagi menghadapi masalah kekurangan *land bank* untuk tujuan industri *hi-tech other E&E or medical device* yang kedua tentang kluster industri.

Kita sedia maklum pada hari ini masih lagi terdapat sembilan (9) kluster industri yang masih aktif dan antaranya iaitu kluster teknologi Bukit Minyak, kluster Persiaran Cassia Selatan dan juga kluster Lebuh raya dekat Kampung Jawa. Ketiga-tiga kluster ini melibatkan penempatan yang berada di DUN Bukit Tambun dan di Mukim 14 dan 15, SPS.

Tiap-tiap hari kita nampak ada kes dan pada ketika ini dalam lebih daripada 100 setiap mukim penduduk setempat berasa bimbang kerana tidak mendapat informasi yang jelas ataupun daripada pihak KKM ataupun Kerajaan Negeri tentang kes sebenarnya adakah ini melibatkan penduduk tempatan ataupun pekerja kilang. Bagi mereka kes COVID-19 ini ada di kejiranan mereka oleh itu mereka berasa amat risau dan telah mendatangkan impak negatif dari segi perniagaan dan kehidupan harian.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Bukit Tambun. Soalan pertama berhubung dengan kekurangan *land bank* untuk industri E&E dan *medical devices* dan industri pada keseluruhannya. PDC dan Kerajaan Negeri memang sedar tentang isu yang dibangkitkan dan sedang berusaha

dengan giat untuk memastikan kawasan-kawasan baharu dapat disediakan mula dari pengambilan tanah, mula dengan mengenal pasti kawasan yang sesuai dan pengambilan tanah serta diikuti oleh kerja-kerja tanah dan infrastruktur supaya tanah-tanah berkenaan dapat disiapkan dalam tempoh yang dirancangkan itu untuk ditawarkan kepada pihak industri dan seperti dimaklumkan sebelum ini.

Kawasan Byram di Seberang Perai Selatan sememangnya telah dimulakan kerja-kerja tanah sebagai kesinambungan dan lanjutan kepada Batu Kawan sebagai kawasan industri yang baharu bagi menarik pelaburan. Sebenarnya kita masih ada tanah-tanah di Kawasan Batu Kawan, di Science Park dan sebagainya.

Tetapi apa yang kurang adalah tanah-tanah yang bersaiz besar 20 ekar ke atas itu memang menjadi isu kerana FDI kebanyakannya memerlukan tanah-tanah yang bersaiz besar. Bagi tanah-tanah kurang dari 10 ekar memang kita masih ada 100, 200 ekar di lokasi-lokasi ini dan kita juga sebagai tindakan untuk memenuhi kehendak akan mencantum tanah-tanah yang berskala kecil itu kepada 10, 20 ekar supaya ianya dapat dibekalkan kepada pelabur yang berpotensi ini.

Saya percaya PDC sedang kerja dengan sesungguhnya tetapi segala kerja-kerja tanah mahupun infrastruktur memang mengambil masanya dan kita menjangkakan fasa yang pertama yang boleh dibekalkan akan menjelang akhir tahun 2022 di Ladang Byram. Jadi menang kita sedar tentang perkara ini dan mengambil tindakan yang sewajarnya.

Mengenai kluster industri tadi Yang Berhormat kata kluster industri saya sangka industri kluster-kluster industri, sebenarnya bermaksud kluster COVID-19 industri. Sukacita dimaklumkan bahawa MITI akan

membuat pembentangan kepada Mesyuarat Jawatankuasa Keselamatan Negeri mengenai pengurusan COVID-19 pada 1 hari bulan April ini berhubung dengan SOP *Safety At Work*.

Dalam mesyuarat kelmarin MKN pengurusan COVID-19, saya telah menanya mengapa sehingga kini kita tidak dapat maklumat lanjut tentang pelaksanaan SOP *Safety At Work* ini dan dimaklumkan MITI akan memberi taklimat kepada pihak Kerajaan Negeri dan apabila saya tahu ianya dikuat kuasakan secara sukarela dan bukan secara mandatori kepada kilang-kilang.

Kita telah menyuarakan dan akan menyuarakan ketidakpuasan hati kita kerana tidak dilaksanakan secara mandatori sebab setiap kilang sepatutnya bertanggungjawab khususnya kilang-kilang yang sudah mencatatkan kes-kes COVID-19 sebelum ini. Jadi dalam mesyuarat akan datang hari Khamis ini, kalau saya tidak bangkit saya percaya Dato' Halim akan bangkit, Ketua Pembangkang akan bangkit. Kepada wakil daripada Kementerian Industri dan Perdagangan, jadi kita berharap dengan pelaksanaan SOP *Safety At Work* ini kita dapat mencegah kes-kes di kluster industri ini.

Sememangnya kita sekarang kita tidak boleh kata COVID-19 akan mengancam warganegara asing, pekerja asing sebab sememangnya dalam setiap hari kes-kes akan menjangkiti warganegara dan warga asing jadi kita semua terdedah kepada ancaman ini dan virus ini tidak memilih kewarganegaraan mangsa-mangsa dia. Jadi kita berharap semua pihak yang wajib akan mempertingkatkan usaha di Negeri Pulau Pinang khususnya. Saya sudah banyak kali menyuarakan bahawa kita memang prihatin kes-kes kita masih kekal dalam purata 120, 130 sejak bulan Januari lagi tidak turun langsung. Jadi dalam kesempatan mesyuarat akan

datang kita akan menyuruh KKM, MITI dan yang lain-lain agensi memberi fokus kepada Negeri Pulau Pinang. Sekian.

Ya, Yang Berhormat Bayan Lepas.

Ahli Kawasan Bayan Lepas (YB. Azrul Mahathir bin Aziz):

Terima kasih Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, saya ada dua (2) persoalan ataupun pandangan yang saya ingin lontarkan. Yang pertama mengenai cadangan untuk membina hostel warga asing di Teluk Kumbar yang saya difahamkan melibatkan hampir 30,000 warga asing yang akan tinggal di sana dan juga bangunan setinggi 30 tingkat.

Saya ambil maklum akan kepentingan untuk menyediakan kemudahan hostel kepada pekerja-pekerja asing namun demikian saya melihat dari satu segi bagaimana penempatan itu saya fikir tidak berapa sesuai dengan keadaan atau demografi penduduk di situ.

Dan juga yang kedua kesesakan akan berlaku seperti Yang Amat Berhormat sedia maklum bahawa Jalan Federal FT10 masih lagi tak dibesarkan daripada Bukit Belah sehingga ke Puspakom masih lagi tahap yang sama hari-hari *jam* jadi saya bimbang apabila masuk lagi 30,000 warga asing akan lagi menambahkan kesesakan.

Yang kedua saya ingin bertanya status *market* ataupun Pasar Teluk Kumbar yang saban hari ketika Sidang DUN saya bangkit isu yang sama jadi pada hari ini nak tanya sekali lagi di manakah apa itu status *market* Teluk Kumbar sebab saya sendiri pun berhadapan masalah dengan masyarakat.

Kami tak minta hostel warga asing didirikan di situ tapi kami mohon agar satu kemudahan pasar awam dapat disediakan di Teluk Kumbar dan

juga aliran trafik yang lancar untuk kemudahan di sana. Malahan di DUN Bayan Lepas akan melibatkan dua (2) pulau PSR jadi kami mahu keseimbangan apa itu projek yang menguntungkan negeri kita dalam masa yang sama kita mahu manfaat itu dapat kepada *local* pada penduduk setempat. Sekian, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Bayan Lepas. EXCO Kerajaan Tempatan terlepas dari Bayan Lepas, berhubung dengan dua (2) isu di Teluk Kumbar. Berhubung dengan cadangan pembinaan satu (1) projek asrama pekerja asing. Walaupun Yang Berhormat EXCO Kerajaan Tempatan ada menyentuh sedikit mungkin saya boleh memberi penjelasan lanjut.

Saya berkesempatan diberi satu taklimat berhubung dengan cadangan ini di KADUN Bayan Lepas, di kawasan Teluk Kumbar iaitu pada mulanya dikatakan ianya bercadang untuk menampung 35,000 pekerja dalam projek berkenaan yang melibatkan mungkin hampir 10 blok. Dalam taklimat itu kita dimaklumkan dengan piawaian yang baharu ditetapkan oleh kerana akta yang berkenaan yang telah mempertingkatkan keperluan saiz bagi setiap penghuni itu maka projek ini akan dari segi populasi akan dikurangkan kepada 25,000.

Tetapi bagi Yang Berhormat 35,000 dengan 25,000 kesan dia lebih kurang. Tetapi dari apa yang dicadangkan ianya memang mempunyai kemudahan-kemudahan yang *self sufficient* di mana segala keperluan termasuk *petrol kiosk* untuk bas-bas juga disediakan di dalam tapak. Termasuk 200 lebih 300 petak bas-bas kilang semua dimasukkan dalam tapak berkenaan dan tidak melibatkan kawasan luar daripada tapak-tapak.

Saya percaya *on paper* ianya satu cadangan yang jauh biasa daripada apa yang kita lihat. Kita akan teliti cadangan ini, mungkin MBPP dan juga PLANMalaysia Negeri Pulau Pinang akan teliti cadangan ini termasuk sesiapa pun tahu isu berhubung dengan pengurusan lalu lintas. Sekiranya projek ini diluluskan dan memang Bahagian Kejuruteraan akan mengenakan syarat yang dapat menampung penambahan trafik khususnya bas-bas kilang termasuk memperluaskan jalan yang sedia ada dan memperelokkan lagi persimpangan yang sempit di simpang Bayan Lepas dengan Jalan Gertak Sanggul. Itu antara perkara yang akan dikenakan sekiranya projek ini diluluskan.

Mengenai status pasar yang dicadangkan di Teluk Kumbar, saya difahamkan pihak majlis jawatankuasa berkenaan masih tidak mencapai putus kata dalam isu ini ada perbezaan pandangan di kalangan ahli-ahli jawatankuasa dan kita menunggu keputusan daripada Majlis Bandaraya tentang hala tuju projek ini. Saya jemput ahli-ahli yang lain kalau ada.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri atas Sesi Libat Urus yang merupakan satu alternatif untuk mengadakan persidangan Dewan Undangan Negeri sebelum saya memberikan sedikit pandangan.

Saya ingin mengucapkan selamat menyambut Hari Doktor sedunia yang berlangsung pada hari ini sebagai satu rakaman penghargaan kepada semua wira-wira frontliner, doktor-doktor yang telah mengorbankan masa dan juga nyawa mereka demi menjaga keselamatan dan kesihatan rakyat.

Semoga kita harap semua pihak khususnya ahli kabinet boleh bekerja keras seperti mereka supaya kita dapat mengatasi cabaran COVID-19 ini. Seperti yang dimaklumkan oleh pihak Kerajaan Negeri memang rakyat Malaysia harus bersatu padu untuk melawan COVID-19 dan usaha ini saya rasa dicerminkan bukan sahaja dalam usaha oleh pihak Kerajaan.

Sesi Libat Urus ini menunjukkan komitmen untuk mempertingkatkan usaha ini kerana relevan dengan pandangan daripada semua pihak termasuklah daripada Ahli Pembangkang yang memberikan pandangan mereka dan sekiranya bernas tentu akan diterima oleh pihak Kerajaan Negeri.

Di sini saya ingin bertanya kerana kita lihat Sesi Libat Urus ini dapat dijalankan sungguhpun dalam keadaan COVID-19 di mana tidak dapat membenarkan persidangan dewan. Bolehkah kita mengadakan sesi libat urus yang lebih kerap supaya kita dapat tunjukkan kepada Putrajaya memang Parlimen dan DUN boleh diadakan seperti mana yang disarankan oleh titah Di Raja. Kita harus menjunjung titah Yang Di Pertuan Agong dan satu lagi yang saya ingin dapat persetujuan daripada pihak Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ialah berkaitan Undi 18.

Saya difahamkan bahawa Pulau Pinang adalah di antara negeri yang belum membuat pindaan kepada Perlembagaan Negeri untuk membolehkan calon-calon yang bawah 21 iaitu 18 tahun bertanding dalam Pilihanraya Negeri. Kami tahu bahawa sekarang persidangan dewan tidak dapat dilaksanakan kerana tidak dibenarkan. Tapi sebaik ia dibenarkan, bolehkah kita pastikan bahawa dalam sesi mesyuarat yang pertama, pindaan Perlembagaan Negeri dapat dijalankan supaya kita membolehkan mereka yang hendak bertanding iaitu termasuk di antara

18 tahun ke 21 tahun dan saya yakin Yang Berhormat Ketua Pembangkang pun akan setuju.

Ia setuju, dia pun dah cakap setuju. Kecuali Yang Berhormat dari PAS, kita harap PAS boleh tukar pendirian mereka. Saya agak kesal bahawa Presiden PAS menyatakan untuk 18 tahun tak boleh undi kerana kurang matang. Kita harap jangan ini dibenarkan kerana kita tahu 18 tahun boleh layak pandu kereta. Tadi Yang Berhormat Dato' Amar Pritpal bisik pada saya layak untuk kahwin belum bawah 18 tahun layak juga untuk kahwin tapi nampaknya tidak cukup matang untuk undi. Saya rasa ini memang tak masuk akal...(gangguan).

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Terengganu dah ubah, Terengganu setuju Kerajaan PAS yang belum lagi Pulau Pinang dengan Kedah Sahaja. Terengganu, Kerajaan Negeri Terengganu telah meluluskan dalam Dewan.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Oh dah lulus, yalah tapi Terengganu lulus, Presiden PAS tak lulus macam mana. Lagipun mengapa tidak matang bila Ahli PAS 13 tahun pun boleh masuk jadi Ahli PAS kalau 13 tahun cukup matang jadi Ahli PAS. Mengapa 18 tahun tidak matang untuk buang undi. Saya sini bukan untuk buat. Ini terpulang pada Ketua Menteri. Kalau nanti Yang Berhormat nak sebut boleh sebut.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Yang Berhormat Air Putih, Yang Berhormat Air Hitam sebab dalam Parlimen 18 Ahli Parlimen PAS memang bersetuju. 18 Ahli Parlimen Pas memang bersetuju. Untuk makluman Yang Berhormat berkaitan dengan

Undi 18 kesemua Ahli Parlimen PAS 18 orang kesemuanya bersetuju jadi tak timbul kata PAS menolak. Bahkan hari ini kebanyakan negeri-negeri telah pun bersetuju cuma yang belum lagi meluluskan di peringkat Dewan Undangan Negeri hanya Kedah dan juga Pulau Pinang.

Ahli Kawasan Air Putih (YB. Lim Guan Eng):

Itulah yang saya sarankan. Tapi kita harap itu Yang Berhormat jangan buat *U-turn* macam presiden Yang Berhormat. Buat *U-turn* sekarang cakap kurang matang itu sebab tak boleh undi sungguhpun 18 tahun. Itu yang kita harap jangan buat *U-turn*, buat *U-turn* ikut macam UMNO dia cakap harus benarkan mereka undi sekarang tetap tidak berganjak itu yang penting.

Saya sekali lagi ucapkan terima kasih atas peluang ini dan saya harap dan saya pasti bahawa Sesi Libat Urus ini membuka mata kepada seluruh rakyat Malaysia. Mereka puji Pulau Pinang, puji Kerajaan Negeri Pulau Pinang kerana berani adakan sesi alternatif seperti sesi Dewan Undangan Negeri. Sekiranya boleh dilakukan di Pulau Pinang saya yakin ia boleh dilakukan juga di Parlimen dan kita harap boleh pulihkan Parlimen buka semula Parlimen buka semula Dewan Undangan Negeri supaya suara dan masalah rakyat dapat dibawa ke dalam oleh wakil rakyat yang mereka pilih. Sekian, terima kasih.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Air Putih kerana menyokong Sesi Libat Urus ini dan minta ianya diadakan lebih kerap. Saya saksikan tadi dengan pencelahan Penaga dengan Air Putih merancakkan Sesi Libat Urus ini seolah-olah macam sidang dewan. Tetapi kita sudah sampai

penghujung Sesi Libat Urus. Mungkin lain sesi libat urus kita membenarkan segmen perbahasan.

Ia berhubung dengan sesi Dewan Undangan Negeri sebenarnya saya sedia untuk menyentuh dalam ucapan penutupan tetapi memandangkan Yang Berhormat Air Putih telah bangkitkan maka saya jawablah pada ketika ini. Itu berpandukan kepada pandangan Jabatan Peguam Negara yang diberikan kepada Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri untuk membolehkan Dewan Undangan Negeri bersidang semasa tempoh darurat Seksyen 15(1)(b) Ordinan Darurat jelas memperuntukkan bahawa Dewan Undangan Negeri boleh dipanggil untuk bersidang walaupun Parlimen tidak bersidang dengan melalui syor yang dikemukakan oleh Yang di-Pertua Negeri atas nasihat Majlis Mesyuarat Kerajaan kepada Yang di-Pertuan Agong. Melalui proses perundingan di antara Yang di-Pertua Negeri dan Yang di-Pertuan Agong di mana syor itu tidak mengikat Yang di-Pertuan Agong. Yang di-Pertuan Agong bolehlah membuat apa-apa pertimbangan yang sewajarnya di bawah Seksyen 15(1)(b) Ordinan Darurat tersebut.

Oleh kerana kuasa-kuasa ini akan diguna pakai menurut Ordinan Darurat yang berhubung dengan penularan wabak COVID-19 cadangan untuk menetap tarikh memanggil Sidang DUN tersebut sewajarnya dikemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara terlebih dahulu untuk tindakan selanjutnya. Itu pandangan Peguam Negara dan memandangkan ada pandangan ini maka saya ingin mengumumkan pihak Kerajaan Negeri akan menghantar surat rasmi kepada Majlis Keselamatan Negara untuk memohon kebenaran untuk membolehkan Sidang DUN dijalankan.

Balik kepada isu Undi 18, sebenarnya Yang Berhormat EXCO Belia dan Sukan saudara Soon Lip Chee telah memberi jawapan semasa pembentangan dan banyak kali beliau menyampaikan maklumat dalam media. Undi 18, sebagai pengundi memang tidak menjadi isu memandangkan Parlimen telah meluluskan dan tidak bangkit juga dan tak perlu juga Dewan Undangan Negeri meluluskan perkara ini. Memandangkan ianya di bawah bidang kuasa Persekutuan dan SPR untuk membenarkan pengundi bagi umur 18 tahun.

Tetapi bagi calon 18 menjadi calon dalam pertandingan DUN memerlukan pindaan Perlembagaan Negeri sebab Perlembagaan Negeri ada perkara yang menyentuh tentang kelayakan mana-mana orang yang layak bertanding sebagai calon.

Pada kini adalah umur 21, kita faham bahawa Yang Berhormat Soon sedang berusaha dan mengambil tindakan termasuk mengadakan libat urus, buat soal selidik dan rata-rata adalah menyokong dan kita akan menyusuli perkara ini dan kalau boleh apabila dewan ini bersidang semula ianya dapat dibentangkan.

Jadi saya minta Yang Berhormat Soon bersama dengan Dato' Penasihat Undang-Undang dapatlah mengambil tindakan sewajarnya. Sekian dan saya jemput ahli-ahli yang berikut. Yang Berhormat Bagan Dalam.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Tak ada orang soal, so saya soal. Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, sejak dua (2) hari ni kita memang bincang tentang hal dengan air Kedah yang selalu kita diancam kononnya kita akan minum air selut tetapi saya telah mendapat tahu. Sejak beberapa minggu lalu beberapa

kawasan di Kedah memang tak ada air, dia nak sekat air kita tetapi dia tak dapat bekal air di sana.

So saya nak tahu apakah pendirian Kerajaan Negeri tentang ancaman-ancaman, provokasi-provokasi yang dibuat oleh Menteri Besar Kedah dan kini yang terbaharu walaupun rasanya Menteri Besar dari ini PAS ini tidak faham tentang hak *riparian* yang memang sudah terjamin.

So adakah Kerajaan Negeri akan mengambil tindakan untuk menghentikan provokasi-provokasi daripada Menteri Besar PAS yang tidak faham undang-undang ini dan saya pun nak tahu dan semalam saya nak tahu pendirian Ketua Pembangkang. Ahli dari Penaga tak ada dalam dewan ini, so saya nak tahu apakah pendirian kawan saya daripada Penaga. Adakah sokong Pulau Pinang ataupun sokong Menteri Besar Kedah PAS yang terus menerus ancam dan *provoke* Pulau Pinang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Boleh jawab kalau nak jawab, saya tak ada masalah kalau nak jawab. Ini baru macam Sidang Dewan Undangan Negeri.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Terima kasih, atas kebenaran yang diberi. Saya respon sikit atas apa yang telah diajukan oleh sahabat saya Yang Berhormat Satees berkaitan dengan isu air jadi saya harap benda ini dapat diselesaikan. Saya harap perkara ini dapat diselesaikan antara Kerajaan dengan Kerajaan.

Kita *Penang* memang kita tetap akan jaga rakyat *Penang* cuma isu air selut ini saya rasa tak berbangkit lagi dan belum air itu pun belum belum berlaku lagi kita masih minum air bersih. Cuma saya bimbangny

kalau Kerajaan Negeri prihatin dengan sungai-sungai dalam Negeri Pulau Pinang terutama sekali Sungai Kereh yang tercemar dengan pencemaran najis babi. Sepatutnya kita bersih dan kita pastikan sungai-sungai di Pulau Pinang ini lebih bersih. Kalau boleh kita minum daripada air sungai di negeri kita sendiri. Terima kasih.

Ahli Kawasan Bagan Dalam (YB. Satees a/l Muniandy):

Tak menyatakan pendirian sokong Menteri Besar Kedah kah? Ketua Menteri Pulau Pinang?

Y.A.B. Ketua Menteri:

Penaga sudah jawab dia memang memihak kepada Pulau Pinang. Betul, *ya? I didn't put words into your mouth, correct, okay.* Bagus, maksudnya dia tidak sokong Menteri Besar Kedah. Ini yang saya cakap.

Ahli Kawasan Penaga (YB. Mohd. Yusni bin Mat Piah):

Tak apa itu kawan saya nanti kita bincang belakang.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Terima kasih Yang Berhormat Bagan Dalam kerana telah menyemarakkan dewan dengan soalan tentang air selut. Sebenarnya kita mendapati bahawa Negeri Kedah di banyak kawasan memang menghadapi masalah bekalan air, catuan air dan sebagainya. Kita simpati kepada rakyat jelata di kawasan-kawasan berkenaan.

Melalui laporan media kita melihatlah rintihan penduduk-penduduk bagaimana mereka perlu tahan berbulan-bulan cuma dengan penghantaran tangki air sahaja yang memang tidak membawa penyelesaian kehidupan penduduk-penduduk di Negeri Kedah.

Tetapi ini isu untuk dibereskan oleh Menteri Besar Kedah. Namun begitu pihak berkuasa air atau PBAPP memang merupakan syarikat pengendali air terunggul di negara ini dan terpanggil untuk memberi bantuan dalam situasi kecemasan. Baru-baru ini saya terima surat daripada Menteri Besar Pahang mengucapkan terima kasih, kerana semasa berlakunya banjir baru-baru ini PBA juga hantar tangki-tangki air dengan petugas-petugas untuk membantu keadaan di Negeri Pahang khususnya di kawasan Raub saya rasa kalau tak silap saya dalam surat yang saya terima. Kita rela memberi bantuan dan Menteri Besar Pahang pun secara *gentlemen* menghantar surat untuk mengucapkan terima kasih. Di Negeri Kedah pun sama kalau berlakunya keadaan kecemasan sememangnya sebelum ini banyak kali termasuk kali ini juga dihantar pasukan petugas dan tangki air untuk membantu rakyat bukan membantu Menteri Besar.

Dalam isu ini memang prinsip dan pegangan kita *when they go low we go high*. Dari segi prinsipnya kita mahu menghayati undang-undang dalam kes ini dan bukan mengeluarkan kenyataan yang menyakit hati, kenyataan yang tidak bermakna, kenyataan yang menunjukkan sikap orang yang mengeluarkan kenyataan sedemikian.

Jadi kita memang harap Kerajaan Persekutuan dengan tanggungjawab yang diberikan dalam Perlembagaan memainkan fungsinya untuk memastikan Negeri Pulau Pinang tidak terjejas apabila apa-apa projek yang dilaksanakan di Negeri Kedah tidak menjejaskan hak *riparian* kita untuk mengambil air yang bersih untuk kegunaan rakyat di Negeri Pulau Pinang. Ya saya jemput ahli yang seterusnya kalau ada. Saya pun dengar loceng dah, *okay* saya rasa sesuai tamat di sinilah. *When you are on high you should stop immediately*. Sekian, terima kasih.

Pengacara Majlis:

Terima kasih diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow di atas pembentangan beliau sebentar tadi. Setinggi-tinggi penghargaan kepada semua Yang Berhormat Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan di atas pembentangan Yang Berhormat sepanjang dua (2) hari majlis ini berlangsung. Sebagai penutup Sesi Libat Urus antara Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bersama Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tahun 2021. Majlis sekali lagi menjemput Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow, Ketua Menteri Pulau Pinang bagi menyampaikan ucapan. Majlis dengan segala hormatnya mempersilakan.

Y.A.B. Ketua Menteri:

Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan serta Ketua-Ketua Jabatan bagi pihak Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-Ahli Dewan yang telah mengambil bahagian yang cergas dalam sesi dialog Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri EXCO bersama dengan Ahli-Ahli Dewan selama dua (2) hari ini.

Saya rasa ini satu pengalaman yang baharu, pengalaman yang baik juga dan saya dapat reaksi daripada ahli-ahli bahawa ianya memang satu sesi yang baik, sesi yang membawa manfaat kepada kita dan membolehkan kita meneruskan kewajipan kita sebagai wakil rakyat dan kewajipan kita sebagai pentadbiran dan Agensi Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan Persekutuan juga.

Jadi berhubung dengan DUN yang sebenarnya, saya pun sudah mendahulukan jawapan tadi memang dalam ucapan penutup ada menyentuh perkara yang sama jadi kita akan menulis kepada Majlis

Keselamatan Negara tentang hasrat kita mahu Dewan Undangan Negeri bersidang dengan sebenarnya. Namun begitu kalau Ahli-Ahli Yang Berhormat merasakan Sesi Libat Urus atau Sidang Libat Urus ini sesuai diadakan kita terbuka kepada cadangan untuk mengadakan sekali lagi sekiranya DUN yang sebenar tidak bermesyuarat dalam tempoh beberapa bulan yang akan datang ini.

Jadi akhir kata marilah kita tumpu perhatian kepada ancaman pandemik COVID-19 dan juga dalam Program Imunisasi COVID-19 ini kita harus menggalakkan rakyat jelata Pulau Pinang mendaftar untuk menerima vaksin yang akan membantu kita pulih daripada keadaan. Di Negeri Pulau Pinang kita sudah siap sedia bagi fasa kedua.

Saya dimaklumkan Menteri MOSTI akan melawat Pulau Pinang pada 1 hari bulan April ini untuk meninjau kesiapsiagaan Negeri Pulau Pinang dalam memulakan fasa dua Program Imunisasi COVID-19 dan semoga pihak Kerajaan Negeri akan membangkitkan isu-isu yang penting untuk penyelesaian Menteri yang bertanggungjawab.

Jadi dengan itu, sekian terima kasih sekali lagi dan bertemu lagi samada di Sidang DUN atau di Sidang Libat Urus. Terima kasih.

Pengacara Majlis:

Majlis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Tuan Chow Kon Yeow di atas ucapan yang telah disampaikan. Maka dengan ini berakhirlah Sesi Libat Urus antara Yang Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bersama dengan Yang Berhormat Ahli Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang tahun 2021.

Majlis mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri, Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, Yang Berhormat Ex-Officio, Yang Berhormat Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri, Yang Berbahagia Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan, Yang Berusaha Timbalan Setiausaha Kerajaan Pengurusan serta Ketua-Ketua Jabatan, pihak-pihak media, tuan-tuan dan puan-puan di atas kesudian menjayakan majlis pada hari ini. Untuk itu saya sudahi dengan *wabilahitaufik walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan.